



DR 4 TAHUN 2014  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGAL KEDUA

LAPORAN  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PERKHIDMATAN KAWALAN  
KESELAMATAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN / SEKOLAH

- KEMENTERIAN PENDIDIKAN-



**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<b><u>BIL</u></b>	<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKASURAT</u></b>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah	1
2.	Pandangan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	17
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 6/2013 pada 27 November 2013	20
	b. Bilangan 11/2014 pada 2 April 2014	21
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 6/2013 pada 27 November 2013	
	b. Bilangan 11/2014 pada 2 April 2014	
5.	Dokumen Pembentangan	

**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**

# LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TERHADAP PENGURUSAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN / SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## 1. LATAR BELAKANG

Isu pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 telah mendapat liputan yang meluas daripada media massa dan telah memberikan satu imej yang negatif kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Pendidikan.

Perbelanjaan tahunan bagi perkhidmatan kawalan keselamatan melalui kontrak dan sebut harga adalah berjumlah hampir RM800 juta setahun di lebih 10,800 buah sekolah. Ini merupakan satu belanjawan tahunan yang begitu besar dan perlu dipastikan bahawa perbelanjaan ini adalah berhemat, mendapat nilai terbaik (*value for money*) dan juga dilaksanakan dengan baik tanpa ada ketirisan ataupun ada unsur-unsur lain. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah memutuskan untuk membincangkan "*Isu Berhubung Kawalan Keselamatan di Bawah Kontrak Kementerian Pendidikan*".

Perkara berkaitan pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah' Kementerian Pendidikan Malaysia telah dibincang dalam dua mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara iaitu pada Rabu, 27 November 2013 dan Rabu, 2 April 2014.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN OLEH JAWATANKUASA**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah membincangkan isu berhubung Kawalan Keselamatan di bawah Kontrak Kementerian Pendidikan yang telah dibangkitkan dalam Perenggan 11 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 (Siri 2). Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- melihat tindakan-tindakan dan isu-isu dari segi pelaksanaan;
- melihat soal-soal dasar semasa dan juga penurunan kuasa atau *decentralization*;
- apakah tindakan-tindakan tegas yang telah diambil oleh pihak Kementerian; dan
- mengkaji semula dasar penswastan atau melihat semula dasar lain yang lebih sesuai dan lebih memberi manfaat.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia termasuklah Yang Berhormat Menteri dan pegawai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia; dan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia;
- Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk hadir bersama.

## **4. HASIL PERBINCANGAN**

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu berkenaan oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang diketuai oleh YB. Menteri akan dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **4.1. Penjelasan Awal Oleh Timbalan Ketua Audit Negara**

Timbalan Ketua Audit Negara memaklumkan bahawa pengauditan yang dijalankan adalah berkaitan Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Institusi Pendidikan / Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah dibentangkan dalam Siri 2, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 (Perenggan 11) pada 1 Oktober 2013. Skop pengauditan adalah bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang melibatkan Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset Kementerian (BPPA), tiga (3) Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) iaitu di Perlis, Sabah dan Selangor, lima (5) Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Klang, Sabak Bernam, Petaling Perdana, Semporna, Penampang, Sabah dan di Perlis dan 35 sekolah/asrama yang dipilih sebagai sampel audit.

Isu-isu yang ditemui ialah pengurusan kontrak tidak teratur seperti bon pelaksanaan lewat dikemukakan; bilangan kunci merakam *watchman clock* tidak dinyatakan dalam kontrak; pemasangan *Alarm System* dan CCTV tidak teratur seperti tidak dipasang dan tidak berfungsi; syarikat gagal mengemukakan maklumat peribadi pengawal keselamatan; umur pengawal keselamatan melebihi had; laporan kesihatan dan tapisan keselamatan tidak dikemukakan; rekod kehadiran tidak disediakan oleh syarikat; etika berpakaian pengawal tidak menepati peraturan; peralatan tidak digunakan, mencukupi dan rosak; kawalan keluar masuk sekolah tidak dilaksanakan dengan baik; rakaman waktu rondaan *watchman*

*clock* tidak teratur; kehadiran pengawal keselamatan bertugas tidak mencukupi; denda tidak dikenakan terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan dan tuntutan bayaran tidak teratur seperti laporan pelaksanaan perkhidmatan secara bulanan tidak dilengkapkan oleh pihak syarikat/sekolah bagi tujuan pembayaran.

Keadaan ini berlaku disebabkan sekolah terlibat tidak dibekalkan dengan syarat-syarat kerja yang perlu dilaksanakan oleh pihak syarikat berasaskan dokumen kontrak.

#### **4.2. Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 11 Jun 2013**

- i. Mulai bulan September 2012, pihak Perbendaharaan telah memberikan kebenaran khusus kepada Kementerian untuk melanjutkan tempoh penyerahan Bon Pelaksanaan kepada 30 hari. Kementerian juga telah mengeluarkan satu garis panduan pada 10 April 2013 berkaitan pengurusan kontrak untuk rujukan. Bagi kontrak baru, JPN diberi peringatan agar tidak mencatatkan tarikh kuatkuasa kontrak tetapi mencatatkan tarikh kontrak ditandatangani.
- ii. Pihak sekolah diminta untuk berbincang dengan pihak syarikat bagi mendapatkan persetujuan bersama mengenai penetapan bilangan dan kedudukan kunci *watchman clock* agar mencukupi serta ditempatkan di lokasi yang berisiko.

Kementerian pada 20 Mac 2013 telah mengeluarkan surat peringatan kepada sekolah supaya mengambil tindakan pemotongan/denda terhadap syarikat yang gagal mematuhi syarat kontrak berkaitan Rakaman *Watchman Clock*. Pada tahun 2012, pemantauan telah dilakukan terhadap 1,225 buah sekolah dan mana-mana syarikat yang gagal mematuhi terma dan syarat kontrak telah diberi teguran sewajarnya

- iii. Kementerian pada 20 Mac 2013 telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua JPN dan sekolah agar memberi amaran dan mengenakan denda kepada syarikat yang gagal membekalkan *alarm system* dan CCTV atau yang tidak berfungsi dengan baik. Kementerian juga akan meminta pihak syarikat memberi taklimat kepada pihak pengurusan sekolah berkenaan pengendalian CCTV dan *alarm system*. Berhubung spesifikasi peralatan, lokasi, pemilikan, latihan dan pembekalan peralatan, Kementerian akan membuat penelitian dengan lebih mendalam memandangkan perkara ini melibatkan implikasi kewangan.
- iv. Kementerian akan menambahbaik fasal 8 syarat perjanjian dengan mewajibkan pihak syarikat mengemukakan maklumat pekerja baru dalam tempoh 2 minggu hari bekerja selepas memulakan perkhidmatan manakala 7 hari bekerja bagi penggantian pekerja. Sekiranya syarikat gagal mengemukakan maklumat pekerja baru/penggantian, bayaran tuntutan bulanan boleh ditahan sehingga syarikat mengemukakan maklumat pekerja. Kementerian juga telah mengeluarkan surat kepada semua JPN pada 6 Jun 2013 meminta setiap syarikat menyerahkan semua maklumat pengawal keselamatan kepada pihak sekolah.
- v. Kementerian memaklumkan, pihak syarikat perlu mendapatkan kebenaran daripada BPPA terlebih dahulu jika ingin menggunakan khidmat pengawal yang berumur melebihi 58 tahun dan perlu menyertakan laporan kesihatan daripada hospital Kerajaan serta surat sokongan daripada pihak sekolah. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 20 Mac 2013 kepada semua JPN dan sekolah yang terlibat agar mengeluarkan surat amaran serta mengambil tindakan pemotongan bayaran kepada syarikat jika tidak mematuhi syarat yang ditetapkan.



- vi. Kementerian pada 20 Mac 2013 telah mengeluarkan surat peringatan kepada sekolah supaya melaporkan ketidakpatuhan syarikat pada mana-mana syarat kontrak kepada JPN/PPD. JPN/PPD perlu mengambil tindakan pemotongan/denda kepada syarikat terbabit.
- vii. Menurut Kementerian terdapat kekangan peruntukan bagi perolehan peralatan fizikal sekolah terutamanya untuk membaiki atau mengganti pagar sekolah yang baru. Kementerian akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan supaya pagar yang rosak dapat dibaiki segera.
- viii. Kementerian sentiasa memantau prestasi syarikat yang memberikan perkhidmatan dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2011 hingga Mei 2013 sebanyak 733 aduan diterima hasil pemantauan Kementerian dan 623 surat amaran telah dikeluarkan. Bermula dari tahun 2010 sehingga kini, sebanyak 20 kontrak perjanjian telah ditamatkan kerana kegagalan syarikat mematuhi perkhidmatan. Kementerian turut memberikan taklimat kepada semua JPN, PPD dan sekolah agar melindungi hak Kerajaan dengan menguatkuasakan syarat perjanjian.
- ix. Kementerian telah mengeluarkan Pekeliling Perolehan Bil. 1 Tahun 2011 yang menjelaskan tatacara tuntutan pembayaran yang perlu di patuhi oleh pihak pembayar dan PTJ. Teguran juga telah dibuat melalui surat bertarikh 20 Mac 2013 agar borang pengesahan diisi dengan lengkap sebelum pembayaran dibuat.
- x. Pada tahun 2011 hingga Mei 2013, BPPA telah melaksanakan 27 lawatan yang meliputi 855 buah sekolah. Selain itu pada tahun 2011 dan 2012, Audit Dalam Kementerian juga turut mengadakan lawatan pemantauan bagi memeriksa prestasi kontraktor di 1,338 buah sekolah. Kementerian turut mengeluarkan Garis Panduan Penilaian

Prestasi Kontraktor pada 8 Januari 2013 yang memerlukan setiap sekolah menghantar laporan prestasi perkhidmatan syarikat

#### **4.3. Keterangan Oleh Presiden Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia**

Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia telah dijemput bagi memberikan penjelasan berkaitan peranan persatuan, ciri-ciri dan kelayakan ahli-ahli persatuan, pandangan persatuan mengenai sistem *central contract* yang digunakan untuk melantik syarikat kawalan keselamatan. Persatuan juga memberi penjelasan mengenai kenyataan syarikat keselamatan berkaitan isu rasuah yang ditulis dalam artikel surat khabar *The Star*.

Semasa memberi penjelasan, Presiden Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia telah menyentuh beberapa isu seperti berikut:

- i. Persatuan berpendapat bahawa harga tender yang ditawarkan kepada syarikat adalah rendah. Ini adalah disebabkan Kementerian telah melaksanakan perolehan perkhidmatan keselamatan seperti perolehan bekalan dan tidak mengambil kira faktor-faktor yang diperlukan dalam penetapan harga untuk memberikan perkhidmatan keselamatan yang menepati keperluan kontrak.
- ii. Ketiadaan *due diligence* dalam pemilihan syarikat. Kementerian biasanya melaksanakan proses tender mengikut zon yang melibatkan beberapa sekolah di sesebuah negeri. Masalahnya Kementerian tidak membuat *due diligence* kepada penender seperti mengadakan lawatan ke syarikat menyebabkan terdapat syarikat yang ditawarkan kontrak di negeri yang mereka tidak mempunyai cawangan. Antara perkara yang perlu diberi perhatian semasa

proses *due diligence* ialah status lesen, ahli persatuan dan mempunyai cawangan di negeri yang ditawarkan kontrak. Kemampuan syarikat melaksanakan perkhidmatan adalah penting kerana perkhidmatan keselamatan memerlukan kehadiran secara berterusan di sekolah dan sentiasa dipantau. Tanpa kewujudan cawangan di sesebuah negeri menyebabkan syarikat menyerahkan tugas tersebut kepada syarikat lain.

- iii. Penetapan kadar harga yang dibuat oleh Kementerian tidak realistik kerana tidak meliputi kos logistik, kos operasi dan mobiliti, kos latihan, pengurusan dan risiko. Kementerian juga perlu mengambilkira perkara berkaitan keluasan sekolah, jumlah murid, jarak syarikat ke sekolah dan jumlah aset yang dimiliki dalam menentukan harga.
- iv. Persatuan menganggarkan terdapat seramai 30,000 hingga 50,000 pengawal keselamatan di Lembah Klang yang tidak berdaftar di mana syarikat yang menggajikan mereka untuk mendapat keuntungan yang lebih tinggi kerana gaji yang ditawarkan adalah lebih rendah. Perkara ini telah dibangkitkan kepada Kementerian Dalam Negeri tetapi tiada tindakan diambil.

#### **4.4. Keterangan Oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan**

**Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh ( Menteri Pendidikan II)** memandang serius perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara berhubung isu pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan di Institusi Pendidikan/Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. **Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan** menjelaskan bahawa beberapa tindakan dan penambahbaikan telah

dilaksanakan selepas mendapat teguran daripada Ketua Audit Negara seperti berikut:

- i. Kementerian telah memperketat *the whole value chain of process* dan prosedur Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di sekolah. Antara langkah yang dibuat adalah mewajibkan Surat Setuju Terima (SST) dikemukakan bersama dengan Bon Pelaksanaan dan sekiranya gagal berbuat demikian dalam tempoh 30 hari, syarikat tidak dibenarkan untuk memulakan perkhidmatan. Mulai tahun 2014, syarikat yang tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan ataupun SST, dan tidak menandatangani kontrak tidak dibenarkan untuk memulakan perkhidmatan di sekolah tersebut. Contohnya Kementerian mempunyai 201 kontrak yang telah dikeluarkan Surat Setuju Terima pada bulan Januari 2014. Daripada 201 buah kontrak, 58 syarikat kawalan keselamatan gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh 30 hari seperti yang ditetapkan dalam SST. Sehubungan itu, Kementerian telah mengeluarkan dua kali Notis Tujuan Penamatan kepada 58 syarikat ini dan 55 syarikat telah mengemukakan Bon Pelaksanaan, manakala bagi tiga yang tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan, Notis Penamatan telah pun dikeluarkan pada 31 Mac 2014.
- ii. Mulai tahun 2014, Kementerian telah merancang empat bengkel pentadbiran kontrak kepada pentadbir-pentadbir sekolah. Bengkel Siri Pertama telah diadakan pada 6 Mac 2014 di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan 205 orang pengetua dan guru besar dari dua buah PPD.
- iii. Mulai tahun 2014, Kementerian telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) kepada guru besar, pengetua mengenai melaksanakan obligasi kontrak dan pemantauan kontrak. Selain itu PPD juga telah diberi KPI untuk memantau bagi memastikan pelaksanaan kontrak berjalan dengan baik.

- iv. Kementerian juga telah menetapkan supaya *watchman* perlu diletakkan di sekitar kawasan sekolah, bukannya hanya tempat tertentu sahaja. Ini adalah untuk mengelakkan *watchman clock* di kunci di satu tempat sahaja dan memastikan pengawal mengunci pada waktu yang ditetapkan.
- v. Kementerian telah menetapkan bahawa bilangan minimum CCTV adalah empat (4) dan lokasi tersebut adalah di bilik komputer, pintu pagar utama, blok pentadbiran dan bilik yang menyimpan aset yang berharga. Manakala *monitor* di pasang di pondok pengawal.
- vi. Kementerian turut memastikan supaya pengawal yang dilantik adalah warganegara Malaysia, berumur kurang daripada 55 tahun dan membuat Laporan Kesihatan untuk memastikan mereka sihat. Sekiranya pihak syarikat tidak mengikut peraturan yang dinyatakan dalam kontrak seperti mengambil pekerja bukan warganegara, dan tidak memakai pakaian seragam, potongan 20% akan dikenakan kepada syarikat. Pada tahun 2013 dan 2014, Kementerian telah memotong sebanyak tidak kurang 20% daripada harga kontrak bagi *non compliances* oleh syarikat-syarikat, sama ada tidak cukup pengawal yang hadir atau pengawal-pengawal yang tidak memakai uniform.
- vii. Kementerian juga menghendaki syarikat membekalkan maklumat pengawal dalam tempoh 14 hari bekerja selepas memulakan perkhidmatan dan tujuh hari bekerja bagi penggantian pengawal sedia ada kepada kerajaan. Maklumat yang mereka perlu bekalkan hendaklah disertakan dengan nama, gambar, nombor telefon pengawal, salinan kad pengenalan, kelayakan dan latar belakang pengawal dan jadual bertugas pengawal.

- viii. Bagi pengawal-pengawal yang bertugas dan memerlukan tapisan keselamatan, pihak Kementerian telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).
- ix. Kementerian telah menetapkan pakaian seragam bagi pengawal keselamatan adalah berwarna putih, seluar berwarna biru gelap di lengkapi dengan lencana, lambang syarikat, topi, kasut, cota, lampu suluh dan wisel.
- x. Audit Pengurusan Dalaman akan dilaksanakan oleh Audit Dalam Kementerian untuk memastikan pemantauan dan penilaian berterusan.
- xi. Kementerian juga telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 41 pegawai Kementerian daripada peringkat Kementerian sehingga ke negeri, PPD, guru besar dan juga pengetua sekolah yang telah memperakukan *improper payment*. Tindakan mengemukakan *Show-Cause Letter* kepada pegawai terbabit telah dibuat dan mereka sedang menjawab surat tersebut.
- xii. Kementerian dengan bantuan Jabatan Perkhidmatan Awam telah melaksanakan penyusunan semula dengan menukarkan satu pertiga daripada pegawai BPPA yang menguruskan kontrak kawalan keselamatan dan juga telah menempatkan Setiausaha Bahagian dan Timbalan Setiausaha Bahagian yang baru.
- xiii. Kementerian telah mewujudkan daftar kehadiran bagi setiap pengawal bertugas untuk ditandatangani dan ia merupakan dokumen sokongan wajib sebelum pembayaran boleh dibuat oleh sekolah.
- xiv. Untuk tahun 2014, Pegawai Pengawal telah mewakili kuasa menandatangani kontrak sehingga had RM5 juta kepada Pengarah-

Pengarah Pendidikan Negeri bagi tender perkhidmatan seperti perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan kebersihan dan perkhidmatan bekalan bahan masak. Kementerian juga telah memperincikan dan memperketatkan klausa dan obligasi kontrak untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

- xv. Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui *pilot* projek yang mana Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) akan membantu memantau tahap pematuhan syarikat terhadap obligasi kontrak bagi 30 buah sekolah yang berisiko tinggi di kawasan Lembah Klang.
- xvi. Kementerian turut memaklumkan bahawa KDN telah merancang untuk mengadakan pegawai keselamatan bertauliah (*certified security officers*) yang memerlukan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan KDN menghantar pengawal-pengawal keselamatan mereka untuk menjalani kursus di bawah pengawasan KDN. Kementerian berharap diberi keutamaan kerana keselamatan pelajar lebih penting daripada keselamatan bangunan, pejabat dan sebagainya.
- xvii. Kementerian telah melaksanakan bengkel yang melibatkan Kementerian Kewangan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Audit Dalam Kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengkaji spesifikasi kontrak, norma penetapan bilangan pengawal dan klausa-klausa kontrak lain yang perlu diperketatkan.
- xviii. Dari segi pemantauan pelaksanaan kontrak, Audit Dalam Kementerian telah mewujudkan sistem *online, Virtual Environment Management* (VEM). Melalui sistem tersebut, pihak pengurusan atasan Kementerian boleh memantau secara langsung pengurusan sekolah. Melalui sistem tersebut juga, pemantauan terhadap jumlah

kesalahan yang dilakukan oleh pengawal keselamatan dapat dikesan lebih awal.

Kementerian menganggap tohmahan berhubung isu rasuah yang dibangkitkan oleh *The Star* adalah tidak berasas jika dibuat tanpa sebarang bukti. Kementerian juga bersedia memberi kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sekiranya terdapat aduan atau bukti berkenaan perkara tersebut.



## 5. RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

5.1. Bagi isu-isu yang dibangkitkan berhubung pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan di Institusi Pendidikan/Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, PAC berpuas hati dengan kehadiran YB Menteri yang memberikan komitmen yang tinggi terhadap isu berbangkit dan dengan jawapan dan tindakan-tindakan susulan setakat ini. Walaubagaimanapun PAC meminta Kementerian meningkatkan penyelarasan pengurusan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan di antara Kementerian, JPN, PPD dan sekolah. Pihak PAC mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara dapat menjalankan pengauditan semula dalam tempoh setahun untuk menilai prestasi dan pencapaian langkah-langkah penambahbaikan pengurusan kawalan keselamatan di sekolah-sekolah. Audit Dalam Kementerian diminta untuk meneruskan pemantauan terhadap pengurusan kawalan keselamatan.

5.2. PAC berpendapat bahawa perolehan secara *Central Tender* boleh diteruskan dengan memperketatkan penyediaan terma-terma kontrak, syarat-syarat kontrak, pengurusan kontrak dengan mengambil kira perkara-perkara seperti keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset dan dasar gaji minimum dalam penetapan kadar harga. Selain itu, perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan perlu dibuat mengikut tender perolehan perkhidmatan bukan bekalan bagi memastikan perbelanjaan adalah secara berhemat dan *value for money*.

## 6. SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

6.1. PAC mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan perkara-perkara seperti berikut:

- i. tender kawalan keselamatan perlu dilaksanakan secara *prequalification* yang mana hanya syarikat yang benar-benar mempunyai keupayaan dan pengalaman dijemput untuk mengambil bahagian dalam tender;
- ii. *due diligence* perlu dibuat bagi memastikan syarikat yang dilantik berkeupayaan menjalankan perkhidmatan yang ditawarkan;
- iii. harga yang ditawarkan perlu munasabah dengan mengambilkira faktor-faktor seperti bilangan murid, keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset yang ada dan dasar gaji minimum;
- iv. Audit Dalam Kementerian perlu membuat semakan semula pada hujung tahun 2014 bagi memastikan penambahbaikan yang dijanjikan dilaksanakan; dan
- v. pembekalan alat seperti CCTV, *watchman clock* dan sebagainya mestilah dasingkan daripada perkhidmatan keselamatan dan diserahkan kepada syarikat yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan.

6.2. PAC akan memanggil Kementerian Dalam Negeri bagi memberi penjelasan berhubung isu kualiti, disiplin dan kelayakan pengawal keselamatan; proses perlesenan syarikat keselamatan dan isu pengambilan pengawal keselamatan warga asing.

6.3. PAC mencadangkan Kementerian mengambil tindakan lebih tegas terhadap syarikat kawalan keselamatan yang tidak mematuhi

syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan. Antara tindakan yang perlu diambil dengan segera termasuk penalti yang setimpal dengan kesalahan yang dibuat.

- 6.4. PAC mencadangkan supaya syarikat yang bermasalah tegar disenaraihitamkan.
- 6.5. PAC mencadangkan Kementerian mengambil serius tuduhan amalan rasuah dan mengadakan siasatan menyeluruh ke atas pengurusan kontrak kawalan keselamatan sekolah ini. PAC juga mencadangkan SPRM menjalankan siasatan berasingan mengenai isu ini.

### **Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara**

**SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**RUMUSAN & SYOR**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

PARA	RUMUSAN & SYOR
5.1.	<p>Bagi isu-isu yang dibangkitkan berhubung pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan di Institusi Pendidikan/Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, PAC berpuas hati dengan kehadiran YB Menteri yang memberikan komitmen yang tinggi terhadap isu berbangkit dan dengan jawapan dan tindakan-tindakan susulan setakat ini. Walaubagaimanapun PAC meminta Kementerian meningkatkan penyelarasan pengurusan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan di antara Kementerian, JPN, PPD dan sekolah. Pihak PAC mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara dapat menjalankan pengauditan semula dalam tempoh setahun untuk menilai prestasi dan pencapaian langkah-langkah penambahbaikan pengurusan kawalan keselamatan di sekolah-sekolah. Audit Dalam Kementerian diminta untuk meneruskan pemantauan terhadap pengurusan kawalan keselamatan.</p>
5.2.	<p>PAC berpendapat bahawa perolehan secara <i>Central Tender</i> boleh diteruskan dengan memperketatkan penyediaan terma-terma kontrak, syarat-syarat kontrak, pengurusan kontrak dengan mengambil kira perkara-perkara seperti keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset dan dasar gaji minimum dalam penetapan kadar harga. Selain itu, perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan perlu dibuat mengikut tender perolehan perkhidmatan bukan bekalan bagi memastikan perbelanjaan adalah secara berhemat dan <i>value for money</i>.</p>

PARA	RUMUSAN & SYOR
6.1.	<p>PAC mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan perkara-perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. tender kawalan keselamatan perlu dilaksanakan secara <i>prequalification</i> yang mana hanya syarikat yang benar-benar mempunyai keupayaan dan pengalaman dijemput untuk mengambil bahagian dalam tender;</li> <li>ii. <i>due diligence</i> perlu dibuat bagi memastikan syarikat yang dilantik berkeupayaan menjalankan perkhidmatan yang ditawarkan;</li> <li>iii. harga yang ditawarkan perlu munasabah dengan mengambilkira faktor-faktor seperti bilangan murid, keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset yang ada dan dasar gaji minimum;</li> <li>iv. Audit Dalam Kementerian perlu membuat semakan semula pada hujung tahun 2014 bagi memastikan penambahbaikan yang dijanjikan dilaksanakan; dan</li> <li>v. pembekalan alat seperti CCTV, <i>watchman clock</i> dan sebagainya mestilah diasingkan daripada perkhidmatan keselamatan dan diserahkan kepada syarikat yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan.</li> </ul>
6.2	<p>PAC akan memanggil Kementerian Dalam Negeri bagi memberi penjelasan berhubung isu kualiti, disiplin dan kelayakan pengawal keselamatan; proses perlesenan syarikat keselamatan dan isu pengambilan pengawal keselamatan warga asing.</p>

PARA	RUMUSAN & SYOR
6.3	PAC mencadangkan Kementerian mengambil tindakan lebih tegas terhadap syarikat kawalan keselamatan yang tidak mematuhi syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan. Antara tindakan yang perlu diambil dengan segera termasuk penalti yang setimpal dengan kesalahan yang dibuat.
6.4	PAC mencadangkan supaya syarikat yang bermasalah tegar disenaraihitamkan.
6.5	PAC mencadangkan Kementerian mengambil serius tuduhan amalan rasuah dan mengadakan siasatan menyeluruh ke atas pengurusan kontrak kawalan keselamatan sekolah ini. PAC juga mencadangkan SPRM menjalankan siasatan berasingan mengenai isu ini.

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 6/2013 PADA RABU 27 NOVEMBER 2013  
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<p style="text-align: center;"><b>27 Nov 2013 (Rabu)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>10.30 pagi</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>Kementerian Pendidikan</b></p>

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 11/2014 PADA RABU 2 APRIL 2014  
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**


<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<p style="text-align: center;"><b>2 April 2014 (Rabu)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>10.30 pagi</b></p>	<p style="text-align: center;">Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah &amp; Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan &amp; Latihan RV Discovery oleh Universiti Malaysia Terengganu</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kementerian Pendidikan</b></li> <li>• <b>Presiden Persatuan Pengawal Kawalan Keselamatan Malaysia</b></li> <li>• <b>Jabatan Laut Malaysia</b></li> </ul>

# LAPORAN PROSIDING

- Mesyuarat PAC Bil 6/2013 Pada Rabu 27 November 2013
- Mesyuarat PAC Bil 11/2014 Pada Rabu 2 April 2014

**Bil. 6**

**Rabu  
27 November 2013**



**MALAYSIA**

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di  
Institut Pendidikan / Sekolah**

**Kementerian Pendidikan**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 27 NOVEMBER 2013**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed	- <i>Pengerusi</i>
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]	
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]	
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

**URUS SETIA**

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Tuan Haji Mohd Zaki Ismail [Timbalan Pengarah Audit]  
Tuan Haji Norazmi Ibrahim [Penolong Pengarah Audit]  
Encik Syed Yusoff bin Syed Alwi [Penolong Juruaudit]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Jabatan Akauntan Negara**

Dr. Yacob bin Mustafa [Timbalan Pengarah]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

YBhg. Dato' Amir bin Haji Abd. Hamid [Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan]

**Kementerian Kewangan**

Encik Megat Azleen bin Megat Ramli [Timbalan Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pemantauan]  
Puan Erna Irawati Abd Rahim [Penolong Setiausaha]

**Unit Perancangan Ekonomi**

Encik Nor Azri bin Zulfakar [Timbalan Pengarah (Pembangunan Modal Insan)]  
Encik Kamarul Arifin bin Abd. Aziz [Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Modal Insan)]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Pendidikan**

YBhg. Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran)]  
Encik Shahid-din bin Mohd. Khatib [Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Pengurusan Aset)]  
Encik Ismail bin Abdul Aziz [Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)]  
Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar [Timbalan Setiausaha Bahagian (Audit Dalaman)]  
Encik Md. Ghazali bin Kasim [Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Cawangan Dasar)]  
Encik Hasni bin Mohamad [Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Cawangan Perolehan)]  
Encik Mohd Sabri bin Seman [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Unit Perolehan Peralatan Am (B))]  
Encik Azman bin Kassim [Ketua Penolong Setiausaha (Cawangan Dasar)]  
Puan Normaizan binti Ismail [Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Cawangan Dasar)]  
Tuan Syed Ahmad Faizal bin Syed Nazri [Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Cawangan Dasar)]  
Cik Wan Nurliyana binti Ismail [Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Cawangan Perolehan)]  
Encik Mohamed bin Murad [Setiausaha Bahagian Pembangunan Pelajaran (Pejabat Setiausaha Bahagian)]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL PERTAMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Rabu, 27 November 2013*****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.48 pagi******[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**Tuan Pengerusi:** Yang saya hormati Yang Berhormat Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, seterusnya Datuk Anwari serta pasukan daripada Jabatan Audit Negara. Pada pagi ini mesyuarat PAC adalah untuk memanggil Kementerian Pelajaran untuk memberi penjelasan mengenai pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan di institusi pendidikan dan di sekolah. Perkara ini telah ditimbulkan dalam media dan telah memberikan satu imej yang negatif mengenai kawalan keselamatan di sekolah ini. Saya hendak minta Jabatan Audit Negara, Datuk Anwari kalau boleh berikan sedikit penerangan dan juga berikan satu pandangan mengenai cara yang terbaik untuk hendak menguruskan perkhidmatan kawalan keselamatan sekolah ini. Baik, terima kasih.

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Bersama saya tim pasukan Audit yang menjalankan kajian ini.

Jadi kajian yang kita telah jalankan Yang Berhormat, adalah pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan di institusi pendidikan sekolah. Waktu itu Kementerian Pelajaran Malaysia, sekarang Kementerian Pendidikan Malaysia. So kementerian telah mendapatkan perkhidmatan kawalan keselamatan syarikat swasta bagi melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata di premis institusi pendidikan sekolah. Tujuan atau objektif program ini adalah untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang aman, tenteram dan meyakinkan semua pihak sesuai dengan tuntutan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di semua institusi pendidikan sekolah di bawah kawalan. Kementerian telah menawarkan 795 kontrak kepada syarikat yang mempunyai lesen, permit atau kebenaran yang dikeluarkan oleh KDN. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, kementerian telah membelanjakan sejumlah RM2.052 bilion bagi program ini.

Jadi objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada perkhidmatan ini telah diurus dengan teratur, berhemat serta memenuhi keperluan ke arah mencapai objektif yang telah ditetapkan. Skop kajian ini adalah meliputi tahun 2010 hingga 2012 khusus terhadap kontrak yang masih berkuat kuasa. Pengauditan telah dilaksanakan di Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset kementerian, tiga jabatan pelajaran negeri iaitu di Perlis, Sabah dan Selangor, lima pejabat pelajaran daerah di Klang, Sabak Bernam, Petaling Perdana, Semporna, Penampang dan di Perlis.

*[Pembentangan merujuk paparan slaid]*

So isu-isu yang ditemui, yang pertama, ialah pengurusan kontrak tidak teratur. Menurut SST, bon pelaksanaan hendaklah diserahkan dalam tempoh 14 hari. Satu semakan terhadap 22 kontrak yang melibatkan 35 sekolah asrama mendapati 14 kontrak telah ditandatangani lebih awal walaupun syarikat yang terlibat belum mengemukakan bon pelaksanaan. Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.5/2007, setiap kontrak kerajaan hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui. Semakan mendapati sembilan syarikat lewat menyerahkan bon pelaksanaan antara enam hingga 60 hari.

Isu kedua, bilangan kunci *watchman clock*. Mengikut surat perjanjian, pengawal perlu merakam setiap rondaan pada *watchman clock* supaya pengawal melaksanakan rondaan di seluruh kawasan sekolah. Semakan mendapati bilangan kunci merakam *watchman clock* tidak dinyatakan dalam kontrak tetapi ditetapkan melalui perbincangan dengan pihak sekolah asrama. Kebiasaannya hanya empat unit kunci disediakan tanpa mengambil kira keperluan dan keluasan kawasan sekolah atau asrama berkenaan. Bagi sekolah yang luas, keadaan ini boleh menyebabkan rondaan tidak dapat diliputi keseluruhannya.

*Next*, terma dan syarat kontrak, 2.2 - Pemasangan *Alarm System* dan CCTV. Menurut syarat perjanjian, pemasangan *alarm system* dan CCTV, syarikat hendaklah membekalkan, memasang dan memastikan ia berfungsi dengan baik. Semakan mendapati pihak syarikat boleh menentukan jenama, *spec*, bilangan kamera pengawasan dan lokasi pemasangan peralatan *alarm system* dan CCTV yang dibekalkan. Ini kerana perjanjian tidak menetapkan secara terperinci kuantiti, jenama, *spec* dan lokasi pemasangannya.

Dua *alarm system* yang dipasang di Sekolah Kebangsaan Sanglang, Simpang Empat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis tidak berfungsi antara 12 hingga 24 bulan. *Alarm system* di SK Behor Mali, Simpang Empat, Perlis, masih tidak dipasang sejak kontrak bermula pada 1 Oktober 2009.

Bagi set peralatan CCTV pula, kamera pengawasan tidak berfungsi dan gambar di skrin tidak jelas bagi enam sekolah. CCTV di asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah, tidak dipasang semula selepas kerja-kerja pengubahsuaian bangunan siap dilaksanakan pada bulan Mac 2012.



CCTV tidak dipasang di SMK Syed Alwi, Kangar dan SK Behor Mali, Simpang Empat, Perlis, walaupun telah disenaraikan dalam kontrak. Pegawai yang bertanggungjawab menguruskan CCTV di sekolah atau asrama tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi kerana tiada latihan penggunaan diberikan kepada mereka.

Seterusnya, 2.3 - Maklumat Pengawal Pemeriksaan dan Penggantian Pengawal. Mengikut syarat perjanjian, apabila diminta, pihak syarikat hendaklah memberikan kepada kerajaan maklumat pengawal bagi maksud pemeriksaan, pengujian, kualiti atau pemantauan. Semakan mendapati sebanyak 26 sekolah atau 74% yang melibatkan 18 syarikat gagal mengemukakan maklumat 76 pengawal.

Isu seterusnya, 3.1 - Umur Pengawal Keselamatan Melebihi Had, Laporan Kesihatan dan Tapisan Keselamatan Tidak Dikemukakan. Mengikut perjanjian, syarikat hendaklah memastikan bahawa pengawal keselamatan antaranya adalah:

- (i) warganegara Malaysia atau warganegara asing yang dibenarkan oleh kerajaan berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 58 tahun sepanjang tempoh perjanjian;
- (ii) mengemukakan laporan kesihatan daripada hospital kerajaan bagi pengawal yang berumur melebihi 55 tahun; dan
- (iii) tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah berbahaya.

Semakan Audit mendapati:

- (i) sembilan pengawal atau 7% telah melebihi had umur antara 59 hingga 72 tahun;
- (ii) 6% atau lapan pengawal yang telah melebihi had umur 55 tahun tidak mengemukakan laporan kesihatan daripada hospital kerajaan bagi membuktikan mereka masih sihat dan berkeupayaan untuk menjalankan tugas;
- (iii) 76 pengawal atau 59% tidak mengemukakan tapisan keselamatan daripada balai polis berhampiran atau KDN bagi membuktikan mereka tiada sebarang rekod jenayah.

Saya mohon lihat Jadual 11.7. So Yang Berhormat, kalau kita rujuk kepada jadual ini, di SK Kampung Jawa 2, Klang, ada seorang pengawal ada rekod jenayah. Itu sahajalah.

Seterusnya, rekod kehadiran. Menurut perjanjian, kawalan keselamatan perlu dilaksanakan 24 jam sehari, dua syif, tujuh hari seminggu termasuk cuti hujung minggu, kelepasan am dan cuti persekolahan. Pengawal hendaklah hadir tidak lewat daripada waktu bertugas yang ditetapkan.

Bagi tujuan kawalan, rekod kehadiran pengawal hendaklah diwujudkan bertujuan untuk memberikan maklumat tarikh, masa dan nama pengawal yang hadir bertugas apabila berlaku sesuatu kejadian tidak diingini. Semakan mendapati rekod kehadiran tidak disediakan oleh syarikat bagi 12 daripada 35 rekod asrama yang diperiksa. Dua sekolah tidak menyimpan rekod kehadiran atau salinannya dan bagi rekod kehadiran yang telah diwujudkan pula hanya merekodkan waktu bertugas pengawal, bukan waktu kehadiran yang sebenar.

Isu seterusnya, 3.3 - Etika Berpakaian Pengawal Tidak Menepati Peraturan. Mengikut perjanjian, syarikat hendaklah memastikan bahawa pengawal memakai pakaian seragam syarikat dan tanda nama semasa melaksanakan perkhidmatan. Semakan mendapati daripada 129 pengawal, dua pengawal tidak memakai pakaian seragam yang lengkap, 12 pengawal tidak memakai tanda nama, lima pengawal tidak memakai kasut serta seluar yang bersesuaian semasa bertugas. Gambar pun ada.

#### ■1100

Kemudian peralatan tidak digunakan, mencukupi, rosak. Mengikut perjanjian, syarikat hendaklah memastikan pengawal menggunakan peralatan atau alat kelengkapan perkhidmatan yang diperlukan semasa melaksanakan perkhidmatan, bertanggungjawab dan melakukan perbelanjaan kos sendiri seperti membeli penggantian serta penyelenggaraan perkhidmatan atau alat kelengkapan perkhidmatan. Semakan mendapati pengawal bagi 17 sekolah berasrama melibatkan 14 buah syarikat tidak menggunakan sepenuhnya peralatan kelengkapan yang dibekalkan tetapi menyimpannya di dalam laci dan almari. Peralatan seperti cota, *walkie*, wisel, baju hujan, lampu picit dan pakaian seragam seperti baju dan topi/beri tidak dibekalkan atau tidak mencukupi di 19 buah sekolah yang melibatkan 13 buah syarikat.

Peralatan tidak digunakan, tidak cukup dan rosak. Sebanyak 10 unit peralatan yang dibekalkan rosak dan tidak dibaiki melibatkan lima buah syarikat. Pegawai ronda syarikat tidak memantau dengan teliti penggunaan dan keperluan peralatan ini. Pihak sekolah tidak pula melaksanakan semakan terhadap peralatan tersebut semasa membuat pengesahan terhadap tuntutan syarikat pada setiap bulan.

Seterusnya, kawalan keluar masuk kawasan sekolah. Menurut perjanjian, pengawal dikehendaki melaksanakan pemeriksaan terhadap mana-mana orang awam termasuk pekerja pembersihan swasta, pekerja kantin, pekerja koperasi sekolah dan pekerja dapur asrama termasuk kenderaan mereka setiap kali memasuki sekolah atau premis berkenaan, memastikan kawasan premis selamat daripada pencerobohan dan memastikan semua pintu pagar dan pintu masuk tertutup dan berkunci. Semakan mendapati kawalan keluar masuk bagi 19 buah sekolah berasrama, 49% yang melibatkan 14 buah syarikat tidak dilaksanakan dengan baik.

Pelawat bebas keluar masuk kerana pengawal tidak menahan, memeriksa dan mencatatkan butir-butir pelawat yang keluar masuk premis sekolah. Pintu pagar utama dan pintu pagar di hadapan lain dibiarkan terbuka walaupun bukan pada waktu puncak kehadiran pulang murid, 12 buah sekolah berasrama mudah dibolosi, dicerobohi kerana kawasan sekolah berasrama tidak berpagar atau pagar rosak dan berlubang.

Kemudian, rakaman *watchman clock* tidak teratur. Menurut perjanjian, pengawal hendaklah kerap membuat rondaan berkala setiap satu atau dua jam sekali tertakluk kepada saiz kawasan di semua bahagian bangunan dan kawasannya serta merakam *watchman clock* pada setiap lawatan. Semakan mendapati pengawal tidak merakam mengikut norma yang ditetapkan atau tidak merakam langsung *watchman clock* bagi 26 buah sekolah yang melibatkan 19 buah syarikat. Tujuh *watchman clock* tidak menunjukkan masa dan tarikh sebenar bagi lima buah sekolah yang melibatkan empat buah syarikat. Dua *watchman clock* di asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor dan asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah langsung tidak dikunci menyebabkan datanya boleh diubah oleh pengawal. Kunci merakam *watchman clock* berada di pondok pengawal, rantai pengikat kunci tidak diikat di tempatnya dan mudah ditanggalkan bagi tujuh buah sekolah melibatkan enam buah syarikat.

Pengawal telah merakam *watchman clock* secara berturut-turut menggunakan satu kunci bagi mewakili semua *checkpoint* yang terdapat di sekolah di SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor dan lima buah sekolah asrama melibatkan tiga buah syarikat. Turutan nombor kunci bagi merakam *watchman clock* adalah sama antara sekolah dan asrama.

Kehadiran pengawal bertugas. Menurut perjanjian, syarikat dikehendaki menyediakan bilangan pengawal keselamatan secukupnya untuk tempoh 24 jam sehari mengikut syif, dua syif. Pengawal juga hendaklah hadir tidak lewat daripada waktu bertugas yang ditetapkan dan tidak boleh meninggalkan tempat kerja sebelum tamat syif bertugas. Pengawal pengganti mesti disediakan sekiranya pengawal yang sepatutnya bertugas bercuti. Apa yang kita dapati secara semakan fizikal ialah:

- (i) pagi 14 Julai 2012 di SMK Kabogan II dan SK Bubul II, Semporna, Sabah, mendapati kehadiran pengawal pada siang, jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam tidak mencukupi iaitu hanya seorang pengawal hadir di setiap sekolah berbanding yang sepatutnya dua orang pengawal bagi setiap sekolah; dan
- (ii) pagi 2 Ogos 2012, di SMK Seksyen 11, Shah Alam dan asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor, masing-masing hanya seorang pengawal sahaja yang bertugas berbanding dua orang pengawal yang sepatutnya.

Denda terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan. Menurut perjanjian, kerajaan boleh mengambil tindakan menolak perkhidmatan dan meminta syarikat menggantikan perkhidmatan dalam apa-apa tempoh yang ditentukan, menamatkan perjanjian dan melantik pihak lain serta merampas bon pelaksanaan, mengenakan denda 20% daripada jumlah bulanan nilai perjanjian dan mengenakan denda dengan jumlah yang sama banyak dengan gaji sejam setiap pekerja tidak hadir. Semakan mendapati di SMK Seksyen 11 di Shah Alam, bilangan pengawal keselamatan yang dibekalkan oleh Syarikat Amcop Security Sdn. Bhd. tidak mencukupi. Hanya seorang pengawal bertugas setiap premis berbanding yang sepatutnya dua orang bagi setiap syif. Pihak Audit dimaklumkan pengawal tidak mencukupi berlaku sejak bulan Februari 2012. Bagaimanapun, tuntutan dan pembayaran telah dibuat untuk perkhidmatan masing-masing bagi empat orang pengawal.

Di asrama SMK Putatan, Penampang, Sabah, semakan terhadap baucar bayaran bulan Januari sehingga Jun 2012 mendapati laporan rakaman *watchman clock* di dalam laporan pelaksanaan perkhidmatan menunjukkan pelaksanaan rakaman telah dibuat sepenuhnya mengikut norma yang ditetapkan. Pemeriksaan audit di lokasi mendapati *watchman clock* tidak disediakan dan tidak ada satu pun kunci perakam berada di *checkpoint*. Mengikut pengawal yang bertugas, peralatan tersebut telah hilang melebihi setahun yang lalu. Keadaan ini membolehkan pihak syarikat mengelak daripada dikenakan denda.

Seterusnya, mengikut perkiraan Audit, berdasarkan sampel baucar bayaran bulan April dan Mei 2012 bagi SMK Seksyen 11 dan asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor serta sampel baucar bayaran bulan Januari, Mei dan Jun 2012 bagi asrama SMK Putatan, Sabah, mendapati tuntutan telah terlebih bayar sejumlah RM18,496.

Tuntutan bayaran tidak teratur. Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) menyatakan baucar bayaran bagi bekalan perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi satu perakuan bahawa bekalan perkhidmatan atau kerja telah dilaksanakan dengan sempurna. Menurut perjanjian, syarikat hendaklah mengemukakan laporan pelaksanaan perkhidmatan secara bulanan yang telah diisi dengan butir-butir perkhidmatan yang disahkan dan diperakui oleh kerajaan tidak lewat daripada lima hari bulan, bulan berikutnya.

Semakan mendapati daripada 21 sampel baucar, 33 laporan pelaksanaan perkhidmatan secara bulanan tidak dilengkapi oleh pihak syarikat sekolah bagi tujuan pembayaran tetapi tuntutan masih diluluskan dan dibayar. Semakan dan pengesahan yang tidak teliti boleh menyebabkan denda pemotongan tidak dikenakan dan pihak syarikat boleh memanipulasikan perkhidmatan yang diberikan selain kerajaan tidak mendapat perkhidmatan yang sepadan dengan bayaran dibuat.

Akhir sekali, Jabatan Audit Negara telah menjalankan soal selidik yang meliputi aspek pengurusan, perolehan, etika pengawal, pelaksanaan perkhidmatan dan pematuhan kepada peraturan PKK.

Kita mendapati 85% guru, pentadbir berpuas hati terhadap pengurusan perolehan yang dilaksanakan sama ada di peringkat kementerian, JPN, PPD dan sekolah. Sebanyak 92% guru, pentadbir berpuas hati terhadap etika pengawal yang bertugas dan 72% guru, pentadbir berpuas hati. Jadi...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Jadi, yang berpuas hati ini di sekolah-sekolah yang kita audit?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya, ya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Sekolah yang kita audit...

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Itu sama ada jawapan secara suci hati, itu *perception* ya. Maklum balas murid pula. Murid pun menjawab Yang Berhormat. Sebanyak 78% murid berpuas hati terhadap pelaksanaan perkhidmatan, 73% murid berpuas hati. Secara keseluruhannya 89% guru, pentadbir dan 79% murid berpuas hati terhadap pengurusan ini kerana telah memberikan manfaat kepada semua sekolah asrama yang menerima perkhidmatan tersebut. Pemantauan bagi PKK perlu dilakukan secara berkala bagi memastikan ia telah dilaksanakan dengan sempurna serta pembayaran adalah mengikut perkhidmatan yang diberikan.

#### ■1110

Semakan mendapati kementerian melalui BPPA dan Unit Audit Dalam kementerian telah melaksanakan pemantauan sepanjang tahun. Pihak JPN Perlis telah membuat pemantauan ke sekolah secara berjadual. Di peringkat PPD, pemantauan tidak dilaksanakan secara berjadual tetapi akan dilakukan terhadap mutu PKK jika ada aduan atau cadangan pemotongan bayaran daripada sekolah yang terbabit.

Pihak kami telah memberikan syor sebagaimana yang disebutkan tadi bagi memastikan segala kelemahan yang berbangkit diperbaiki, dipertingkatkan dengan cekap dan berkesan serta kerajaan mendapat *value for money*. Adalah disyorkan, pertama, supaya pihak terlibat melaksanakan proses perolehan PKK ini mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Kedua, tindakan amaran atau pembatalan tawaran kontrak hendaklah diambil terhadap syarikat yang gagal menyerahkan wang pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan.

Ketiga, menyemak semula syarat-syarat kontrak yang tidak munasabah, tidak jelas dan tidak memihak kepada kerajaan serta memperincikannya supaya tidak timbul kekeliruan dan salah tafsir semasa pelaksanaan.

Keempat, bertegas dan tidak bertolak ansur terhadap syarikat yang tidak mematuhi terma dan syarat kontrak dengan mengenakan denda serta melaporkan perkhidmatan yang tidak berkualiti itu kepada pihak berkuasa.

Kelima, melengkapkan sepenuhnya laporan pelaksanaan perkhidmatan pada setiap bulan dan mengesahkan setiap butiran yang diisi oleh syarikat dengan teliti.

Keenam, mempertingkatkan aspek pemantauan secara berjadual dan mengejut terutamanya pada waktu malam bagi memastikan pihak syarikat melaksanakan perkhidmatan dengan baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]* Saya tengok perkara ini memang kalau daripada sampel audit yang kecil itu pun, keputusannya adalah banyak syarat-syarat dan juga kualiti kerja tidak dipatuhi, sampai pengawal keselamatan itu pun bukan orang yang sepatutnya jadi *guard*. Sekarang tidak tahu isu ini- lepas itu pengurusan sekolah pula kata puas hati dengan pelaksanaan, dengan kerja syarikat sekuriti ini. Lepas itu pembayaran pula dibuat. Ini banyak hal ini. Jadi, sekarang ini pada pandangan Jabatan Audit Negara, apa syor yang kita boleh buat?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Sekarang, selaras dengan tindakan tatatertib yang perlu diambil terhadap mereka-mereka yang bertanggungjawablah. Saya rasa pihak kementerian sedang menjalankan jawatankuasa siasatan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang sepatutnya dikenakan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Apa pandangan Dato' kalau kita *decentralized* balik? Kita ini tidak perlu diswastakan. Kedua, tidak perlu datang ke sini. Guru besar, kita bagi *empowerment* kepada guru besar balik. Dia benda cukup mudah. Benda yang RM1,000 sebulan or RM2,000 sebulan satu sekolah dan mungkin itu cara terbaik.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Ataupun *engaged RELA*.

**Tuan Pengerusi:** Kalau cara begini, *Central Contract* tapi kualiti begini, lebih baik suruh sekolah jaga sahaja. Pada pandangan saya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Oleh kerana ia memberi gambaran yang RM3 bilion, RM2 bilion. Ia tidak adil kepada pegawai-pegawai kerajaan juga bila- saya percaya yang di Kuala Lumpur ini pun tidak tahu pun. Dia tidak tahu tetapi dia terpaksa meluluskan kontrak apabila kontrak itu diletak di depan dia. Kedua, pengurusan yang cukup remeh ini. Sepatutnya, dan guru besar saya percaya... Saya cerita- tutup sekejap.

*[Berbincang sesama Ahli tanpa pembesar suara]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Hendak tanya satu soalan kepada Audit, *from your finding* secara spesifik, siapa yang *certified work done and who monitored and certified? Is it* guru besar atau siapa, *then* siapa lapor di Pusat?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Saya jemput Tuan Haji Zaki, dia ada.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail [Timbalan Pengarah Audit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Mesyuarat PAC, Yang Berbahagia Dato' Timbalan Ketua Audit Persekutuan, Tuan Pengarah saya. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat pagi dan selamat sejahtera.

Untuk makluman Yang Berbahagia Tuan Pengerusi, kontrak keselamatan ini ataupun kita panggil Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) ada beberapa jenis. Satunya, kontrak itu di buat di peringkat sekolah sendiri. Kalau amaun dia kurang daripada amaun tertentu, ada sekolah-sekolah yang mengikat kontrak, menandatangani kontrak oleh kerana sebut harga. Keduanya, kontrak ini ada dibuat di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) tetapi bila urusan bayaran, dibayar oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Jadi, ada dua.

Ada kes tadi, sekolah itu apabila pengetua itu menandatangani, dia patut bertanggungjawab oleh kerana dia yang meluluskan baucar bayaran dan sebagainya. Kedua, tadi peringkat PPD, kontraktor mendapat macam kluster, lima hingga sepuluh sekolah di bawah satu kontraktor dan amaun dia besar, so PPD akan membayarnya. So, tanggungjawab PPD. Akan tetapi *input* borang dan semua *submission* daripada sekolah kepada PPD.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Oh, tidak. Waran peruntukan diturunkan kepada JPN. JPN kepada PPD. Akan tetapi ada sekolah PTJ, dia sendiri mengikat kontrak, amaunnya kecil dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ini satu sekolah, *direct* dibayar oleh- saya hendak faham sikit. Tadi yang pakai daerah itu, PPD yang bayar. Pakai satu sekolah, sekolah bayar.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Kalau kontrak itu berasingan, sekolah itu sendiri, sekolah yang bertanggungjawab, sekolah pusat tanggungjawab, PTJ. Dia menerima peruntukan itu sendiri. Amaun dia kecil di bawah amaun tertentu.

**Tuan Pengerusi:** Okey. So, kalau sekolah ikut daerah, ada *diclusterkan* sekolah itu di bawah satu kontraktor, itu PPD ya.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Okey. JPNlah? JPN salur kepada PPD?

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Kecuali...

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Kecuali kalau di Perlis, dia tidak ada daerah. So, Jabatan Pendidikan Negeri yang membayar. Sekolah akan hantar permohonan dan sebagainya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Boleh atau tidak kalau saya hendak simpulkan, kegagalan ini di peringkat PPD. Boleh tidak saya hendak simpulkan?... *Fair* tidak, kesimpulan itu?

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC, kalau kita lihat kepada *slides* tadi, ada jadualnya mengenai perbelanjaan kerajaan. Perbelanjaan akan meningkat, pasti akan meningkat oleh kerana sekolah akan bertambah, itu satu.

Kedua, ikatan sudah ada, kontrak itu sudah ada, kepatuhan. Dari segi kepatuhan kepada terma dan juga ada kes-kes terma itu sendiri tidak jelas. Katalah contohnya tidak jelas dari segi *watchman clock* ataupun CCTV. Ketiganya, dari segi kalau PPD yang bayar dan diurus oleh PPD, kontrak tadi *by* JPN dan dibayar oleh PPD, sekolah tidak ada salinan kontrak. Jadi, tidak ada salinan kontrak untuk *submission*, pengesahan dan sebagainya ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Tuan Pengerusi, saya dimaklumkan pihak kementerian akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk melihat, untuk mengkaji...

**Tuan Pengerusi:** [*Menyampuk*] [*Ketawa*]

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, di setiap kontrak itu berapakah purata wang yang terlibat?

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Kalau lebih kurang purata, kalau sekolah yang tandatangan sendiri, lebih kurang RM4,000 ke RM5,000 sebulan.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** RM4,000 ke RM5,000. *By contract, by* sekolah yang ada PTJ. Amaun dia di bawah- sebab itu dia layak untuk mengikat kontrak. Akan tetapi contohnya kalau untuk satu zon tadi, satu kontraktor dapat lima, enam ataupun tujuh sekolah. Contohnya di Sabah bagi zon Penampang Tiga, dia ada lebih kurang 11 sekolah, amaun kontraknya, *by* sekolah ada RM3,660 sebulan bagi sekolah 'A', dan sekolah 'B' - RM7,000. *So, average* nya lebih kurang RM54,000 sebulan. *So, totalnya* untuk tiga tahun RM1.9 juta lah [*Disampuk*] Ya, lebih kurang RM55,000 untuk 11 buah sekolah sebulan...

■1120

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** So, dalam...

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Kalau dari segi kadar harganya katalah seorang pekerja RM5 – itu kontraktor yang masuk-masuk tenderlah Tuan Pengerusi, tetapi dari segi bayaran itu ada cerita-cerita lainlah.

**Datuk Madius bin Tangau:** Dari segi kontrak itu, guru besar ataupun pengetua ada bersama-sama tidak menandatangani kontrak itu? Ada tidak?

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Itulah Yang Berhormat seperti saya maklum, kalau kontrak itu di peringkat sekolah yang menandatangani, memang dia berkuasa penuh. Akan tetapi yang *contract by* JPN dan urus bayar oleh PPD, pihak sekolah tidak mempunyai kontraklah.



**Datuk Madius bin Tangau:** Satu lagi dalam hal ini...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** *The problem is*, kalau ikut mereka punya sampel tadi, itu pun tidak patuh kontrak. Habis *complete failure*. Ini baru sampel, belum lagi *the whole country*.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tidak, maksud saya itulah yang tidak dipatuhi. Yang perlu dipatuhi. Kalau itu boleh diubah, kita fikir tidak payah tukar *the major* itu. Akan tetapi kalau itu pun tidak boleh hendak ubah, *better* buat dekat sekolah.

**Datuk Madius bin Tangau:** Berkaitan yang tadi soal selidik kepuasan- puas hati, tidak puas hati pentadbiran sekolah itu. Dia punya puas hati itu dinilai dari aspek mana? Adakah dari segi kepatuhan kontrak ataupun dari segi kesedaran keselamatan, kepentingan keselamatan itu sendiri? Sebab, kalau kita tengok daripada peringkat pusat, apabila kerajaan membelanjakan sampai bilion, itu bererti kerajaan begitu mengutamakan hal keselamatan. Akan tetapi apabila sampai ke guru besar atau pengetua atau PPD, adakah ini sesuatu yang penting bagi mereka? Ini kerana kalau kita tengok dari segi apa yang dibuat, seolah-olah dia tidak pedulilah. Ini benda ini dia puas hati tetapi bila audit tengok, semua pun tidak- kira tidak pedulilah. Sedangkan, kerajaan begitu prihatinlah, serius tentang soal-soal keselamatan.

Kalau kita tengok, tadi berkaitan Semporna ini, sekolah apa itu? Semporna ini satu tempat yang sensitif. Ini Pom Pom, dia datang. Kalau datang Abu Sayaf, sampai situ ambil semua sekolah, macam mana? Satu.

Kedua, yang sekolah tidak berpagar. Kalau dia bawa pembawa dadah, dia boleh bagi *students* semua, asrama semua. Dadah *is very important*. Di Tuaran ada sebuah sekolah, *very sensitive*, dadah apa semua. Oleh kerana kepimpinan sekolah, hari ini dia bebas dadah walaupun ia berdekatan dengan penempatan sumber dadah ini kan, bebas dadah. Oleh sebab pengetuanya begitu serius, komited tentang perkara ini. So, dari segi penilaian tadi, adakah kepatuhan kontrak yang soal puas hati ataupun dari segi mengutamakan keselamatan? Dari kita punya penilaianlah.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa isu yang timbul pun ini adalah isu cuai juga. Maknanya pegawai-dahlah ia *central contract*, pengawasan daripada atas itu, audit pun tidak ada. *Internal* audit mereka untuk *check* sama ada pematuhan berlaku atau tidak, terus ke peringkat sekolah. Itu satu tidak ada. Itu cuai di peringkat kementerian ya. Kedua, cuai di peringkat JPN sendiri di mana mereka bayar sahaja tanpa tengok balik, *check* balik *supporting document*, kan? PPD masalah yang samalah. Di sekolah pula, guru besarnya menghadapi masalah juga kerana yang *control* duit adalah JPN.

Jadi, kalau dia puas hati atau tidak, PPD akan bayar juga. Takkan dia hendak kata saya tidak puas hati. Mati dia nanti hendak naik pangkat di peringkat negeri.

Jadi, yang saya nampaklah dia punya permasalahan, yang tidak sahlah. Inilah dia. Oleh sebab itu, saya rasa kita kena pandang serius dalam kes ini walaupun dia melibatkan Kementerian Pelajaran kan? Akan tetapi kena pandang serius kerana ini betul-betul bagi sayalah, kalau *based on sampling* begini, *in a normal company audit, is a complete failure of the system, of the process, since it involved RM2 billion money that just spend without any care* lah, duit yang dibelanjakan tanpa ada apa-apa tanggungjawablah. Ini jadi masalah.

Jadi, satu lagi yang kita kena pastikan di sini adalah siapa yang benar-benar bertanggungjawab dan orang itu akan diambil tindakan, di peringkat PAC lah. Saya rasa ini adalah satu perkara yang dalam masa kita soal siasat nanti, ini satu perkara yang kita harus tumpukan. Siapa yang bertanggungjawab sebenarnya dan siapa yang patut diambil tindakan? Selepas itu, penambahbaikan yang kita hendak buat, siapa yang kita patut bagi tanggungjawab ini untuk mengatasi *vicious look* inilah. Duit datang dari siapa, siapa kontrol duit itu tetapi orang yang dipertanggungjawabkan sebenarnya tumpullah. Sebenarnya tidak berpengaruh untuk hendak mengubah keadaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, setiap tahun untuk keselamatan sekolah, lebih 10,000 buah sekolah ini, berapakah peruntukan? Beratus juta?

**Tuan Pengerusi:** Bilion. RM2 bilion.

**Datuk Haji Anwar bin Suri:** Untuk dua tahun, sampel kita itu RM2 bilion.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Tuan Pengerusi, Yang Berbahagia Datuk Timbalan, boleh Datuk?

Kita lihat lampiran 11.1. Dalam lampiran 11.1 ada jelas. Contohnya tahun 2010, lebih kurang RM594 juta, tahun 2010 ya. Lampiran 11.1 ya.

Tahun 2011, RM645 juta; tahun 2012, RM812 juta.

Tempoh untuk tiga tahun itu RM2 bilionlah.

Maknanya, tahun 2013 nanti akan ada sedikit tambahan. Saya percaya liputan sekolah itu, 10,000 sekolah sudah hampir kesemua, penuh.

Mengapa tahun 2010 RM594 juta? Oleh kerana pada waktu itu baru... *[Disampuk]* Ia akan meliputi semuanya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ulang balik. Tahun 2010, RM954 juta; tahun 2011, RM645 juta; tahun 2012, RM812 juta. So untuk tempoh tiga tahun RM2.05 bilionlah.

**Tuan Pengerusi:** So, risikonya, maknanya kosnya akan meningkatlah. Kalau kita tidak bendung, duit ini akan dibazirkanlah kepada...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Boleh tidak kita *check* balik kenapa kita swastakan ini? Swasta zaman kawan Tuan Pengerusi lah jadi Menteri. Kenapa kita swastakan dahulu itu?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Saya bukan apalah, sekali lagi *just to know* Dato', mengenai tadi- *just want to make sure* lah. Guru besar ataupun pengetua sekolah memang bukan dia *the last person to certified* yang sama ada jadual mereka datang kerja atau tidak kerja. Dia orang, guru besar atau pengetua yang *certified, then* hantar kepada PPD kah atau JPN ada *involve* untuk mengesahkan jadual itu betul atau tidak?

■1130

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]:**  
Tuan Pengerusi, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Sebenarnya hendak menjawab soalan tadi berkaitan dengan kepuasan yang tinggi itu, berkemungkinan daripada *survey* yang kita buat itu, jawapan yang diberi berasaskan *on the surface* sahaja. Ini kerana kebanyakan sekolah-sekolah ini ia tidak tahu apa *detail* yang perlu dilakukan oleh *Detail* yang katakanlah bertugas daripada pukul lapan pagi hingga pukul itu, *detail* kerja-kerja yang perlu dilaksanakan di kebanyakan sekolah itu dia tidak *aware*. So, dia hanya mengikut perasaan dia sahaja. Itu sahaja.

Jadi itu sebab menjadikan bilangan *watchman clock* perlu ada, CCTV perlu dalam keadaan ini. Dia tidak tahu apa yang perlu, sedangkan kita ada *detail*, kita pergi lihat sama ada perkara-perkara yang perlu dilaksanakan, dilaksanakan. Itu sahaja.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Pengalaman saya dengan guru-guru besar ini, dia tidak akan komen PPD atau pun JPN [*Disampuk*] Dia lagi akur daripada polis sebab bila kita buat simposium, kita minta maklum balas dia, tidak berani. Jadi kalau kita hendak minta maklum balas daripada guru, tidak akan kita dapat yang betul punya walaupun dia faham atau tidak faham.

**Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub:** Akan tetapi dalam hal ini, dia hendak mengesahkan kenyataan. Sebagai contoh tadi, diberitahu setiap masa perlu ada dua orang pegawai bertugas. *Simple* sahaja. *That means* dia mengesahkan ada seorang sahaja bertugas. Dia mengesahkan itu sahaja sudah memadai. Apabila dia mengesahkan hanya ada seorang, PPD akan potong di sana. Itu sahaja. Sekarang ini kalau dia tidak mengesahkan, bukan kata hendak lawan atau *against, it is just* mengesahkan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Itu boleh kena tindakan disiplin kerana dia menipu.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Jadi dalam sampel, *improper payment*.

**Tuan Pengerusi:** *Improper payment*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dalam sampel audit ini memang... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Itu yang saya kata tadi, yang dia tandatangan, kontrak dia mesti ada sebab dia buat bayaran [*Disampuk*] Ada, yang itu ada.

**Seorang Ahli:** Yang dia buat, yang PPD buat...

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** *[Disampuk]* Yang sekolah PTJ...

**Seorang Ahli:** Tidak, yang PPD.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Yang PPD, majoritinya tidak ada.

**Seorang Ahli:** Yang sekolah lain, memang dia tidak ada...

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Tidak ada, majoriti.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Ya lah ini...

**Tuan Pengerusi:** *But you should actually give a briefing dahulu. In this case, it is very simple. This is the procedure, you follow, whether you have the contract with you or not, it is does not matter. Akan tetapi maknanya the PPD itself should be responsible to give the briefing [Disampuk] Ini kerana this concern money, this concern supporting document. You have to give supporting document to verify payment. In this case, entah berapa banyak sekolah yang patuh. Kalau begitu, daripada jumlah pembayaran setiap tahun itu, berapa banyak ketirisan yang berlaku kerana orang kata this kind of dia bayar untuk services tetapi services itu tidak ada [Disampuk] Improper payment. Isu improper payment pun berlaku di sini.*

**Datuk Madius bin Tangau:** Gaji pegawai keselamatan itu berapa sebulan, *average?* Ini kerana saya dapat aduan juga mengatakan ia *below the minimum wage*.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Yang Berhormat, lebih kurang harganya RM800 hingga RM900.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya minta kalau boleh Audit tolong *check* balik apa justifikasi kita tukar dahulu. Ini kerana kita tidak hendak balik pula kepada asal ini. Dahulu kita sudah buat justifikasi mengapa *privatize* kan, mungkin ada dahulu alasan-alasan.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Untuk makluman PAC, tahun 2000-an, tahun 2002, tahun 2003, begitulah bermulanya. Bukan hanya Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK), ia ada satu lagi adik-beradiknya. Kita panggil adik-beradiklah, Perkhidmatan Kebersihan Kawasan. Itu lebih kurang sama. Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasakan. Itu trend itu adalah di *privatize*. So, ada pihak-pihak yang terlibat, pihak-pihak *authority*, Kementerian Kewangan, EPU dan sebagainya. Di situlah polisi...

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Cadangan fasal *privatize* datang daripada mana? Datang daripada Kementerian Pendidikan atau MOF? Itu pun saya hendak tahu jawapannya jugalah. Beginilah, saya rasa kita perlu buat *review* juga. Makanan kita sudah buat dahulu masa PAC. PAC yang lepas kita sudah buat mengenai makanan tetapi tidak mendalam sangatlah. Satu lagi yang kebersihan kawasan pun kita belum buat lagi audit lagi bukan? Mungkin kalau boleh Jabatan Audit masukkan dalam inilah.

**Tuan Haji Mohd Zaki Ismail:** Tuan Pengerusi, kita bentang dua Tuan Pengerusi. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Kebersihan pada tahun 2012 yang lalu. Sesinya sesi pertama, kebersihan pertama. Ini sesi kedua. Maknanya dalam tahun yang sama, siri kedua.

**Tuan Pengerusi:** Soalnya sekarang ini sama ada perkara itu sudah dibincangkan belum? Belum bukan? Mungkin kita boleh tanya sekalilah, *revisit* balik semula. Boleh panggil mereka balik. Hari ini saya rasa terlalu banyak isu kita hendak hadap ini. Saya pun tidak menyangka perkara ini begitu besar sangat dia punya masalah. Masalahnya adalah masalah kecuiaan. Itu yang saya rasa berat di sinilah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sistem yang ada sekarang itu, saya setuju bahawa guru-guru termasuk guru besar atau pengetua, dia memang segan hendak campur tangan di dalam urusan. Kalau dianggap tidak ada kena-mengena dengan dia, dia akan menjauhkan diri. Itu biasa. Ini kerana guru ini berpengetahuan luas dan dia takut masalah kenaikan pangkat dan sebagainya terjejas. Itu masalah, sistem yang ada sekarang ini.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Cuma Tuan Pengerusi, macam keselamatan ini, ya lah makanan tadi kita ini- keselamatan ini kerana kita tidak hendak kes macam dahulu, TNB punya kena rogol. Keselamatan ini masalah yang berbeza, jadi saya rasa kita memang perlu ambil perkara ini *more serious than* kebersihan. Kebersihan ini kita nampak, kita boleh nampak. Akan tetapi keselamatan ini tidak nampak, tidak ada orang kampung yang lalu hendak lihat *guard* ada atau tidak. Akan tetapi macam saya sebagai pemimpin tempatan, kita kalau yang padang tidak potong rumput, JKK bila *meeting* dia beritahu tetapi jarang beritahu pengawal keselamatan ada atau tidak. Jadi, kalau keselamatan ini kita boleh betul-betul *zero in and then* ambil *a lot of initiative* untuk *rectify* benda ini.

**Tuan Pengerusi:** Ini memang kita perlu fokus. Cuma tadi masalah kebersihan itu sebab sudah masuk dalam Laporan Audit Negara dalam siri pertama awal tahun, mungkin kita boleh *revisit* semula perkara itu. Akan tetapi itulah, jadi sekarang ini ada apa-apa lagi sebelum saya panggil pegawai berkenaan masuk? *I think we should take this quite seriously. It is prompt of implementation, pelaksanaan dan bukan fasal dasar.*

*The dasar is correct if you want to look it from saving cost, penswastaaan dan sebagainya. That is fine. The problem is because implementation involves so many people, so many levels that we have to consider now that whether penswastaaan is the more effective model or go back to the old way of doing thing. Akan tetapi you know the argument, we also be that, we are sacrificing quality, we are sacrificing safety* apa semua tetapi bila sudah swasta pun begini, tidak perlu cerita apa lagilah. *Maybe penswastaaan itu is not good policy.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1140

**Tuan Pengerusi:** Itu pendapat Yang Berhormat. *There is no point; we pay them money to do this.* Ia ada dua isu. Satu, soal pelaksanaan dari segi operasi. Kedua, isu duit. Tadi banyak *payment* yang dibuat tanpa pengesahan, *supporting document* dan sebagainya. Jadi, ini pun satu kegagalan pengurusan sistem penswastaaan juga dan *amount* dia bukan sedikit.

la beratus juta setahun dan terus akan meningkat. Ia tidak akan menurun kerana sekolah makin bertambah dah keperluan makin bertambah. Jadi, kita pun tahulah yang swasta hendak ambil *security guard* pun susah. Jangan cerita fasal sekolah kerajaanlah ya.

Mungkin ada cara lain yang kita boleh cadangkan kepada kerajaan adalah untuk bekerjasama dengan JKK, kerjasama dengan PIBG dan sebagainya. *Maybe that is the better waylah*, daripada *just* buat keputusan hendak swasta, ini dia punya rangka dia, bayar duit tiap-tiap tahun tetapi tidak *manage*, bukan? Jadi, lebih baik kita ambil duit itu kita beri kepada sekolah, PIBG dan JKK untuk jaga, lagi senang. Satu lagi kita kena ingat ya, kegagalan ini berlaku di semua tempat, di kawasan Semporna, di betul-betul luar bandar dan berlaku di Shah Alam di kawasan tengah bandar. Jadi, ini bukan *rural* ataupun *urban* punya *problem*. *It is across the board*.

**Seorang Ahli:** Sikap.

**Tuan Pengerusi:** Sikap. *So, that is where we have to catch them, on sikap, bukan? In this case, I do not blame the government for implementing the penswastan, it was a good idea to save cost. Economics of scale.* Akan tetapi *when the pengurusan becomes lacking because of sikaplah, then the whole thing becomes* tidak sampai matlamatlah. Ini kita kena fokus tentang ini ya. Kita boleh buat rumusan, jangan takut. Hendak buat rumusan, buat rumusan. Tidak apa. Apa yang pentingnya, kalau kita perlu panggil mereka balik, kita panggil mereka semula kerana yang datang hari ini pun TKSU, bukannya KSU, bukan?

**Seorang Ahli:** KSU.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, TKSU. Maknanya, kalau kita tidak puas hati, hendak tunjuk bahawa kita serius, selepas dia beri penerangan ini, kita suruh dia balik.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri ]*

**Tuan Pengerusi:** *Do we just tell them to go and then call the KSU to come?*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Actually...*

**Tuan Pengerusi:** *No, no. It is just to show a signal of seriousness about this matter. This is total failure* ini.

**Datuk Madius bin Tangau:** Menteri, bolehkah?

**Tuan Pengerusi:** Menteri, *you* panggillah *[Ketawa]*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri ]*

**Tuan Pengerusi:** Saya minta pandangan daripada Jawatankuasa, sama ada kita tidak terima TKSU pada hari ini, kita minta KSU datang?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Sebab dia pun datang, bukan kesalahan dia.

**Tuan Pengerusi:** Kesalahan dia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *No, no.* Kesalahan untuk Menteri dan KSU. Dia timbalan dan dia hanya menurut perintah dan dia sudah datang. Dengan secara ringkas, mungkin setengah jam sudah habis, kita beritahu dia kita hendak KSU. *It's give him some phase.*

**Datuk Madius bin Tangau:** *I agree with that* tetapi *not only* KSU, saya ingat Menteri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]*

**Datuk Madius bin Tangau:** Sebab ini melibatkan soal *privatize* ataupun tidak *privatize*, bukan? *If you continue privatization, we want to continue yang centralize ini?* So, ia melibatkan dasar juga. *So, I think you better call juga minister. Minister II lah.*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri ]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, jadi kita boleh bersetuju hari ini bahawa kita dengar dahulu secara ringkas, selepas itu kita minta Menteri datang. Minta Menteri datang Yang Berhormat Tuaran, ya?

**Datuk Madius bin Tangau:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Menteri II lah. Okeylah *[Ketawa]* Kita panggil dia masuk.

*[Saksi-saksi dari Kementerian Pendidikan mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**11.48 pg.**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berbahagia Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran) serta pegawai-pegawai Datuk. Yang saya hormati Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC serta Jawatankuasa PAC serta Datuk Haji Anwari daripada Jabatan Audit Negara dengan pasukannya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk, pada pagi ini, tadi kami bermesyuarah sebelum Datuk masuk ke dalam bilik. Isu yang dibentangkan oleh Jabatan Audit Negara nampaknya ada banyak juga dia punya masalah. Isunya berat juga dari segi dasar dan juga pelaksanaan. Pelaksanaanlah yang paling memberikan masalah kepada kami dalam perbincangan tadi kerana banyak peraturan tidak dipatuhi, berlaku juga- kalau ikut pembentangan daripada Jabatan Audit Negara tadi, berlaku juga *improper payment* kerana dalam pengurusan penswastaan ini yang boleh memberikan juga masalah kepada kami.

Jadi, pada hari ini saya minta Datuk berikan penjelasan kepada kami secara ringkas mengenai, satu, dari segi dasar penswastaan. Kenapa perkhidmatan kawalan keselamatan di sekolah ini diswastakan? Seterusnya, mengenai pengurusannya, menyentuh kepada isu-isu yang telah ditimbulkan dalam Jabatan Audit Negara. Selepas itu, kami tidak akan soal siasat Datuk. Kami akan panggil bos-bos Datuklah. Jadi, saya minta Datuk tolong kenalkan diri dan berikan taklimat. Terima kasih.

## ■1150

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran) Kementerian Pendidikan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi dan Ahli-ahli PAC sekalian, datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan dan juga daripada jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dalam mesyuarat pada pagi ini.

Suka saya memperkenalkan diri saya, saya Abdul Shukor bin Ibrahim, TKSU Kementerian Pendidikan. Bersama saya di sebelah kiri saya ini Encik Shahid-din bin Mohd Khatib, Setiausaha Bahagian Perolehan Kementerian Pendidikan dan bersama-sama saya, Encik Ismail Abdul Aziz, Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) Kementerian Pendidikan dan lain-lain pegawai bersama saya pada pagi ini termasuk juga saya membawa Encik Mohamad Din Mohamad iaitu Timbalan Setiausaha Bahagian Audit Dalam Kementerian Pendidikan sendiri dan lain-lain pegawai yang saya telah pun mendaftarkan nama untuk hadir pada pagi ini saya tidak akan menyenaraikan nama-namanya kerana nama-nama ini telah pun diedarkan.

Seterusnya, sekiranya Yang Berhormat membenarkan saya memberi sedikit penjelasan taklimat ringkas tentang kawalan keselamatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Sekiranya dibenarkan saya minta ditunjukkan di slaid.

Untuk makluman ahli-ahli, bilangan kontrak yang terlibat yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara merupakan daripada tahun 2010 hingga 2012, tiga tahun. Bilangan kontrak atau zon yang terlibat adalah sebanyak 795 zon dengan nilai kontrak sebanyak RM1.53 bilion. Jumlah sekolah yang terlibat pada keseluruhannya adalah sebanyak 10,011 buah sekolah. Secara keseluruhannya, kalau kita lihat pecahan daripada 2010 hingga 2012, kalau kita lihat 2010 sahaja, bilangan kontrak yang terlibat adalah sebanyak 318 kontrak yang berjumlah RM670.59 juta. Manakala bagi tahun 2011 sebanyak 198 kontrak dengan nilai berjumlah RM236.46 juta dan pada tahun 2012 adalah sebanyak 279 kontrak bernilai RM624.87 juta.

Sekolah-sekolah yang terlibat, tadi saya nyatakan keseluruhan sekolah yang terlibat adalah sebanyak 10,011 buah sekolah yang melibatkan sekolah menengah dan sekolah rendah yang memerlukan perkhidmatan kawalan keselamatan. Seperti mana yang tertera di skrin itu, kita dapati bagi sekolah menengah, sekolah harian merupakan sekolah yang paling banyak menggunakan perkhidmatan kawalan keselamatan sebanyak 1,958; sekolah menengah agama, 56; sekolah teknik, 18; vokasional, 70; sekolah model khas, 11; dan sekolah seni, sekolah sukan, sekolah agama bantuan kerajaan, 160.



Manakala keseluruhan sekolah rendah yang terlibat adalah sebanyak 7,743 buah dan seperti mana yang saya nyatakan awal tadi, sekolah harian merupakan sekolah yang memerlukan kawalan keselamatan yang agak tinggi juga bagi sekolah rendah di mana jumlah yang terlibat adalah sebanyak 5,858; sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah pendidikan khas, sekolah K9- sekolah K9 ini saya ingin maklumkan bahawa sekolah ini merupakan sekolah Orang Asli. So ia dipanggil sekolah "K9", dan sekolah agama bantuan.

**Tuan Pengerusi:** Kenapa K9?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** K9. K9 *stand for* khas, sekolah khas. Spesifik khas untuk masyarakat Orang Asli kawasan pedalaman dan kita pun ada *provide* kawalan keselamatan di mana masyarakat Orang Asli ditempatkan di satu sekolah dan kawalan keselamatan disediakan di kawasan tersebut.

Okey, sedikit latar belakang tentang kontrak sepertimana Yang Berhormat Tuan Pengerusi minta saya jelaskan. Perolehan penswastan kawalan keselamatan ini telah dimulakan oleh Kementerian Pendidikan sejak tahun 1993 lagi. Sudah lama ini, dia berjalan sejak tahun 1993. Kalau kita tengok kaedah pemberian kontrak yang dibuat adalah berasaskan zon di mana setiap zon mengandungi lapan hingga 12 buah sekolah. So di *zoning* kan bergantung kepada geografi dan nilai-nilai kontrak. Tujuan diberikan zon ini supaya agihan itu agak lebih bersifat adil kepada setiap pembekal yang bertanggungjawab memberi keselamatan di sekolah berkenaan. Satu kontrak itu akan mengambil tempoh selama tiga tahun. Itu dari segi latar belakang.

Akan tetapi dari segi proses kerjanya di mana proses pengesahan kerja-kerja itu, ini yang tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi *mention* dari segi pengurusan. Pengesahan kerja-kerja adalah dilakukan di peringkat sekolah di mana Pengetua atau Guru Besar itu terpaksa memantau prestasi kawalan keselamatan yang telah diberikan di situ dan sekiranya berpuas hati, maka pembayaran akan dibuat oleh PPD. PPD ini Pejabat Pelajaran Daerah.

Okey, sedikit saya ingin menjelaskan dari segi...

**Tuan Pengerusi:** Datuk, hendak tanya sedikit. Tujuan penswastan ini adalah untuk menjimatkan kos?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Ya. Kita dapati kalau... [*Disampuk*] Okey, Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan juga pada satu ketika untuk mengurangkan bilangan kakitangan kerajaan. Pasal kalau kita ambil secara tetap, dia akan menjadi satu beban kepada kerajaan sepanjang hayat penjawat berkenaan. Selepas pencen sampai selagi dia hidup, kita tanggunglah melalui pencen itu. Itu yang kita nampak salah satu, *one of the reason* digunakan.

Kedua, kita lihat kerja-kerja kawalan keselamatan ini, kita dapati kita pun ada pendaftaran dibuat di bawah KDN.

KDN telah memberi lesen kepada pengawal-pengawal keselamatan yang bertauliah. Dengan adanya lesen ini, peluang-peluang pekerjaan kepada pengawal-pengawal inilah, yang beroperasi.

Okey, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit tentang apa yang kita telah tengok daripada pengurusan kontrak seperti mana dibentangkan tadi iaitu dari segi pemantapan pengurusan kontrak. Kita mengambil teguran-teguran yang dibuat oleh Audit Negara di samping teguran-teguran yang dibuat oleh Audit Dalam dan *observations* atau aduan-aduan daripada pihak awam ke atas kontrak yang telah ada.

Kita juga cuba memantapkan pengurusan kontak ini di mana kalau saya boleh jelaskan di sini, kita telah menubuhkan satu Jawatankuasa Berhemah KPM telah ditubuhkan sejak tahun 2010 lagi untuk memantau perkhidmatan ini. Jawatankuasa ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat ketua-ketua bahagian di peringkat Kementerian Pendidikan sendiri yang telah diadakan pada 9 April 2010 di mana Bahagian Audit Dalam telah dipertanggungjawabkan untuk menubuhkan jawatankuasa khas gerak gempur atau ringkasnya kita panggil Jawatankuasa Perbelanjaan Berhemah ini supaya boleh memantau perkhidmatan-perkhidmatan atau pengurusan kontrak yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Kedua, kita juga telah menyediakan satu garis panduan pemantauan sejak tahun 2008. Bermakna, garis-garis panduan ini pun kita telah edarkan kepada pihak jabatan pendidikan negeri, jabatan pendidikan daerah termasuk sekolah-sekolah yang terlibat. Di samping itu, untuk memantapkan lagi, kita juga menganjurkan atau mengadakan seminar dan latihan kepada pentadbir-pentadbir sekolah seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi, kita melihat kelemahan ke atas kontrak kawalan keselamatan ini ialah dari segi pengurusan kontrak.

#### ■1200

Dalam konteks ini, kita mendapati bahawa satu pendedahan yang perlu diberikan kepada pentadbir-pentadbir kontrak ialah menganjurkan seminar dan latihan-latihan supaya mereka lebih faham dan arif tentang menguruskan kontrak seperti mana yang termaktub di dalam klausa kontrak, di samping dari segi memahami aspek perolehan kawalan keselamatan yang mana yang perlu diberikan perhatian.

Seterusnya, itu kita melihat dari segi pentadbir kontrak tetapi kita juga memberikan penekanan kepada pihak kontraktor-kontraktor yang ditawarkan kerja bagi melaksanakan perolehan kawalan keselamatan di mana semasa majlis surat setuju terima, taklimat-taklimat telah diberikan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang perlu dipikul oleh kontraktor telah diperjelaskan pada masa itu. Di samping kita memperjelaskan semasa surat setuju terima itu, kita juga akan memantau dari semasa ke semasa.

Kelima, kita juga membuat pemantauan bersepadu di peringkat kementerian...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Datuk, boleh saya *interject* sekejap? Sejauh mana Audit Dalam Kementerian mengambil bahagian dalam mengemaskinikan kontrak dan sejauh mana laporan daripada audit di dalam, *internal* sebelum AG masuk ini dengan Kementerian ini?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa ini satu soalan yang tepat. Suka saya menjelaskan di sini bahawa Audit Dalam Kementerian Pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam aspek perolehan atau kontrak-kontrak yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Pemantauan yang dibuat adalah pemantauan secara berkala. Suka saya menyatakan di sini seperti mana yang saya nyatakan tadi, apabila kata Ahli Jawatankuasa Perbelanjaan Berhemah ditubuhkan, maknanya keahliannya adalah terdiri daripada Audit Dalam, bahagian perolehan, bahagian kewangan, audit sekolah, penasihat undang-undang, bahagian pengurusan sumber manusia dan bahagian pengurusan sekolah harian juga terlibat. Wakil Jabatan Pendidikan Negeri berserta dengan PPD juga terlibat. Cara pemantauan, dua bulan sekali diadakan mesyuarat.

**Datuk Madius bin Tangau:** Jadi, dia punya penemuan Bahagian Audit Dalam Kementerian ini, dia punya penemuan sama atau tidak dengan penemuan dengan Jabatan Audit Negara?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Penemuan kebanyakannya adalah sama. Kalau saya boleh jelaskan, ini adalah secara *detail* yang dibuat oleh Audit Dalam kita. Penemuan-penemuan lagi *detail*, kita menyeluruh. Kalau kita tengok penemuan yang dibuat oleh pihak Jabatan Audit Negara secara *random* ke atas tiga buah negeri, di bawah Audit Dalam yang kita laksanakan- kita tengok di sini, kalau saya boleh jelaskan ya [*Merujuk kepada dokumen*] Penemuan audit, audit daripada tahun 2010 hingga 2013 telah melibatkan 3,202 buah sekolah.

Isu yang ditekankan dalam segi pengauditan adalah isu-isu yang ketidakpatuhan dalam pengurusan kontrak. Kalau saya boleh jelaskan di sini tahun 2010 sahaja, mengikut 16 buah negeri, Selangor, Perak, Kelantan, Johor, Sarawak sehingga ke Labuan, ada 16 buah kesemuanya, kita mendapati akibat daripada ketidakpatuhan pengurusan kontrak, pihak Audit Dalam telah mengesyorkan satu penalti atau denda dikenakan kepada kontraktor-kontraktor kawalan keselamatan yang lemah menjalankan pengawasan ke atas kontrak-kontrak yang telah diberikan. Di mana dalam kontrak 2010, kalau saya boleh jelaskan, bahawa pihak Audit Dalam telah mengesyorkan sebanyak RM6.28 juta dipotong...

**Datuk Madius bin Tangau:** Okey, ini kontraktor yang kena.

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Ya

**Datuk Madius bin Tangau:** Akan tetapi pusat tanggungjawab macam mana?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Ya?

**Datuk Madius bin Tangau:** Pusat tanggungjawab macam mana? Yang meluluskan bayaran dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Madius bin Tangau:** Itu kontraktor yang...

**Tuan Pengerusi:** ...Kepada pegawai atau cikgu, guru besar yang mengesahkan benda yang tidak betul, yang menyebabkan bayaran itu dibuat. Ada tindakan kepada pegawai?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Okey, pengetua-pengetua kita sudah ada satu *guideline*, garis panduan yang kita tetapkan dan sekiranya pengetua-pengetua ini tidak mematuhi, kita akan memberikan *show cause letter*. Amaran dia dan dia mesti tunjuk sebab dan tindakan-tindakan sewajarnya seperti amaran, kita akan kenakan ke atas pengetua ini. Suka saya menekankan di sini, bagi sebarang kontrak yang kita dapati kelemahan yang dibuat oleh pihak kontraktor dari segi denda sebanyak tiga kali, kita akan mengambil tindakan yang agak drastik di mana kita akan mengesyorkan satu penamatan kontrak.

**Tuan Pengerusi:** Berapa tahun sebelum tindakan itu diambil? Kalau dia tidak patuh kepada syarat kontrak dia, berapa lama tindakan diambil?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Tiga kali. Apabila tiga kali dia membuat kesilapan, kita mendapat laporan, kita akan beri notis tujuan penamatan dengan sebab selepas itu kita terus...

**Tuan Pengerusi:** Kalau dia melanggar syarat yang kritikallah katakan. Syarat kritikal yang saya maksudkan begini. Pertama, kalau kata pengawal itu bukan pengawal yang dilesenkan oleh KDN ini, yang tidak memenuhi syarat ini, kalau dia melanggar syarat-syarat itu, tiga kali juga dia diberikan peluang barulah dia ditamatkan ataupun tiga kesalahan berturut-turut tidak kiralah dia kritikallah, dia soal *ordinary cause of business* sahajakan, *ordinary* ini, dibatalkan?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Kontrak ini kita tengok *seriousness*, *serious* of dia punya kes. Contohnya macam Yang Berhormat *mention* tadi, pengambilan pengawal keselamatan oleh syarikat...

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Yang tidak bertauliah. Jadi dalam konteks ini kalau boleh saya *relate* kan ya. Ini adalah merupakan satu tanggungjawab daripada pihak KDN, di mana perolehan, lesen kawalan keselamatan dikeluarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Jadi, dari segi kakitangan, sepatutnya kakitangan dalam syarikat tersebut perlu melalui tapisan keselamatan yang ditetapkan di sana. Di dalam konteks ini, kita perlu menghubungkaitkan di antara MoE sebagai penerima pengawal keselamatan yang berdaftar dengan KDN. Jadi, kadang-kadang kita membuat *report* ke atas masalah ini iaitu sama juga, contohnya kalau kita tengok dalam *exercise* kontrak-kontrak lain, apabila ada kesalahan sebegini, kita akan *stop* dahulu, kita *stop* dia punya kerja dan kita *report* balik kepada KDN, mungkin KDN boleh tarik...

**Datuk Madius bin Tangau:** Okey, syarikat itu berdaftar dalam KDN, tiada permit sebagai satu syarikat yang mengendalikan perniagaan dalam hal keselamatan. Akan tetapi apabila syarikat ini mengambil pekerja dia, yang menentukan sama ada pekerja itu memenuhi syarat atau tidak hendaklah oleh pegawai yang bertanggungjawab. Dalam hal ini, PPD kah, pengetua kah atau guru besar? Contohnya dari segi umur. Itu *basic*, dia kena tanya berapa umur pengawal ini, di bawah 59 tahun, 40 tahun kah? Itu dia kena buat. Takkanlah KDN kena buat, kan? Maknanya dia kena menentukannya, itu yang pertama.

Kedua, dari segi saringan keselamatan. Adakah dia penagih dadah, bekas penjenayah kah macam atau sebagainya, dia kena tanya, *right*? Dia kena tanya ini bukan- saya nampak pegawai yang bertanggungjawab, dia kena memastikan yang orang ini adalah benar.

Jadi, penemuan audit dalam itu macam mana? Ini kerana daripada Jabatan Audit Negara, dia nampak. Dari segi umur pun, dia sudah melanggar, selepas itu dari segi saringan keselamatan.

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Terima kasih. Penemuan Audit Dalam Kementerian Pendidikan amat jelas. Jadi, apabila kita menemukan keadaan-keadaan seperti ini, kita akan membuat pemotongan. Pemotongan ke atas kontrak yang ada itu. Jadi, dia terpaksa menggantikan pekerja-pekerja yang layak selama tempoh- ia terpaksa menggantikan *immediately* dan pemotongan dikenakan ke atas syarikat berkenaan. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi, ada pemotongan-pemotongan dan denda yang kita kenakan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya cuma sambung apa yang dikatakan oleh sahabat saya tadi. Dalam taklimat ringkas daripada Audit tadi, Datuk telah banyak menjelaskan apa yang menjadi kebimbangan kami tadi. Kebimbangan kami tadi ialah kontrak ini tidak difahami oleh guru besar, tidak difahami oleh PPD. Akan tetapi cara Yang Berhormat jelaskan tadi dengan jawatankuasa, dengan ada Audit Dalam, dengan penglibatan PPD, penglibatan JPN, jadi maksudnya perkara-perkara itu telah pun ditentukan.

#### ■1210

Akan tetapi macam sahabat saya katakan tadi, kebimbangan kami Datuk, apabila kita melihat permasalahan itu, mungkin cara kita melaksanakan tindakan ataupun kita bawa masalah itu di peringkat bawah itu yang mungkin tidak jelas. Akhirnya, masalah ini berlarutan walaupun Audit Dalam sudah bagi 2,000 kes tidak di patuh. Apa kekangan kementerian itu? Kekangan Datuk di peringkat atas untuk memastikan bahawa masalah-masalah ini dapat diselesaikan di bawah ini. Apakah kekangan masalah yang besar, supaya kami juga boleh membantu Datuk ini?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, kekangan yang pertama ialah disebabkan pendedahan kepada pihak pelaksana pentadbir kontrak itu. Dalam konteks ini ialah sama ada pemahaman mereka ke atas tanggungjawab dan obligasi kontrak itu.

Seperti mana yang saya nyatakan dari awal tadi, kita telah menganjurkan beberapa seminar atau taklimat dan pihak audit dalam dari semasa ke semasa akan turun ke padang dengan pegawai-pegawai di bahagian-bahagian berkaitan untuk memantau di samping memberi khidmat nasihat kepada pengetua-pengetua dan juga PPD. Kita juga minta di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan juga Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dari semasa ke semasa buat *spot check*, turun. Dalam konteks...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Yang boleh dikatakan penipuan apabila pegawai anggota keselamatan ini, *security guard* ini hanya seorang, bekerja hampir tujuh bulan, tetapi laporan pembayaran dua orang atau empat orang. Itu penipuan itu. Jadi, ini perkara yang kita bimbang. Jadi maksudnya guru besar itu memang tidak bertanggungjawab betul atau PPD yang tidak bertanggungjawab.

Apa tindakan yang kita boleh buat supaya ia menjadi satu *benchmarking* untuk guru-guru lain, untuk PPD lain mengambil lebih tindakan. Ini kerana pemahaman saya Datuk, cikgu ini yang saya faham, dia tidak akan berani kompelin dekat JPN. Pemahaman saya, Datuk. Saya buat pelbagai *symposium*. Kalau minta guru besar bercerita apa masalah PPD, satu ayat pun tidak ada, Datuk. Dia lebih akur daripada polis. Lagilah kalau di peringkat atas ini. Bolehkah tindakan yang drastik- ini penipuan.

Kalau macam dia silap isi borang, boleh lagi. CCTV sepatutnya pasang, tidak pasang. Kerajaan bayar duit. CCTV patut berfungsi, kalau sehari dua tidak apa, Datuk, tapi kalau ikut laporan tadi, berbulan-bulan. Ada yang bila bangunan diubahsuai daripada tahun 2012 sampai hujung tahun 2013, satu tahun CCTV tidak berfungsi tetapi kita masih bayar. Ini kebimbangan kami dari segi pengurusan kontrak itu. Adakah Datuk punya hak untuk pecat atau ambil tindakan yang drastik ini? Ataupun kementerian tidak berani hendak buat ini?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam konteks ini saya sudah nyatakan tadi dua aspek. Yang Berhormat *highlight* mengenai isu pengawal yang seorang ini. Sedangkan kalau tengok dari segi rasional yang kita buat bagi satu sekolah yang bersaiz kecil, kita perlukan empat pengawal.

**Datuk Madius bin Tangau:** Hendak celah sedikit sahaja mengenai satu pengawal ini. Ini hendak nyatakan betapa serius ya Laporan Audit ini. SMK Kabogan II dan SMK Bubul II, Semporna, Sabah. Saya hendak sebut Semporna, Sabah. Ini Abu Sayyaf bila-bila datang. Audit mendapati pengawal pada syif siang tujuh pagi hingga tujuh malam tidak mencukupi iaitu hanya seorang pengawal hadir setiap sekolah berbanding sepatutnya dua orang pengawal bagi setiap sekolah. Ini pun dia hanya beri dua sahaja. Ini Semporna. Jangan main-main. Kalau Abu Sayyaf datang, seluruh sekolah dia *kidnap*, dia culik.

Jadi maknanya, yang kita lihat di sini kementerian serius, RM2 bilion perbelanjaan begitu besar tetapi dari segi pelaksanaan, dia tidak ada kesedaran tentang keselamatan, betapa pentingnya ini. Ini belum lagi cerita mengenai dadah masuk. Dibawa masuk ke dalam. Ini satu. Saya hendak tahu, Audit Dalam kementerian dia nampak atau tidak ini?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Seperti mana yang saya jelaskan tadi, dari Audit Dalam, satu garis panduan, satu *guidelines*, *checklist* telah disediakan oleh Audit Dalam perkara-perkara yang harus di pantau. So, satu perkara aspek yang ditekankan ialah dari segi obligasi kontrak. Obligasi kontrak ada menjelaskan berapa keperluan kakitangan. Jadi, saya ambil maklum masalah yang Yang Berhormat *mentioned* tadi. Bermakna, Audit Dalam, bila kita mendapati perkara ini berlaku, makna tindakan akan diambil ke atas kontraktor yang *supply*, yang membekalkan pekerja kurang daripada sepatutnya. Pihak pengetua diminta membuat laporan...

**Datuk Madius bin Tangau:** Persoalan saya di sini, Jawatankuasa Perbelanjaan Berhemah ini bermesyuarat setiap dua bulan. Di dalamnya ada Audit Dalam dengan pegawai-pegawai yang berkenaan. Kenapa perkara seperti ini dia tidak nampak? Itu persoalannya. Belum lagi yang ini, yang Jabatan Audit Negara ini. Ini ambil pun sampel. Ini baru sampel. Akan tetapi kenapa tidak nampak semua itu sedangkan ini bermesyuarat setiap dua bulan.

**Tuan Pengerusi:** Tambah lagi. Sampel ini di kawasan bandar dan juga di kawasan betul-betul luar bandar. Masalahnya sama. Ini bukan masalah kerana kekurangan di kawasan luar bandar.

Saya hendak pendekkan cerita Datuk, saya sudah baca sampai habis *slides* Datuk. Apa yang dijawab di sini ialah jawapan yang terus daripada apa yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Sebagai contoh di sini, kebanyakannya kata cadangan penambahbaikan. Masalah kita sekarang ini bukan soal penambahbaikan. Masalah kita sekarang ini soal tindakan. Itu yang kita hendak tahu.

Masalah tentang penswastaaan kawalan sekolah ini adalah, satu, jumlahnya besar dan kedua, jumlahnya makin meningkat. Macam tadi, *figure* Datuk dengan *figure* Jabatan Audit Negara pun lain-lain. Kalau ikut *estimate* tahun 2000- kalau ikut AG punya, RM594 juta pada tahun 2010 dan sekarang ini pada tahun 2012, RM812 juta. Memang beza dengan *figure* yang Datuk bagi tadi. Itu pun saya pun tidak tahu kenapa ada perbezaan *figure* ini. Apa yang pentingnya, daripada tahun 2010 sampai tahun 2012, ikut AG punya laporan, ia sudah meningkat daripada RM594 *million* kepada RM812 *million*. Jumlah ini dijangka akan meningkat lagi.

Kita punya masalah sekarang ini adalah untuk menghapuskan persepsi di kalangan rakyat bahawa ketirisan yang besar berlaku di sini. Ini kontrak perkhidmatan. Kontrak barang yang nyata pun menjadi masalah bagi kita untuk kita hendak menepis persepsi bahawa berlaku ketirisan. Ini kontrak perkhidmatan, yang lagi subjektif bagi kami.

Jadi, bila berlaku masalah ketidakpatuhan, kecuaihan dan sebagainya- saya guna perkataan kecuaihan ya. Kecuaihan, saya ulang lagi. Bila Audit pungut daripada tiga sampel pun, isu dia amat beratlah bagi saya. Ini kerana ketidakpatuhan itu berlaku di semua tempat ini, tidak kira di bandar ataupun luar bandar.

Jadi kesimpulan saya, dalam soal ini adalah soal tindakan. Kita kena dapat jawapan yang baik daripada kementerian, apakah tindakan yang diambil susulan daripada perkara-perkara yang telah dibawa oleh AG dan juga apa yang dibawa oleh Audit Dalaman kementerian. Kalau Datuk bagi kita jawapan bahawa Datuk membuat penambahbaikan, ini bukan satu jawapan yang boleh kita terima di peringkat PAC ini untuk diterangkan kepada rakyat.

#### ■1220

Kita hendak tengok penambahbaikan dan juga tindakan yang diambil, kerana tindakan itu yang akan menerapkan semangat *fear of the audited* dalam jabatan kerajaan. Sekarang ini macam tidak ada *fear of the audited* langsung. Perkara-perkara yang *simple*, remeh temeh ini, ada setengah yang tidak bawa pada *improper payment* lah, tetapi ada sesetengah betul-betul bawa pada *improper payment*. Macam tadi isu pengawal yang patutnya empat orang, dia ambil seorang tetapi bayar empat orang. Ini satu perkara.

Selepas itu isu penamatan kontrak. Itu pasal saya kata tadi apakah kritikal *clause* dalam kontrak? Maknanya kalau *you* langgar dari segi kelayakan *security guard* itu, sama ada kira umur dia atau dia kira dari segi kelayakan KDN dia, maknanya *you* ambil orang yang tidak sesuai, yang juga cuai. *Security guard* yang cuai ini- kalau di Semporna, boleh jadi masalah sekuriti anak-anak pula. Di tempat saya di Johor Bahru pun, masalah dadah, masalah gengster di sekolah dan sebagainya pun pengawal keselamatan pun nampak macam endah tak endah sahaja pasal kebanyakan mereka sudah umur 50 lebih, hendak dekat 60. Nasib baik saya tidak tengok, entah-entah sudah 70.

Sekarang ini saya rasa saya hendak minta pandangan daripada Ahli Jawatankuasa, perkara ini untuk saya dari segi dasarnya bagus, cuma pelaksanaannya bermasalah. Ketegasan perlu berlaku daripada atas. Sekarang ini saya hendak cadangkanlah bahawa kita- Datuk, boleh rehatlah. Tidak payah lagi hendak sambung taklimat ini. Kita buat keputusan panggil bos Datuklah, sama ada di peringkat KSU ataupun di peringkat Menteri. Jadi, itu pandangan saya pada Ahli Jawatankuasa. Bagaimana pandangan Jawatankuasa?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya sudah kata, pertama, awal tadi kita bimbang dari segi dasarnya. So, kita rasa dari segi penswastan ini dilihat memang memberi gambaran yang baik. Soal pemberian kontrak itu bukan isunya Datuk. Sekarang ini isunya pelaksanaan. Pelaksanaan supaya kontrak ini dihalusi dengan baik supaya akhirnya tidak ada ketirisan. Saya rasa *that would be honestly beyond you* untuk jawab sebab... Jadi mungkin kita perlu ketegasan daripada peringkat yang lebih atas.



Cara hendak ambil tindakan, sama ada minta KDN batalkan lesen kalau kes macam yang Tuan Pengerusi kata tadi, kalau bukan yang bertauliah pegang, sebab ini soal keselamatan itu. Kita ingat satu kes, Nurin kah siapa yang kena rogol dahulu. Ingat? Kes itu sudah jadi satu dunia perbincangannya.

*Then*, ini pula dari segi peringkat sebagai ahli parti kerajaan ini, kalau ini jadi, dia tidak cerita seorang itu, dia cerita RM2 bilion kerajaan boros. Jadi, dari segi kami ini, dia akan memberi gambaran yang cukup-cukup tidak baiklah. Oleh sebab itu saya setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Tuan Pengerusi, kita perlu peringkat Menteri ataupun KSU yang berani menyatakan apa tindakan untuk kita buat supaya perkara ini tidak terjadi lagi.

**Datuk Madius bin Tangau:** Tuan Pengerusi, saya pun bersetujulah sebab kalau kita lihat penemuan Audit, penemuan-penemuan dari segi kelemahan-kelemahan yang ada, selepas itu bila dibuat soal selidik terhadap pegawai-pegawai khususnya di pentadbiran sekolah dan PPD, ia punya kepuasan itu begitu tinggi, sampai 80%, atas 70%. Dia puas hati. Akan tetapi, ia bertentangan dengan penemuan auditnya, kelemahan-kelemahannya.

Jadi, persoalan di sini ialah, satu, barangkali dari segi dasar. Dahulu kita *buat from* kakitangan selepas itu *decentralization*. Sekarang ini dibuat secara penswastaan. Ini dimulakan tahun 1993. Ada penambahbaikan sebab sekarang ini bermula tahun 2010 ada dia punya Jawatankuasa Perbelanjaan Berhemah dan sebagainya. Pun begitu masih lagi dia punya masalah begitu besar. Saya bersetujulah kita panggil KSU ataupun Menteri sebab ini melibatkan dasar dan tindakan yang perlu dibuat.

Saya bersetuju apabila Laporan Audit ini diambil oleh pihak media, bila ia dilaporkan, media mengambil, melaporkan dan memang begitu buruk kepada kerajaanlah. Kita dalam kerajaan seolah-olah- ini Kerajaan BN inilah, ketirisan-ketirisan dan sebagainya. Jadi, saya pun bersetujulah begitu. *This is beyond the* TKSU Untuk menjawab.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, KSU atau Menteri?

**Datuk Madius bin Tangau:** Menteriilah. Sekurang-kurang Menteri kedua lah *at least*.

**Tuan Pengerusi:** Jadi Datuk, kalau boleh maklumkan kepada Menteri lah ya. Fasal isunya adalah isu mengenai ketegasan pelaksanaan. Ini Datuk di Kuala Lumpur pun Datuk pun tidak nampak apa berlaku di bawah. Audit Dalaman pun- berapa orang staf Audit Dalaman dalam kementerian?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Haji Mohamad Din boleh bantu saya? Kakitangan. Dari segi kakitangan.

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar [Timbalan Setiausaha Bahagian (Audit Dalaman) Kementerian Pendidikan]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk. Tuan Pengerusi, ingin saya maklumkan, kita ada 180 dan menambah kepada Yang Berbahagia Datuk, kita Audit Dalam- isunya kita jumpa benda ini sama dengan Audit Negara dan *in fact* untuk tambahan Yang Berbahagia Datuk tadi yang VAME itu, kita telah memantau. *It's not fair*, dengan izin.

Maknanya, Tuan Pengerusi, kita di HQ tahu apa sekarang ini langkah ke hadapan dengan pemantauan secara *online*. Itu sebagai langkah ke hadapan, *insya-Allah*. Maknanya, setiap bulan Pengetua dan Guru Besar akan buat pengesahan, PPD akan membuat pembayaran dan dia akan melaporkan kepada kita setiap bulan dengan izin Yang Berbahagia Datuk, dengan secara *online*. Itu langkah kita.

Jadi kalau ini pun orang tipu, *wallahualam bisawaab*. Akan tetapi, dengan kelulusan Yang Berbahagia Datuk TKSU, kita telah buat VAME tadi, *online*. Kita telah cover 6,000 buah sekolah taklimat pendedahan mengenai ini susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara. Yang Berbahagia Datuk dengan izin, kementerian dan audit mengambil serius perkara ini dan ini yang termampu kita buat. Bab dasar, *wallahualam bisawaab*. Terima kasih.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya hendak tanya sedikit lagi. Selama ini- tidak apa, *insya-Allah* kita berniat baik untuk ke depan ini. Selama ini laporan Audit Dalam itu pergi ke mana?

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar:** Selama ini kita sebagai Audit Dalam, bila kita temu benda ini, kita mengeluarkan Pemerhatian Audit Ringkas (PAR) menyatakan cadangan pemotongan. Kita membantu pengetua kita, membantu guru besar kita potong kesalahan ini. Kebanyakannya PAR kita diakui oleh pihak sekolah, potong kontraktor. Selama ini. Pemotongan, dia didenda. Oleh sebab itu *figure* Yang Berbahagia Datuk sebut tadi, tahun 2010 sahaja RM9 juta dalam tempoh setahun kita potong. Tindakan tegas kita ambil sentiasa tetapi masih ada lagi- maklum sahaja dengan izin Yang Berbahagia Datuk, 10,071 buah sekolah, saya pencen tiga kali pun...

**Seorang Ahli:** Sudah pencen?

**Tuan Pengerusi:** Itu saya sebut tadi.

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar:** Dengan VAME ini, dengan pemantauan *online* ini *insya-Allah*, Yang Berbahagia Datuk akan beri laporan berdasarkan daripada ini setiap bulan kita akan mampu melaporkan memuaskan. Kalau guru besar itu *comfort zone*, macam Yang Berhormat kata tadi, macam itu pun dia memuaskan, penipuanlah dengan kata lain, kita hendak kata macam mana? Akan tetapi...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tindakan dari potong kontraktor okey, selesai. Ada tidak selama ini Audit Dalam laporan tentang- macam tadi itu, kecuaihan, pekerja tidak ada, tetapi dia tetap kata ada. Ada tidak tindakan kita ambil kepada pegawai kita yang ke situ?

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar:** Dengan izin Yang Berhormat, semasa kita pergi, kita keluarkan PAR. Itu saya kata tadi, PAR itu semasa. Jadi benda ini tidak boleh qada. Semasa kita tengok, kita kata benda ini salah. Jadi, guru besar tidak pernah *challenge* kita. Dia terus dengan PAR kita itu kenakan kontraktor.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** ...Akan tetapi dia itu, ada tidak tindakan kepada dia? Kita duk salahkan kontraktor yang menipu ini, tetapi yang bersubahat dengan penipuan ini.

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar:** Kita sama-sama memantau sebab kita Audit Dalam.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Maksud saya, saya tanya tadi, tuan sudah buat laporan Audit Dalam tadi...

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar:** Kita Audit Dalam...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tidak, saya tahu. Saya faham.

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar:** Maaf, maaf.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tuan sudah buat laporan Audit Dalam. Contohnya katalah saya sebagai yang bertanggungjawab di PPD ataupun di sekolah, okey tuan dapat kata saya ada kesalahan, saya pasti dalam kesalahan itu tuan tulis pegawai keselamatan hanya ada seorang tetapi dibayar tiga orang. Apa tindakan yang kementerian buat kepada pegawai tadi, ada tidak?

■1230

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Yang Berhormat, kalau boleh saya menambah. Kalau setakat ini memang kita ada tindakan. Setakat ini kita ada *30 show cause letters* telah dikeluarkan kepada pengetua-pengetua yang gagal, yang Audit Negara cakap. Kita sudah keluarkan *show cause letter* kepada pengetua-pengetua...

**Datuk Madius bin Tangau:** Itu Audit Negara punya laporan. Apa yang kita tanya ini daripada Audit Dalam.

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar:** Minta maaf Yang Berhormat. Audit Dalam ini, saya Audit Dalam. Maknanya guru besar itu, saya *part and parcel of* pengurusan. Apabila kita jumpa, kita keluarkan Pemerhatian Audit Ringkas (PAR) dan guru besar itu menggunakan ia sebagai- kita sekalilah memantau benda itu dengan guru besar dan memotong kontraktor. Takkan saya hendak ambil- kalau dia *challenge* saya, barulah saya tangkap dia. Akan tetapi dia mengakui ini kesalahan...

**Tuan Pengerusi:** Bila dia mengaku itu, memang dia sudah mengaku dia buat salah, dia patut kena tindakan.

**Tuan Haji Mohamad Din @ Mohamad Nasir bin Jaafar:** Bukan. Maaf. Bila kita memantau itu, sama-sama maknanya menangkap kontraktor sebab *we are* dalaman.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Saya katakan tadi, kita ada dua kebimbangan. Satu, tidak apalah kontraktor itu. Kedua, kefahaman tentang dasar keselamatan negara ini. Kerajaan belanja RM2 bilion untuk tiga tahun, tujuannya untuk hendak pastikan anak-anak kita selamat. Itu tujuannya. Akan tetapi akhirnya bila kita ambil pegawai keselamatan yang tidak berfungsi, yang sepatutnya di bawah kawal seliaan guru besar tadi, yang dibayar oleh PPD tadi, tetapi mereka-mereka ini kita ambil tindakan kepada pegawai keselamatan, kita tidak beri kepada dia kefahaman itu, kepentingan dia itu untuk lihat betul-betul.

Setiap pagi pukul 6 pagi, pegawai keselamatan itu ada, balik pukul berapa, datang atau tidak datang. So, akhirnya walaupun kita ambil kontraktor, dia datang dan pergi. Tanpa penguatkuasaan-kita beri kesedaran kepada penguatkuasaan itu, ia tidak akan sampai ke tahap akhir itu.

Soalan saya tadi, sama dengan soalan Yang Berhormat Tuaran tadi. Daripada pemantauan Audit Dalam tadi yang dihantar kepada kementerian, ada atau tidak tindakan yang dibuat kepada pegawai? Bukan kepada kontraktor. Kontraktor sudah dipotong duit sudah, *alhamdulillah* selesai, tetapi mereka ini- supaya ia menjadi satu dasar seperti Tuan Pengerusi katakan tadi, *fear of audit* itu ada. Kalau tidak, tuan pergi pun dia beri durian sahaja, dia tidak takut kepada tuan. Ini kerana dia tahu laporan yang tuan beri habis begitu sahaja. Akan tetapi kalau dia tahu tuan datang, dia silap, silap-silap kerja dia hilang, durian paling baik dia boleh beri kepada tuan. Kita hendak beri rasa benda itu dahulu, semangat itu ada di sekolah ini.

Jadi bila Audit Dalam datang, macam nazir datang sewaktu kita kecil-kecil dahulu. Saya ingat kecil-kecil dahulu kita semua diminta pakai stoking, pakai baju yang paling bersih sebab nazir hendak datang melawat sekolah dahulu. Jadi, hari itu semua perlu bersih dan cantik sebab masa itu nazir punya *power* ini hebat. Dia balik, dia buat laporan, sekolah itu akan ada masalah. Sekarang ini kita rasa ketakutan itu tidak ada. Itu yang kita hendak beritahu tadi itu, kalau boleh kita hendak minta dasar daripada atas. Bukan kita hendak ambil tindakan tetapi hendak beri kesedaran. Seperti Yang Berhormat Tuaran kata tadi, kerajaan belanja RM2 bilion bukan sahaja-sahaja, untuk hendak pastikan anak-anak kita ini selamat. Itu kita hendak minta Audit Dalam punya kekuatan. Hendak beri tambah *viagra* ini.

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Yang Berhormat, saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat. Dalam kata lain, dia melihat ke atas pentadbir kontrak. So, persoalannya pentadbir kontrak. Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa kita ada ahli jawatankuasa. Jawatankuasa ini terdiri daripada Audit Dalam, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan setiap kali *meeting*, isu-isu kelemahan ini dibangkitkan dan pentadbir-pentadbir kontrak yang lemah akan di*highlight* dalam mesyuarat ini dan tindakan sewajarnya diambil mengikut jenis-jenis kesalahan atau kelemahannya. Seperti saya nyatakan tadi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Unit Tatatertib akan mengambil tindakan dalaman. Itu memang kita sudah ada laksanakan di peringkat kementerian.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, kita hendak teruskan lagi atau hendak tamatkan di sini?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Mungkin ada sedikit Tuan Pengerusi. *Just* Bahagian Audit Dalam. Ia ditubuhkan daripada- ini mungkin Jawatankuasa Berhemah itu daripada tahun 2010. Jadi, ertinya sudah tiga tahun *payment* telah pun dibuat. Di samping itu juga, Audit Dalam telah pun memantau, membuat ini dan menyarankan pembetulan tetapi daripada Laporan Audit ini banyak juga yang telah terlepas bayar.

Jadi, apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian terhadap- *when you compare the* pengesahan dengan apa yang telah pun didapati oleh Audit Dalam, apakah tindakan yang telah dibuat? Mungkin tindakan surcaj kepada pengesahan. Kontraktor sudah kena potong sudah tetapi hendak *recover* duit balik bukan senang. Apakah tindakan surcaj telah diambil kepada pegawai yang mengesahkan benda yang kurang betul dan sebagainya? Semua ini kita hendak tahu.

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Seperti mana yang saya nyatakan tadi, kita ada mengambil tindakan *show cause letter*. Akan tetapi di samping itu, kita perlu ingat dalam peraturan pentadbiran kerajaan dari segi tatatertib, pembayaran yang dibuat ke atas kerja-kerja yang tidak dijalankan, kalau kita dapati terdapat kelemahan, bermakna pegawai yang bertanggungjawab terpaksa perlu *refund*, mengembalikan semula melalui potongan yang dikenakan. Itu satu tindakan. Di samping itu, kita akan beri peringatan lagi mengenai perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Lagi satu di pihak kontraktor, bagi kontraktor, dia akan kena *performance bond*. *Performance bond* membolehkan kita menahan duit dia dan di akhir kontrak esok kalau kita dapati ada berlaku kelalaian, jadi kita boleh rampas BG, *performance bond* yang berada di tangan kontraktor itu.

**Datuk Madius bin Tangau:** Akan tetapi bagaimana boleh *performance bond*? Ini belum lagi, sudah *sign performance bond*, syarikat sudah dilantik. Ini dalam penemuan Audit juga, hal-hal sebegini. Penemuan Audit, *performance bond* belum *sign* tetapi dia sudah lantik.

**Tuan Pengerusi:** Ada kes kontrak di *sign* sebelum *performance bond* diterima.

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Dalam konteks ini kalau boleh saya jelaskan apa yang telah ditetapkan dari segi peraturan Kementerian Kewangan. *So, performance bond* hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari. Untuk membolehkan *performance bond* dijelaskan dalam tempoh 14 hari bagi syarikat-syarikat yang telah ditawarkan kontrak, dia terpaksa berurusan dengan pihak bank untuk mendapatkan pinjaman dan bayar *performance bond*. Kita dapati 98% boleh saya nyatakan secara *overall*, 98% terdapat kesukaran bagi pihak syarikat-syarikat untuk menyediakan *performance bond*. Oleh kerana itu, kita telah mendapat satu kelulusan daripada MoF untuk *extend performance bond* daripada 14 hari kepada 30 hari supaya membolehkan mereka *raise and to come out* dia punya *performance bond*.

Berbalik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Tuan Pengerusi itu dari segi pembayaran. Saya rasa ini ada hubung kait dia dengan kontrak dengan *performance bond*. Yang mana kita dapati, kerja terpaksa dijalankan awal sedangkan *performance bond* tidak dapat kerana *performance bond* hendak *release by the bank* atau hendak dikemukakan kepada pihak pembekal atau kontraktor agak lewat. Jadi, kita dapati itu yang berlaku. Sepatutnya *agreement* ditandatangani selepas BG itu diserahkan tetapi apa yang berlaku, kita dapati *performance bond* itu- kontrak ditandatangani *based* kepada surat setuju terima yang dikeluarkan. Itu...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tidak ada pembayaran selagi tidak dapat *performance bond*, bukan?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Yes. Tidak ada pembayaran. Pembayaran tidak akan berlaku.

■1240

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi saya hendak bawa satu perkara, Datuk. Tadi Datuk beri penerangan itu saya amat tertarik. Maknanya Datuk kata tadi banyak, 98% syarikat yang dilantik ini menghadapi masalah untuk mendapatkan *performance bond* daripada bank.

Soalan saya, kontrak yang diberi ini pada syarikat yang cukup wang atau tidak? *[Ketawa]* Ini kerana macam kerja dapat kontrak dahulu selepas itu baru hendak cari duit dan hendak cari orang, *no wonder your whole* penswastaaan ini berterabur. Ini kerana ia diberi kepada orang yang tidak berwibawa, bukan? Satu hal lagi, orang yang *signed* kontrak itu macam mana? Dia tahu atau tidak tanggungjawab dia bila *sign* kontrak itu sebelum bon diterima?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** So, garis panduan itu sudah ada. Dia patut tahu tanggungjawab dialah. Akan tetapi yang kedua berbalik kepada Yang Berhormat *mentioned* tadi, saya juga agak tertarik daripada *performance* syarikat, dari segi kewangan. Kalau kita tengok, syarat yang dikenakan oleh KDN bagi syarikat-syarikat yang hendak berdaftar untuk lesen kawalan keselamatan, *paid-up* yang dibenarkan, modal berbayar yang dibenarkan RM300,000. Bermakna, satu angka yang agak besar. Bermakna, dalam kata lain, kita beranggapan syarikat-syarikat ini adalah syarikat yang berkeupayaan sepatutnya, bergantung kepada *paid-up* yang ada pada syarikat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Terima kasih Datuk. Saya hendak betulkan sedikit sahajalah. Kalau kita dapat kontrak, kita hendak dapatkan *bank guarantee*, proses itu tidak akan kurang daripada 10 hari ataupun dua minggu. Akan tetapi yang pentingnya itu, pembayaran tidak boleh dibuat sehingga *performance bond* datang. Tuan Pengerusi, dia berniaga besar-besar, saya berniaga kelas 'F' sahaja...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** *That one* saya agree dengan Yang Berhormat. *It is a fact*lah. Pembayaran tidak boleh dibuat selagi...

**Tuan Pengerusi:** Bukan Datuk. Saya pernah jadi *Director* Telekom Malaysia. Duduk dalam *tender board*, duduk dalam *Audit Committee* lagi. Perkara ini memang selalu berlaku dan kita pun bila duduk di kerusi Datuk ini, lain pandangan. Duduk di kerusi sini, lain pandangan... *[Ketawa]* Kadang-kadang kita hendak tolong, bukan? Akan tetapi akhirnya benda itu membawa balik kemudaratan kepada kita balik. Jadi, kalau tidak ada apa-apa lagi, Datuk...

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan Ahli-ahli PAC sekalian dan juga wakil-wakil kerajaan yang ada pada pagi ini. Kalau diizinkan, boleh saya merumuskan pandangan daripada Yang Berhormat, di mana penekanan dalam aspek perbincangan yang ada ini adalah melihat tindakan-tindakan dan juga isu-isu dari segi pelaksanaan. Dari segi pelaksanaan kita akan melihat soal-soal dasar semasa kita dan juga dari segi penurunan kuasa atau *decentralization*. So, kita akan tengoklah dan apakah tindakan-tindakan tegas yang telah diambil oleh pihak kementerian. Kalau saya boleh gulung dan sebagai *conclusion*nya juga, Yang Berhormat *mentioned* mana satu pihak atasan yang akan dijemputlah.

**Tuan Pengerusi:** Kita dah buat keputusan, Menteri.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Menteri Kedua pun bolehlah.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Soalnya begini. Kita hendak memberi isyarat bahawa PAC memandang perkara ini serius. Oleh sebab itu kita panggil Menteri untuk pastikan pelaksanaannya pun serius. Jadi, biar di mata rakyat nampak kita ambil tindakan. Saya tahu Datuk sudah ambil tindakan, bukan Datuk tidak ambil tindakan. Saya tahu, kementerian ambil tindakan. Akan tetapi persepsi di luar itu dia kata kita masih belum ambil tindakan lagi. Tidak ada keseriusan daripada ketua di kementerian itu. Kalau Menteri, Menteriilah.

Jadi, soalnya sekarang ini, kita hendak tunjukkan keseriusan tersebut. Menteri datang pun, saya rasa Menteri akan jawab sama macam Datuk pun, bukan? Itu saya pastilah. Soal sekarang ini kita kena tengok, Datuk. Jawatankuasa Audit Dalam baru ditubuhkan pada tahun 2010. Jabatan Audit Negara masuk tahun 2012. Ada lagi kekangan yang berlaku. Akan tetapi dalam masa ke hadapan, benda ini akan berkurangan. Itu yang kita hendak. Itu *message* yang kita hendak beri kepada rakyat.

Jadi, keseriusan itu bila Menteri datang, PAC beri pandangan kita, teruskan kerja ini untuk hendak merapatkan jurang di antara apa yang dibuat oleh Datuk dengan Jabatan Audit Negara. Kurangkan kesnya dan tambah baik lagi. Kalau saya tengok dan orang baca Laporan Audit Negara ini, memanglah. Kalau Datuk baca sendiri, Datuk tengok, memang salah betullah semua benda di Kementerian Pelajaran ya. Sebab itu saya tumpukan kepada tindakan tadi dan juga sikap. *Once you get that right, then it should be the better* dari segi itu.

Soal tadi itu Datuk pun pandai juga tolak kepada KDN. Soal kelayakan syarikat sekuriti. Itu pun mungkin merupakan satu dasar yang kita harus tengok balik. Kenapa kita hendak gunakan KDN sebagai *a benchmark*? Mungkin kita boleh gunakan- kalau macam sekolah-sekolah jauh, kita gunakan masyarakat tempatan untuk jadi pengawal keselamatan. Ia lagi mudah dan lagi mantap dengan integrasi masyarakat setempat itu.

Daripada kita *centralize* selepas itu hantar orang jadi *security guard* dekat mana-mana. Dan *security guard* ini pun, syarikat swasta pun ada masalah hendak dapatkan *security guard*, jangan cerita fasal sekolah. Jadi, kualiti yang tinggal- *security guard* di syarikat swasta ini gaji lebih tinggi. *They are sure* akan jaga di syarikat swasta dan yang tinggal ini, yang baki-baki ini, jaga sekolah. Padahal, sekolah itu yang jaga anak murid dan masa depan kita. Ia dijaga oleh *security guard* yang tinggal baki-baki ini. Ini bukan satu perbelanjaan yang berhemah.

Itu perkara yang saya hendak tumpukanlah. Tolong sampaikan mesej ini kepada Yang Berhormat Menteri. Itu mesej yang PAC hendak tumpukan bahawa dari segi dasar pun mungkin kita kaji semula atau kita tengoklah dasar yang sesuai. Kita kaji semula dasar penswastaan ini ataupun tengok semula dasar yang lain yang lebih sesuai dan lebih memberikan manfaat di setempat. Ini kerana sekolah ini kita kena ingat, sekolah ini *the future* dalam satu masyarakat di Malaysia ini. *The future is in the* sekolah.

Jadi, itu saya harap mesej yang dapat dihantar balik kepada bos-bos Datuklah. Bukan kita ini hendak tunjuk garang, tidak. Akan tetapi kita rasa perkara ini harus diberikan penekanan yang lebih supaya rakyat di luar nampak bahawa PAC memandang serius mengenai perkara-perkara seperti ini. Okey Datuk?

**Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat, dan Ahli-ahli PAC sekalian.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.48 tengah hari.]***





**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

- 1. Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah**
- 2. Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan & Latihan RV Discovery oleh Universiti Malaysia Terengganu**

Kementerian Pendidikan Malaysia

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEDUA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 02 APRIL 2014**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Puan Ong Swee Leng [Pengarah Audit Badan Berkanun Persekutuan]  
Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Timbalan Pengarah Audit Kerajaan Persekutuan  
(Kesihatan Bahagian I)]  
Puan Siti Rohani binti Hussien [Sektor Audit Persekutuan (Pendidikan Bahagian I)]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (*samb/*)**Jabatan Audit Negara (Isu RV Discovery)**

Encik Lim Chin Teong [Timbalan Pengarah Audit Badan Berkanun Persekutuan (Sosial)]  
Puan Norlydawaty binti Hashim [Penolong Pengarah Audit, Badan Berkanun Persekutuan (Sosial 3)]  
Puan Haliza binti Mohammed Aris [Ketua Penolong Pengarah Audit, Badan Berkanun Persekutuan (Sosial 3)]  
Puan Rohana binti Abd. Ghani [Ketua Seksyen Audit Badan Berkanun Persekutuan (Syarikat)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Dr. Yacob bin Mustafa [Timbalan Pengarah]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Muhammad Syukran Mat Rofa [Penolong Pengarah]

**Kementerian Kewangan**

Encik Gho Peng Seng [Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun]  
Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian Perancangan Korporat]  
Cik Noorshaizan bt Mohd Saidin [Penolong Setiausaha,  
Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi (Csc)]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Pendidikan**

YB. Dato' Seri Idris bin Jusoh [Menteri Pendidikan II]  
YBhg. Datuk Dr. Madinah binti Mohamad [Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia]  
YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia]  
YBhg. Datuk Abd. Shukor bin Ibrahim [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran)]  
YBhg. Dato' Nasir bin Mat Dam [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pengajian Tinggi)]  
YBhg. Dato' Sufa'at bin Tumin [Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Pendidikan)]  
YBhg. Dato' Mazlan bin Mohamad [Pengarah (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian)]  
YBhg. Dato' Ab. Razak bin Ab Rahman [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]  
YBhg. Dato' Mahamad bin Hussain [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Pengajian Tinggi)]  
Encik Mohamed bin Murad [Setiausaha Bahagian (Pembangunan Pelajaran)]  
Encik Shahid-din bin Mohd. Khatib [Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Pengurusan Aset)]  
Puan Hajah Zainun binti Taib [Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]  
Encik Mokhtar bin Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian  
(Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, KPM)]  
Encik Azman bin Kassim [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset)]  
Tuan Syed Ahmad Faizal bin Syed Nazri [Penolong Setiausaha  
(Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset)]  
Puan Rozita binti Rosli [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT)]  
Puan Zurimah binti Laja Besar [Penolong Setiausaha Kanan (PP)]

*samb/-*

**SAKSI-SAKSI** *(samb/)***Universiti Malaysia Terengganu**

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo [Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu]  
Prof. Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili [Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)]  
Tuan Ir. Haji. Mohd Zaideen bin Yusoff [Pengarah Pembangunan dan Harta]

**Jabatan Laut**

YBhg. Dato' Kapt. Haji Ahmad bin Othman [Ketua Pengarah]

**Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia.**

YBhg. Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib [Presiden]  
YBhg. Dato' Haji Rahmat bin Haji Ismail [Penasihat]  
Tuan Lt. Kol. Meor Adam bin Meor Sapi (B) [Setiausaha Kehormat]  
Encik Mohd Nasir bin Abdullah [Ahli Jawatankuasa]  
Encik Cyril Anwar bin Mat Sallih [Bendahari Kehormat]  
Puan Sharina Lam binti Abdullah [Setiausaha Kerja]  
Encik Azdi bin Bakar [Pengurus]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****RABU, 2 APRIL 2014****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang.***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Selamat petang saya ucapkan kepada Ahli-ahli PAC, Yang Berhormat Datuk Haji Anwari serta pasukan daripada Jabatan Audit Negara, wakil-wakil kementerian dan khas hari ini kepada Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib- Presiden Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia; Dato' Haji Rahmat bin Haji Ismail- Penasihat; dan Leftenan Kolonel Meor Adam bin Meor Sapi- Setiausaha Kehormat.

Jadi Datuk, pada hari ini dipanggil adalah hasil daripada satu surat yang Datuk telah tujukan kepada PAC yang bertajuk, "*Isu Semasa Berhubung Kawalan Keselamatan di Bawah Kontrak Kementerian Pendidikan*". Perkara ini juga berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara yang menyentuh mengenai pengurusan, perkhidmatan kawalan keselamatan di institusi pendidikan dan sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jadi sebab apa Datuk dipanggil pada hari ini adalah untuk memberikan sedikit penjelasan mengenai sistem kontrak, *central contract* untuk kawalan keselamatan ini yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan.

Kami juga amat khuatir kerana perbelanjaan tahunan untuk kontrak ini adalah berjumlah hampir RM800 juta setahun di 10,800 lebih buah sekolah dan ini merupakan satu belanjawan tahunan yang begitu besar dan kita hendak memastikan bahawa perbelanjaan ini adalah berhemah, ada *value for money*nya dan juga dilaksanakan dengan baik tanpa ada ketirisan ataupun ada unsur-unsur lain.

Saya juga amat tertarik dengan satu artikel dalam surat yang Datuk telah berikan kepada PAC iaitu satu laporan akhbar *The Star* yang bertarikh 3 Oktober 2013, yang bertajuk, "*Spotlight on Tender System- A Weaknesses Give Rise to Abuse Claim Contractors.*" Maknanya dalam laporan ini ada disebutkan bahawa kontraktor untuk kawalan keselamatan sekolah ini telah diminta bayaran untuk mendapatkan kontrak tersebut.

Jadi saya hendak tujukan perhatian Ahli PAC kepada artikel ini, dan satu statement dalam artikel ini ditulis, komen daripada syarikat kawalan keselamatan ini adalah dalam bahasa Inggeris ya- "*If you get a contract with RM1000 in one zone, you will have to give RM5000 kickbacks on commission every month. There is no way can get the contract otherwise*".

Untuk saya, ini satu *statement* yang begitu serius walaupun dibuat dengan tanpa nama, *anonymous* tetapi *statement* ini dibuat oleh syarikat kawalan yang saya *assume* merupakan ahli persatuan Datuk, dan saya rasa *statement* ini ada dia punya asas untuk kami bertanya kepada Datuk sama ada perkara ini benar atau tidak, berlaku atau tidak?

Jadi Datuk, tanpa melengahkan masa lagi, saya minta Datuk untuk bagi keterangan sedikit terutamanya mengenai peranan persatuan.

Kedua mengenai ciri-ciri dan juga kelayakan ahli-ahli persatuan. Sekarang ini kami dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan baru-baru ini, dia kata soal *certification of* syarikat kawalan ini adalah terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), bukan di bawah Kementerian Pendidikan tetapi pada hari ini, kita punya fokus- *inquiry* kita adalah pada kawalan keselamatan di sekolah, di bawah Kementerian Pendidikan dan ia ada kena mengena, kerana kalau syarikat yang diluluskan oleh KDN adalah merupakan syarikat yang tidak layak, tidak sesuai ia juga akan menyebabkan kawalan keselamatan di sekolah, di bawah Kementerian Pendidikan pun akan terjejas.

Jadi saya minta Datuk untuk memberikan sedikit penjelasan mengenai perkara tersebut, seterusnya memberikan penjelasan mengenai pandangan Datuk mengenai sistem *central contract* yang digunakan oleh kerajaan sekarang, untuk melantik syarikat kawalan keselamatan.

Keempat, saya minta Datuk untuk memberikan penjelasan mengenai *statement* yang dibuat oleh syarikat yang terlibat dalam artikel surat khabar *The Star* ini. Terima kasih.

### 2.38 ptg.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib [Presiden Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh...*

**Tuan Pengerusi:** Datuk, sebelum saya teruskan, saya hendak maklumkan jika ada kenyataan yang dibuat *off record*, jangan buka *mike*.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Okey ya. Bila *mike* ini *on* sahaja, maknanya semua keterangan Datuk akan di rekod secara *verbatim*.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** ...Kalau ada perkara-perkara yang sensitif, yang hendak dibincangkan tanpa direkod, Datuk boleh *off mike*. Terima kasih.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Mula-mula saya akan cuma hendak memperkenalkan industri keselamatan. *Actually* industri keselamatan itu wujud sejak tahun 50-an, 1959. Pada masa itu tidak daftar, *that means* sesiapa juga boleh register *company* dan membuat *security services but 1971* kita mengadakan Akta Agensi Keselamatan 1971- *under the* Akta Agensi Keselamatan 71, semua syarikat atau individu yang menceburi perniagaan keselamatan mesti mendapat lesen daripada Kementerian Dalam Negeri, dan *qualificationnya* adalah semua pengarah dan pemegang saham itu mesti warganegara Malaysia, dan mesti lulus tapisan Polis iaitu mempunyai latar belakang yang elok, tidak ada jenayah.

■ 1440

So, dalam tahun 1971, kita ada 70 syarikat..

**Tuan Pengerusi:** “*Tidak ada jenayah*”, maksud Datuk apa?

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Maksudnya dia mesti lulus tapisan keselamatan.

**Tuan Pengerusi:** *Criminal record?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *That’s mean clean record.*

**Tuan Pengerusi:** *Drug used...*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *No. Any...*

**Tuan Pengerusi:** *Ada criminal offence?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *No offence- any guiltier or any offence or drug or stealing- then* dia tidak layak lagi. Dia tidak layak jadi pemegang saham ataupun pengarah.

Dalam Akta Agensi Persendirian 1971 dinyatakan bahawa semua pengawal mestilah warganegara Malaysia sebelum sesebuah syarikat itu boleh *hire* atau menggaji pengawal, dia mesti melalui satu tapisan Polis. Semasa dahulu, kita hantar dia ke balai polis untuk dapatkan tapisan tetapi *last four years*, kita hantar dia untuk tapisan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN). So, kalau dia didapati tidak ada latar belakang jenayah, kita boleh menggaji dia sebagai seorang pengawal. Itu adalah *a must under* akta. *That means*, cuma pengawal itu mesti melalui tapisan Polis dan mesti *clear*, baru kita boleh menggajinya.

So *today*, kita ada 752 buah syarikat, dan dalam satu peraturan Kementerian Dalam Negeri, semua syarikat yang mempunyai lesen, kementerian mesti menjadi ahli persatuan. Itu adalah wajib- sebagai salah satu syarat untuk memperbaharui lesen.

Dalam akta juga mengatakan *clear*, jelas- kalau kita hendak buat *business security*, kita mesti ada lesen. Tanpa lesen, itu adalah syarikat *illegal* dan tidak dibenarkan mengadakan syarikat sekuriti ataupun *give commercial security guard*.

Okey, *second point is Audit Report*. Memang apa yang *Audit Report* kata itu kita percayalah. Memang ada *some truth in the Audit Report*. Kenapa perkara ini berlaku? Adalah salah kedua-dua pihak. Satu, memang macam ahli-ahli persatuan kita pun kadang-kadang tidak mengikut syor daripada persatuan daripada segi *based price*, ataupun *minimum value because there are 752 syarikat, competition* itu *very stiff*. So that is *undercutting, but on the side of this* Kementerian Pendidikan, *what we find* is ada banyak kelemahan *under their tender system*.

*Number one-* kementerian *treat security service as a supply. That means they simply issued a call for tenders, and simply award tenders without going into details. For example*, jumlah pengawal yang mereka *hire*. Misalnya, satu-satu sekolah itu cuma ada tiga orang pengawal, seorang pengawal siang dan dua orang pengawal *shift* malam. *Now*, kita persatuan hendak bertanya kepada MoE, bagaimanakah satu orang pengawal siang jaga kawalan trafik, kawalan pintu keluar masuk, jaga keselamatan pelajar, jaga keselamatan guru dan pelawat, dan menjaga keselamatan aset-aset sekolah seperti peralatan komputer, alat audio-visual, peralatan-peralatan makmal yang bernilai tinggi. Menjaga keselamatan kenderaan-kenderaan di dalam kawasan sekolah, dan kadangkala mereka ditugaskan sebagai *traffic controller*. Biasanya keluasan sesebuah sekolah itu adalah antara empat ekar atau lima ekar. So, *this is a question mark*. Ini sudah banyak kali kita sampaikan kepada Kementerian Pendidikan, *insufficient manpower. That means*, apa yang kita nampak, *manpower* itu cuma boleh jadi macam satu syarat sahaja, ada *guard*. Kalau kita *go into details* tugas-tugas pengawal, *I think one person is not enough*.

*Number two-* ada juga pengawal itu disuruh jaga harta benda *personal* guru. Misalnya kalau guru itu hilang duit di dalam lacinya, pengawal disalahkan. *Student* hilang barang, pengawal disalahkan. So, apa yang saya nampak, pengawal yang ada dalam sekolah itu cuma sebagai syarat untuk *blame game, blame the* pengawal, dan dapatkan duit daripada syarikat, ataupun kita hantar apa-apa barang hilang, dipaksa syarikat itu ganti...

**Tuan Pengerusi:** Okey, untuk *summarize*, maknanya Datuk kata sekarang ini kontrak ini dibuat untuk mengadakan pengawal sahaja. Akan tetapi fungsinya, peranannya tidak di...

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak diperjelaskan dan juga tidak di...

**Seorang Ahli:** Tidak diberi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya rasa ada dijelaskan tetapi terlalu besar.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Terlalu besar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Beyond the duty of one guard*.



**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *One guard. Dia kata, everything lost is responsibility of the guard. Everything in the five acres land is the responsibility of the guard.*

**Tuan Pengerusi:** *It is in the contract?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes, in the contract. Okay, so number two- apa yang kita nampak, ketiadaan due diligence dalam pemilihan syarikat. So, biasanya tender itu dibuka sebagai negeri, satu-satu negeri. Biasanya kementerian buka tender untuk tiga negeri atau empat negeri sekali gus. So, each negeri ada dizonkan dalam sepuluh sekolah ataupun 13 sekolah, dibundlekan sebagai satu zon. Some negeri ada 30 zones dan ada yang 90 zones- depend on the size of the negeri. Bila dia buka tender, syarikat-syarikat itu patut melawat tapak and then dia masuk tender. The problem is that, kementerian tidak buat due diligence on the tenderer, syarikat yang tender. Kementerian Pendidikan tidak mengadakan lawatan fizikal on the syarikat. Misalnya, tender untuk Kelantan, mungkin syarikat ini tidak ada cawangan di Kelantan tetapi diberi tender di Kelantan. Capability dia cuma di Kuala Lumpur, Wilayah. Akan tetapi dia diberi tender kadang-kadang di Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak...*

**Tuan Pengerusi:** *Habis kalau mereka assume bahawa KDN sudah certify the company then why need to do due diligence?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes, due diligence should be done.*

*Number one- kena check, adakah syarikat itu mempunyai lesen, kerana every each of the syarikat has a genuine trading licence ataupun security license from the KDN.*

*Number two- they must certify, adakah syarikat itu jadi ahli persatuan?*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *Datuk, ada atau tidak kes yang dia beri kepada syarikat yang tidak ada lesen sekuriti ini?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Ada juga dia beri.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Juga, atau ada?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *There is a case.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Are you sure of that?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *I am sure of that, happens sometime back.*

*Number two- if the company does not have a branch in that state for example- dia tidak ada branch di state itu, dia masuk juga tender dan dapat tender so, Kementerian Pendidikan must do a due diligence to see the capability of the syarikat. Ada atau tidak capabilitynya untuk jaga kawasan yang jauh daripada branch.*

*So, apa cara tender yang sekarang diaward adalah macam supply barang. Okey, sepuluh syarikat dapat atau 20 syarikat dapat, "You just go and start doing the security services". So, tidak ada due diligence on the capability and the capacity of the syarikat.*

**Tuan Pengerusi:** *So, what you are saying macam supply barang tetapi bukan supply services, bukan supply perkhidmatan?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes. Supply barang itu lain Tuan Pengerusi. Supply barang is just buy and deliver but security services is a physical present in the premises, the ten or 15 premises- sekolah-sekolah yang diberi jagaan, and you have to continuously supervision, supervise. You must have a branch, you must have a Branch Manager, you must have a supervisor- daily going and checking on the guard in day time and night- maybe twice in day time, and twice at night. So, that is the capability of capacity of the syarikat.*

Sekarang apa yang berlaku Tuan Pengerusi, tender diberi kepada syarikat yang tidak ada cawangan. Apa syarikat ini buat? Dia pergi ke Kelantan, *find one chap, one guy and sub to him, "Okey, saya sub kepada you- you jagalah 13 buah sekolah ini". So that is what happening recently.*

**Tuan Pengerusi:** *But in the contract you are not allow to sub?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes, in the contract you are not allow to sub even in the Ministry of Home Affairs, you are not allow to sub but it is very difficult to prove. Dia kata, dia employ him to be supervisor. Dia kata dia gajikan as a supervisor, giving an employment letter and dia jagalah. So, the companies actually do not go back and check on the status of the guard or employment of the guard.*

■ 1450

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Pengerusi, hendak tanya sedikit, ya. Penjelasan.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Ya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah** Kalau adalah perandai syarikat-syarikat macam ini, apa yang persatuan boleh buat terhadap mereka, kalau mereka ini, kira yang tidak betul dan tidak mematuhi sepatutnya- dari segi persatuan punya kuasalah?

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Memang persatuan- perandai-perangainya macam I said was in all industries. There are good people and there are 'big heads'. In industry kawalan keselamatan pun sama caranya, in fact three years ago, we had a meeting and kita putuskan a minimum rate system. Akan tetapi ada 95% ikut dan 5% tidak ikut. So benda itu tidak berjaya. So as I said, the owner also goes to syarikat ES, to the persatuan ES, but rightfully, the owners must be- first go to the tenderer, or to Kementerian Pelajaran. They should be more aware kerana they are the pay master, yes...*

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Saya hendak tanya sama ada setiap syarikat yang terlibat dalam industri keselamatan ini perlu menjadi ahli kepada persatuan, atau tidak perlu, *is it a mandatory?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes, all the companies that have license, under Akta 71, mesti jadi ahli persatuan untuk membaharui lesen. Kalau dia tidak jadi ahli, dia tidak dapat membaharui lesen, which is owner yearly renewal basis. Licenses are to be renewed on the yearly basis.*

*Okay number two- other than that, apa yang kita nampak, Kementerian Pendidikan tak ambil kira tentang kos operasi pengawal. Masa dia tender, dia go for lowest. Apa yang kita nampak just lowest. So Tuan Pengerusi must understand, today kita sudah ada gaji minimum. Gaji minimum itu adalah RM900 basic with eight hours. Akan tetapi kebiasaan guard itu kerja empat jam overtime, 12 hours duty, so take home pay for the guard is RM1,900. So with the other macam kos ganjaran statutory, kos logistik, perkhidmatan, kos operasi dan mobiliti, kos latihan, pengurusan, risiko, dan lain-lain is another RM300. So cost for the guard for working is RM2,200, and other cost everything he comes about RM3,000 per month. This is cost of the guard for 12 hours. So kita ada recommend to Kementerian Pendidikan, minimum rate should be at least RM8.50 to give the securities company at least RM3,000 per guard on 12 hours shift. So they can pay the RM2,200 salary, and absorb all the other cost.*

*Akan tetapi apa yang kita nampak today, ministry giving tender as RM6 or RM5.50 per hour. At RM5.50 or RM6 is only RM2,200 for 12 hours guard. At RM2,200 is just salary and EPF, SOCSO, that's all. There is no other cost. So once you give a tender below the cost, that's mean two things, can happen. Either the person is not doing to pay the guard salary according to the minimum wages ataupun he going to have illegal guards sometimes or substandard guard kerana dia tidak dapat bayar gaji minimum. Macam mana dia hendak buat untung?*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, setiap pengawal adakah dilatih? Kalau dilatih, berapa bulan dilatih?

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Tuan Pengerusi, *industry question is that, you give a contract at which cannot even cover the minimum salary, whose going to pay kos operasi, kos managerial salaries, and other salaries, mana kita hendak adakan latihan?...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tuan, *this is tender Tuan. This is a tender...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I think to be fair, in the tender conditions, you must be stated that the guards will be paid at the minimum pay, minimum wages that is regulated...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *This minimum wages only came just one year ago, it just came one year ago but the point is, this is a tender invitation. No ministry 'put a gun' to you or to your ahli persatuan that you must take it at this price. You as the industries decided to participate in the tender and offer the price, and ministry accept the price based on your undertaking that you are a licensed security company, and this is your price that you offered.*

*With that, ministry take your job. So the point is, if you saying that every securities company is part of your ahli persatuan, can't you at least disciplined your ahli persatuan? Rather than you pass the bark back to the ministry, because ministry offered- ministry never offered. They opened up a tender, a bidding for you to participate.*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes, Yang berhormat. I agree with you, but sometimes, as a ministry, there must give a realistic prices. The pricing must be based- the calculation must be based on the basic salary, overtime, cost of the guard, and all the other cost, and then the ministry must come out with the pricing. Today what happens, before the tender comes out, most of my members already know the budget of the ministry. Ini kerana bila ministry buat bajet- my opinion is that, their budget and the calculation is wrong. Because, they budgeted on eight hours duty, RM900 basic and tidak masuk overtime or something, they only calculate maybe 26, we calculate 31. It is because the guarding is 24/7.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Saya tahu Datuk tetapi maksud saya ialah the honor is on the persatuan ataupun syarikat, right? Because, why would ministry pay more if we can get a very competitive price? If you put now USD900 or USD1,000 you know, are we be assured that we going to get the same service?... Maybe the same, so today- that is why we called it open tender, and you said rightly that you have done your intelligent work that you found out what is the budget of the kementerian. So knowing the budget of the kementerian, you participated in the tender, and everyone trying to get the job where at the end of the day, there are still accountable.*

*So I rasa Datuk, pada pemikiran saya- salahlah kalau kita kata, "Oh, pasal kementerian offered rendah"? Tidak! In a construction pun sama, you know. Dia ada bajetnya tetapi they offer for bidding. So the discipline by your ahli persatuan is a most important thing, sama ada can they participate. Katalah dia salah- I do not know dari dahulu sampai sekarang, berapa banyak ahli persatuan, yang persatuan tahu dia masuk dengan harga yang tidak munasabah, persatuan beritahu kepada kementerian, ada atau tidak? Ataupun persatuan ambil tindakan bahawa syarikat 'A', 'B' atau 'C' ini telah pun mengambil bahagian dengan tender yang begini, yang tidak munasabah, dan persatuan pun tulis surat kepada ahli atau syarikat itu bahawa harga kamu tidak munasabah. Apa peranan persatuan pula to govern benda ini?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Okay, in 2010, we were the first industry to be having the minimum wages. We were the first industry, security industry in 2010. In fact at 2010, we try to discipline our members by putting a minimum cost. We work out the cost of the guard and everything all and we told our members, this is a minimum charges that you must charges a customer to give them an acceptable or satisfaction services. We did try to take action on our member, as I said, 95% of the members quoted the rate given by the persatuan. Only about less than 5% did not follow the persatuan.*

So persatuan have a Disciplinary Committee, we called them up, we called Disciplinary Committee interview one-by-one and we wanted to terminated their membership from the persatuan. Once they are no more a members of persatuan, the license could not be renewed...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes. We were about to do it, then we came out the akta, Anti-Competition Act- where we were not able to fix a minimum rate. So because of the Anti-Competition Act, we were not able to follow through on that...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I thinks with regards to the terminating non-performings members, I understand the issue of non-competition where all trade associations now are not allowed to fixed prices which prevent competition from happening.*

■ 1500

*That doesn't stop the association from punishing security firm that have brief many other rules which were highlighter in the Auditor Report from example hiring unqualified guards, unapproved guards, people who are 70 years old, all those stuff. I think those are clear transgression which I think the association would be able to set the members immediately. If that can be done I think we would be happy.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *The association that you communicated to the Ministry of Education with 95% of a member saying that the current rate is insufficient. Has it informally talk to the ministry, or how does it work?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes the last time, and we did this exercise as I said 95% members followed, 27 companies did not followed and that time the tenders was for Melaka and Wilayah. These 28 companies got three zones, four zones from the state. So those who have fourth high for all these qualified were all not be able to get the tender. So it is actually backfired on the persatuan. So members yang tidak dapat akan maki kita. Why did we do this, they will not be able to get...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Sebanyak 27 itu lesen dia masih adalah?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *es.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *The license is still there.*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes still ada.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *Cuma persatuan didn't tell kementerian...*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes, didn't tell the kementerian but kementerian said, they will take the lowest.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *Did the 27 companies perform according to the ruling?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *I do not think so they can perform by that rate. Differently the service could be very bad.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Can the persatuan take action against members who fail to meet the minimum standard or regulated standards, other than pricing? Pricing actually should be competitive but I think they are, after they bit, they win. Kalau dia salah dari segi undang-undang ataupun peraturan, persatuan tentu ada hak untuk memecat, kan?*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Under the Akta Agensi Kementerian Dalam Negeri, we can employ guards from age of 18 until 60 years old, sorry 65- 65 years old so, which I think, which is the most of the security companies employing until 65 years age. To your question- persatuan can take tindakan if we are informing that their hiring guards above 65 years old but so far, we have no complain from the Ministry of Education on this issue- nothing. Nothing has been brought forward to the persatuan.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *What the real issue now?... Because you are accusing the ministry- giving a very low price to your ahli persatuan, but your ahli persatuan remains as your ahli persatuan until today. They are still a license company to do it. What right that's ministry has to block them from participating? What right that's the ministry...*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *I mean Yang Berhormat, we are here to see how we can overcome the problem solve lack of security or weaknesses in the security. So I will think we have to look at- how to overcome these issues. For example- even of the tender exercise- number one is the pricing which is not correct.*

*Number two- even on the tender issues. For example today they are awarded the tender, dia kata start tomorrow. Tonight they get the letter start tomorrow. So how can company...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *That's why Datuk, that one I fully agree. Oleh sebab itu I kata, we are meeting the ministry today. We are trying to also, help the ministry.*

- (i) I think my personal opinion whether the central contract should remains or not;*
- (ii) whether it should be centralize or not; or*
- (iii) it should be given back to the district or negeri you know, to PPD to decide.*

*But we like to hear what your real issue is. If you are talking about real issues is about the pricing, I think we also demand of the competitive price in the market so that, we can justify to rakyat.*

*Kedua, we are so not sure by giving you at the higher price whether the performance will be the same or not.*

*Three- whether persatuan has the right to fix the price because I'm very sure- I mean I just want to declare, consider I'm also the Chairman of Safeguard, but I'm not go to schoolah, even on the banking side, the top guns you know be head safeguards, be head securiforce, be head others are also competing hebat, to get the price but we perform. So that I said- whether that price impose by the ministry it that a real question, or what do you really need from us?*

**Datuk Chua Tee Yong:** *Can I just ask one direct question?... You see, you mentioned that 27 companies quoted below the 95%, and you mentioned that 27 companies perform, or did they did not perform?*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *They got the job performance I am not very sure. I think you must ask the Ministry of Education.*

**Datuk Chua Tee Yong:** *If they are able to perform something is wrong to the 95% because I'm asking these logical question, actually.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I think they are saying that- obviously their people who perform and their blaming the non-performance of the too low price. Seperti Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu rakan saya, kita tidak kata kementerian tidak salah sebab kita adakan enquiry ini kerana kita sudah dapat tahu bahawa kementerian ada salahnya ada kelemahannya dalam sistem tender. Kita mengambil maklum mengenai perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan tadi. Cara tender dikeluarkan- not in our report, and we will ask MOE to improve.*

*Akan tetapi pada masa yang sama as going back to the earlier question on the performance of this company as whether action will taken against them. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara, tender yang dikeluarkan oleh kerajaan, had umur yang tertinggi ataupun tertua adalah 58 tahun. Akan tetapi semakan Audit mendapati sembilan pengawal, 7% telah melebihi had umur 59 sehingga 72 tahun. Even beyond the 65 that was mentioned. Sebanyak lapan pengawal, 6% yang terlebih umur 55 tahun tidak mengemukakan laporan kesihatan daripada hospital kerajaan. Manakala 76 pengawal, 59% tidak mengemukakan Tapisan Keselamatan daripada balai polis. These are clear cut transgression. Can the association expel these companies?*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *That the Chairman punya statement, Datuk punya statement itu tadi, kalau dia bukan ahli persatuan, dia tidak boleh renew lesen.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So that why, if they expel, that's it. This company cannot tender anymore.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *So how many have you expel?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Then, the other companies were benefit. The other companies who comply with the association rules were benefit.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Datuk ada satu lagi ya, sebelum *you* jawab.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Ya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sebentar tadi sudah cerita mengenai tindakan itulah. *Just* secara umum dalam konteks Kementerian Pendidikan inilah, secara umum, *do you face other problem with the other tendering* di mana-mana? Dalam hal *private sector* yang lainlah. Itu satu.

Keduanya- *when you talked about rates*, harga- adakah dalam tender yang dikeluarkan oleh kementerian, *let say* kawasan luar bandar yang macam dekat Sarawaklah. Tempat saya di Limbanglah ya, yang *you* kena naik bot lagi. Adakah harganya sama ataupun ada ini...? *Just want to know from your sidelah*. *Considered* mungkin- kalau naik sungai untuk pergi ke sekolah itu ada tambah 50%kah, *whatever?* Itu saya hendak tanya sahajalah.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Yang Berhormat, di Semenanjung gajinya RM900, so *we fix the rate on the RM900 pay*. Di Sabah dan Sarawak gajinya RM800 *basic*, so harganya *lower than* Semenanjung. *Then the distance- it depend on the individual company*. Kalau syarikat ada pejabat yang dekat situ, *then we charge lowerlah*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Itulah kita hendak tahu, dalam tender itu- *because here you talk about* harga tidak cun, tidak ngam dan tidak inilah. Jadi ada tidak dalam *tendering* itu- kita hendak tahu *from you*. *We can ask the* kementerian juga, *but we want to hear from you*. Ada tidak untuk sekolah-sekolah di pedalaman, *how is the rate? Other consideration*, tambahan berapa *percent* kalau ini untuk ini. *Let say even though* sebelum ada *minimum wage* diperkenalkan.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Differently the rates when we charge the customer to take it into consideration are:*

- (i) *basic salary;*
- (ii) *overtime; and*
- (iii) *cost of logistic.*

Kalau jauh daripada pekan ataupun jauh, *the other cost of logistic is higher, then definitely the charges is a bit little higher*.

#### ■ 1510

**Tuan Pengerusi:** Datuk, saya bukan hendak potong *discussion* ini akan tetapi Menteri Pendidikan sudah tunggu di luar. Masa dia tidak banyak.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** *We can have discussion I think for an hour or two* pun tidak puas hati lagi. *So, can you just wrap-up and then please focus on* pada soalan yang saya tanya tadi. Pada empat soalan awal. Tadi Datuk sudah pergi pada *background security industry* ini, dan juga pada *background* apa yang persatuan sudah buat.



Sekarang ini saya hendak minta komen mengenai sistem *center procurement* yang kementerian buat sekarang ini. Adakah perkara itu sesuai dibuat ataupun macam tadi Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu kata, lebih baik kalau kita *scrap the Central Tender* lepas itu pergi kepada *the local- district* punya level. Selepas itu, sama ada *open tender is suitable for this procurement*, ataupun macam *Pre-Q- do it like a close tender, because obviously* macam *you* kata tadi, sekarang *open tender* ini sudah jadi macam beli barang. *Obviously it is not the same as tender supply* perkhidmatan.

So, dari segi *scope* pun ia berlainan. Itu perkara kedua.

Perkara yang ketiga ialah hendak *confirmkan* sama ada betul-betul berlaku masalah rasuah dalam pengendalian tender ini berdasarkan kepada laporan surat khabar yang telah dibekalkan kepada kita pada hari ini. Tiga soalan ini kalau boleh Datuk- *just quickly explanation*.

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Okay, tender system- I think we will prefer still centralize tender.* Akan tetapi *BQ system*, di mana syarikat-syarikat yang *having the facility or a capacity to guard to be call for the tender. Not open to everybody. What is done now- now the system is every* syarikat mesti dapat *one zone. Just keep on giving- where were they wanted.* Kalau dia ada syarikat macam *office* di Kuala Lumpur, dia tidak dapat di Kuala Lumpur, dia bagi di Kelantan, maknanya dia tidak ada...

**Tuan Pengerusi:** Maknanya- *the due diligence part* yang disebut tadi?

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Ya, *due diligence, okay. So...*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Hendak dapat lesen itu, bukankah ia kena ada ketua polis yang jadi *director* itu?

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Itu semua *I think* Yang Berhormat, *very easy, just get a retired...*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *This is what I said, this is your* persatuan Datuk, *you had to help us.* Kalau persatuan *you* tahu ada benda macam itu, lepas itu *you* benarkan dia jadi ahli persatuan *you, how can we help you?*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** *Do you want that statement to be recorded, your last statement?*

**Seorang Ahli:** *...Record the statement, it is okay.*

**Tuan Pengerusi:** *That one is okay? Repeat back what you said just now.*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** *Repeat back what you said about the illegal guard...*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Yes, today I have given the statement to the press on many occasion that there are easily 30,000 to 50,000 illegal guards in Klang Valley but no action have been taken. We has gone to KDN on many occasion, KDN kata, dia buat operasi tetapi I do not see anything. We have asked KDN to batalkan lesen mana yang tidak ikut peraturan to hire illegal guard. They caught 75- employing illegal guards but still no actions have been taken. Dia tidak mahu batal.*

*So, until KDN do not want to be strict or comedown hard on this people who are employing illegal guard, I think we cannot solve of the problem. This comes back again- dollar and cent. You see, a legal guard today- I have to give them RM2,200 payment and with all the other costs is RM3,000. So, I have to charge the customer for RM8 to RM8.50. Whereas an illegal operator only charge the customer RM6, he give RM2,002, he pays the guard RM1,002, he makes RM1,000 profit on one guard. If he got 300 guards, he make RM300,000 minus operation cost 20%, he makes RM250,000 on 300 guards. Whereas a illegal operator have to pay RM2,002- we cannot get business. If you go today to mall, condominium, anywhere in Kuala Lumpur, I can bet, you get nine out of ten condominium are employing illegal guards. Akan tetapi KDN tidak ambil tindakan, nothing. These statements I can give you openly...*

**Tuan Pengerusi:** *...We have to call KDN to verified this issue. Datuk, mengenai soal tuduhan tadi...*

*[Off record]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *...Lihat ada satu. Okey, yang tadilah tetapi yang more important if you really want to help them, I think we also got to work closely with KDN to curb this illegal guards. So that, we may get a better service and then the pricing will also be stable, you know.*

*Kedua- I think we can also impose to the school, mungkin do a quick enforcement program supaya pastikan semua guards di sekolah ini tidak ada yang illegal.*

**Tuan Pengerusi:** *So soalan saya tadi Datuk belum jawab lagi adalah mengenai open tender or like a Pre-Q punya tender. Which one is a...*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *I think, they must because they have to see capability of the company. So they must- BQ is better. Maknanya dia tahu syarikat mana, identified and then they just give it to them. Capability macam GLC, Tenaga Nasional dan TNB, Telekom- they identified the company and then they call them. Ada capability atau tidak? Dia pergi check officenya, ada tidak pejabat di sini? You ada pejabat, then they give you- and then they will give you the job. Without the office, they will not award you. So we prefer if Kementerian Pendidikan follow the same system.*

■ 1520

**Tuan Pengerusi:** *I am quite surprise. When I was at Telekom Malaysia, there is a Director, I was on the Tender Board that is what we do, pre-qualify, but for the kementerian, there is no pre qualification ya?... Okay.*

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *Last point* Yang Berhormat, sekolah-sekolah ini sudahlah beri harga murah tetapi apabila dia membuat audit, kalau dia ada nampak yang tidak pakai seragam atau *some problem, they strictly put up penalty 20% of the whole bills, whole Contract Bills. Sometime penalty can goes up to RM20,000 or RM10,000 amount. Bill* baru RM70,000 atau RM80,000 tapi penalti sudah RM20,000. *So this is also indirectly press us down sometime...*

**Tuan Pengerusi:** Audit sekolah pun, TKSU Kementerian telah datang memberikan keterangan kepada PAC, dia kata Audit Dalaman Sekolah ini aktif, cergas untuk memantau tetapi adakah mereka memantau kontrak, atau mereka memantau *performance* syarikat, dari segi kualitatif, bukan dari segi kuantitatif?

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** *I think they are going on, you see, maybe* dia tidak ada *torch light*, tidak ada *ring coat, straight fight*.

*One more last point*, ada sekolah-sekolah kita nampak *employ RELA Guard on permanent basis. I think under Akta Agensi 1971, it is quite clear that only* syarikat yang ada lesen untuk *provide commercial security guard, they can provide guard on commercial basis. Under Akta RELA, it is very clear, RELA cannot provide guard and bills...*

**Tuan Pengerusi:** Sekolah di mana?

**Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]:** Banyak sekolah.

**Tuan Pengerusi:** Di mana, Sabah, Sarawak atau di Semenanjung?

**Seorang Ahli:** Di Semenanjung pun ada.

**Tuan Pengerusi:** Di Semenanjung pun ada?

**Datuk Haji Shaheen bin Mirza Habib:** Ada. *So I think this have to be stop and RELA have to use as "RELA", not for commercial purposes. Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** *Thank you for you feedback. I'm sorry for cut it short because Minister waiting, but we thank you for your input- which will be valuable in us questioning the Minister later on. So Datuk, thank you very much for you contribution today.*

*[Saksi-saksi dari Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia keluar meninggalkan Jawatankuasa]*

**3.47 ptg.**

*[Saksi-saksi dari Kementerian Pendidikan mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Yang saya hormati Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II. Yang saya hormati Datuk Dr. Madinah, Ketua Setiausaha Kementerian; Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha II, Kementerian; pegawai-pegawai daripada kementerian; Ahli-ahli PAC; Datuk Haji Anwari daripada Jabatan Audit Negara; seterusnya wakil-wakil kementerian yang lain. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.*

Pada petang ini kami berasa begitu berterima kasih kepada Dato' kerana telah memberikan masa Dato' untuk datang ke PAC pada hari ini khusus untuk memberikan penjelasan mengenai pengauditan terhadap pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebenarnya perkara ini timbul kerana Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 telah mengenal pasti bahawa ada masalah mengenai pengurusan kontrak kawalan keselamatan sekolah ini yang telah menimbulkan keraguan di pihak PAC, dan juga kerana perbelanjaan tahunan kawalan keselamatan ini, sekarang ini mengikut Laporan Audit Negara telah mencecah RM800 juta setahun melebihi daripada 10,800 buah sekolah di Malaysia ini.

■ **1530**

Jadi, lebih daripada 10,800 sekolah di Malaysia ini. Perbelanjaan yang besar ini juga membangkitkan kerisauan dalam kalangan Ahli PAC bahawa perbelanjaan ini perlu dibuat dengan efektif, dengan berhemah, *value for money* dan tidak ada ketirisan atau unsur-unsur rasuah dalam kontrak ini kerana jumlahnya setiap tahun RM800 juta dan dijangka akan meningkat sekiranya jumlah sekolah bertambah.

Jadi, atas sebab itu, kami meminta Menteri sendiri untuk datang untuk memberikan penjelasan ini walaupun bukannya peranan Menteri kerana Pegawai Pengawal adalah KSU kementerian. Akan tetapi kerana isu ini memerlukan keseriusan dalam pelaksanaannya di peringkat kementerian maka kami telah mengambil keputusan untuk memanggil Menteri untuk datang. Jadi kami berterima kasih di atas kesudian Dato' untuk datang pada hari ini.

Untuk makluman Dato' sebelum ini tadi kami telah memanggil Persatuan Pengawal Keselamatan Malaysia, Datuk Haji Shaheen tadi wakilnya untuk memberikan sedikit penjelasan ataupun pandangan mereka mengenai pelaksanaan sistem pengurusan perkhidmatan kawalan keselamatan ini, dan ada beberapa isu yang telah ditimbulkan terutamanya mengenai soal harga kontrak, soal cara kontrak sama ada dibuat secara pusat atau ikut daerah, atau ikut sekolah dan juga soal pemantauan kepada syarikat-syarikat kawalan keselamatan juga.

Kami juga tadi telah meminta penjelasan daripada beliau mengenai ada satu artikel yang telah keluar yang telah diterbitkan oleh akhbar *The Star* pada 3 Oktober 2013. Saya rasa sehari selepas Laporan Audit Negara dikeluarkan pada tahun lepas yang sebenarnya memberikan satu kebimbangan bahawa mungkin ada berlaku unsur-unsur rasuah dalam sistem tender tersebut.

Saya hendak petik satu kenyataan tetapi kenyataan dibuat secara *anonymous*, tanpa nama yang dibuat oleh kontraktor syarikat yang menyatakan dalam bahasa Inggeris: "*If you get a contract worth RM100,000 in one zone, you will have to give RM5,000 in kickbacks or commissions every months*", kepada pegawai kementerian.

Saya pun tidak tahu siapa dia tetapi *statement* dibuat secara *general* dan *statement* selepas itu dibuat dia kata, "*There is no way you can get the contract otherwise*". Jadi ini satu kenyataan yang serius yang dibuat kepada akhbar walaupun dibuat secara *anonymous*, tidak bernama tetapi ia memberikan satu pandangan bahawa mungkin ada berlaku ketirisan melalui rasuah dan sebagainya dalam kementerian.

Jadi, atas sebab itu kami ingin juga memohon penjelasan daripada kementerian sama ada perkara ini berlaku atau tidak, dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk membetulkan keadaan ini sekiranya ia berlaku. Tanpa melengahkan masa lagi, saya minta Dato' untuk meneruskan penjelasan in. Terima kasih.

### 3.39 ptg.

**Dato' Seri Idris bin Jusoh [Menteri Pendidikan II]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi; Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa seterusnya hadirin sekalian. Bersama-sama dengan saya di sebelah kanan saya ialah Datuk Dr. Madinah (KSU I) dan di sebelah kiri saya ialah Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang (KSU II). Datuk Dr. Mazidah lebih kepada sekolah... [Merujuk kepada KSU I] Dan Dato' Seri Ir. lebih kepada IPT... [Merujuk kepada KSU II].

Terima kasih di atas jemputan ini kerana dengan cara ini kita boleh memberi penjelasan kepada isu-isu yang telah diungkit tadi.

Keduanya, dalam perkara-perkara yang kita belum tahu mungkin boleh kita diberitahu- mungkin ada perkara-perkara yang boleh kita terus tambah baik.

Untuk pengetahuan, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan yang mana pada tahun ini selepas mendapat teguran daripada Ketua Audit Negara, kita lihat walaupun di peringkat permulaannya 201 syarikat pada tahun ini yang lambat menghantar Bon Pelaksanaan tetapi hanya tiga. Selepas itu mereka menghantar dalam tempoh sebulan yang telah diberi kepada mereka, tiga buah syarikat telah ditamatkan perkhidmatan mereka.

Kita juga memastikan agar perkara-perkara yang telah dikatakan di dalam teguran itu berupa katalah- saya beri *brief* dahulu, CCTV katakanlah, tentang kunci *watchman* dan pastikan ia dapat diletakkan di tempat-tempat di sekitar kawasan, bukannya hanya tempat tertentu. Dahulunya mereka menggunakan kunci *watchman clock* ini, satu tempat dia kunci, selepas lima minit dia kunci, selepas lima minit dia kunci. Itu juga telah diambil pertimbangan. Juga CCTV diletakkan di tempat-tempat yang strategik seperti bilik komputer, pintu pagar utama, blok pentadbiran, tempat-tempat di mana ada barangan aset yang berharga di dalam kawasan sekolah.

Kita juga telah memberi KPI kepada guru besar, pengetua untuk menyemak kehadiran, menyemak pelaksanaan program-program ini dan juga PPD juga telah diberi KPI untuk mengadakan *spot check* untuk memastikan ia berjalan dengan baik.

Manakala, untuk pengawal-pengawal yang bertugas, yang mana perlu Tapisan Keselamatan, kita telah bekerjasama dengan OCPD dan oleh kerana mereka ramai juga dari kawasan tempatan, dengan adanya senarai yang diberi kepada guru-guru, guru-guru juga boleh disemak di samping kerjasama yang akan dibuat dengan RELA.

Umur pengawal keselamatan juga dipastikan mereka tidaklah tua sangat, kurang daripada 55 tahun dan juga ada Laporan Kesihatan untuk memastikan mereka sihat di samping mereka adalah warganegara. Ini kerana dahulu ada bukan warganegara kerja ini, dan juga mereka perlu mengenakan pakaian yang mana potongan 20% akan dikenakan kepada mereka yang tidak mengikut syarat-syarat tersebut. Syarat-syarat kontrak juga telah diperketatkan.

Untuk *the way forward*, kita juga telah melaksanakan Audit Pengurusan dengan kerjasama Audit Negara untuk memastikan ia berterusan. Itu antara perkara-perkara di samping dikatakan tadi berhubung dengan *retailing* harga kontrak, cara kontrak.

Berhubung dengan unsur rasuah yang dikatakan oleh *The Star* tadi, ini pun sebenarnya memeningkan kepala saya sebenarnya kerana kalau tidak ada bukti-bukti nyata, payah kita untuk mengambil tindakan. Walaupun proses-proses pemberian tender itu diketatkan, tetapi tanpa aduan-aduan yang boleh kita rahsiakan sebenarnya, kita *must serious about it*. Kita pun tidak hendak perkara ini berlaku dan ini memalukan kerajaan sebenarnya dan kementerian. Jika ada angka-angka, ada laporan-laporan, *we can go undercover. Please come to the* kementerian, dan kita sanggup memastikan agar ia tidak berlaku. Akan tetapi *at the same time*, kita telah menetapkan beberapa cara di kementerian untuk pastikan perkara itu tidak boleh berlaku.

Saya minta Datuk KSU untuk memberi pendetilan tentang beberapa komen yang telah diungkitkan oleh Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia tadi. Sila Datuk KSU.

## ■ 1540

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad [Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia]:**

Terima kasih. Yang Berhormat, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Suara 'Ella' sedikit, maaflah. Baru balik dari Mekah.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya, mohon maaf, suara tidak begitu jelas.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Belum baik Datuk, ya, belum baik demam lagi?

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Demam, batuk biasalah tetapi tugas tetap dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, terima kasih. Saya hendak menjurus untuk menjawab kepada perkara-perkara yang dibangkitkan tadi oleh Tuan Pengerusi. Antaranya ialah menyentuh mengenai jumlah yang besar yang dibelanjakan untuk perkhidmatan kawalan keselamatan swasta.

Kedua ialah mengenai isu-isu yang dibangkitkan tadi oleh Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia iaitu pandangan dari segi pelaksanaan kontrak, harga kontrak, berpusat atau tidak.

Ketiga, mengenai laporan dalam akhbar *The Star*, ada unsur-unsur rasuah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian ini pada 3 Jun 2013. Laporan ini walaupun berlaku dalam tahun 2012, ia masih menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan bukan sahaja semua isu ini dijawab dengan meyakinkan, dengan bukti-bukti tetapi untuk memastikan ia tidak berulang lagi. Dalam kes tahun 2012 ini, saya akui bahawa pada ketika itu kontrak-kontrak untuk perkhidmatan kawalan keselamatan ini agak longgar dan tidak memelihara kepentingan kerajaan sepenuh ya.

Walau bagaimanapun, setelah mendapat maklumat mengenai isu-isu yang dibangkitkan, saya sendiri telah menerajui *taskforce* dalam kementerian untuk melihat *across the whole value chain* dari segi klausa kontrak, dari segi prosedur dan proses yang terperinci sehingga ke peringkat bawah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah ini dari segi- izinkan saya kadang-kadang bercakap dalam bahasa Inggeris untuk memudahkan...

**Tuan Pengerusi:** Tidak mengapa, hendak bercakap dalam Inggeris tidak mengapa. Tidak ada masalah.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Boleh, ya. Akan tetapi saya minta izin dahulu.

Apa yang berlaku dalam urusan kontrak dahulu ialah spesifikasi teknikal dan harga kontrak ditetapkan di peringkat kementerian iaitu di Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset Kementerian iaitu BPPA.

Oleh sebab Pegawai Pengawal telah pun mewakili kuasa kepada pengarah-pengarah negeri sehingga ke had RM2.5 juta bagi sesuatu kontrak maka di peringkat negeri mereka boleh menguruskan proses tender menggunakan kontrak, *template clause* yang disediakan oleh kementerian, spesifikasi teknikal dan juga harga. Apa yang berlaku ketika itu ialah apabila kementerian mengedarkan semua ini maka pengarah negeri dan Ahli-ahli Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal ini, mereka akan iklankan tender dan juga buat panggilan tender, buka tender dan juga menyenaraikan syarikat-syarikat yang telah memasuki tender. Mana yang lulus spesifikasi teknikal dan juga harga.

Walaupun keputusan untuk siapa yang akan mendapat tender itu dibuat di peringkat kementerian ya- Datuk Abd. Shukor, iaitu dalam Lembaga Perolehan 'B' yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Pembangunan Pelajaran Kementerian Pendidikan- Datuk Abd. Shukor. Apa yang diterima oleh kementerian adalah *clean sheet*. Maksudnya dari segi *screening*, siapa yang meluluskan spesifikasi teknikal dan yang meluluskan harga, semua telah dibuat di peringkat negeri. Ini bagi tender yang sehingga had RM2.5 *million*. Apabila sampai kepada urus setia di BPPA, mereka akan sediakan dokumen-dokumen untuk Mesyuarat Lembaga dan mesyuarat ini dipengerusikan oleh- dengan wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, KDN, JKR dan mereka akan proses.

Selepas itu, mana yang melepasi ini, urus setia akan memperakukan dan keputusan dibuat. Masalahnya timbul apabila syarikat yang telah berjaya ditawarkan, kementerian akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan pada ketika itu, tempoh yang diberikan untuk syarikat mengemukakan respons kepada SST dan juga bon pelaksanaan ialah 14 hari.

Apa yang berlaku ialah syarikat-syarikat tidak menjawab, "terima" atau "tidak" dalam tempoh 14 hari. Kalau mereka jawab pun selepas tempoh 14 hari dan bon pelaksanaan lebih lewat daripada itu. Selama 30 hari, dua bulan, tiga bulan dan ada yang enam bulan pun pernah berlaku. Oleh kerana kawalan pada ketika itu tidak begitu ketat, syarikat yang berjaya dalam tender itu dibenarkan masuk ke dalam sekolah melaksanakan tugas-tugas. Itu adalah satu *critical floor on the part of the ministry to allowed any company to enter the premises* sebelum satu Surat Setuju Terima telah ditandatangani dan bon pelaksanaan telah disempurnakan.

So, apa yang berlaku ialah kementerian telah menulis kepada MoF untuk mendapat kelulusan khas, kelonggaran syarat kerana syarikat-syarikat memaklumkan mereka mendapati kesukaran untuk memperoleh bon kerana *cash flow problem* dan pelbagai lagi. Oleh sebab itu, MoF telah memberi Kelulusan Khas untuk melanjutkan tempoh penyerahan bon pelaksanaan dalam tempoh 30 hari *instead off 14 days*. Namun demikian pada ketika- syarikat telah masuk *so, it was very loose* dari segi pemantauan di peringkat kementerian walaupun perkara ini dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah.



Ini kerana kuasa tidak diberikan kepada Pengarah Negeri, kepada PPD pada ketika itu sebagai KPI mereka untuk mengambil tanggungjawab mahupun pengetua atau guru besar sebagai KPI untuk memastikan bukan sahaja syarikat mematuhi. Sekolah tidak pun diberi *copy of the contract* dan mereka tidak tahu apakah obligasi kontrak yang patut dipenuhi oleh pihak syarikat.

Saya cerita yang buruk-buruk dahulu Yang Berhormat, nanti saya cerita yang penambahbaikan... [Disampuk] [Ketawa] Apa dia?

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Maaf tetapi saya terpaksa *clean up* lah *literally all these mess*, tetapi saya ceritakan dahulu ya. Kalau begitu, maknanya, dia harap pegawai daripada kementerian khususnya BPPA untuk turun padang pantau seluruh negara dan memantau semua sekolah dengan kapasiti yang begitu terhad. Kita tidak pernah membuat ini sebagai satu tanggungjawab pengarah negeri, PPD dan guru besar.

#### ■ 1550

Banyak isu yang dibangkitkan dalam *Audit Report*. Antaranya ialah pengawal tidak hadir bertugas tapi bayaran telah diperakukan, *improper payment*. Makna guru kata, "*That is not my job, it is kerani's job because all there are voucher...*" and all that, so dia tidak ambil peduli.

Kedua, dari segi- izinkan saya maklumkan tentang prosedur yang kita telah wakikan kuasa, makna tidak ada wakil kementerian pada peringkat apabila semua tender telah masuk, buka tender, melihat- tidak ada langsung wakil. So kita *leave it to the wisdom* dan budi bicara *of the* Pengarah Negeri and pegawai. *We are stop doing that*. Dalam penambahbaikan saya akan ceritakan nanti.

Ketiga, saya rasa pandangan saya sebagai KSU, tidak mustahil sekiranya berita itu ada *some truth in it*. Tidak mustahil. Akan tetapi sebagai KSU, saya juga ingin sesiapa yang membuat tohmahan itu beri bukti kepada SPRM dan kepada sesiapa sahaja. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 41 pegawai kementerian daripada peringkat kementerian sehingga ke negeri sehingga ke PPD dan *even* guru besar dan juga pengetua sekolah yang telah memperakukan *improper payment*. Kita tidak teragak-agak untuk melaksanakan tindakan sehingga hukuman dijatuhkan. Sekarang baru keluar *Show-Cause Letter* dan mereka sedang menjawab.

Jadi pada saya, kalau begitu mudah untuk mentohmah kementerian mengatakan, "*Unless you pay 'X' amount you will not get the contract*", *gives us the evidence. Because, it's not fair for you to said so in the newspapers and of course the reporters will not come and say, "KSU, betulkah, benarkah?" Where do we defend ourselves?* Di manakah tempat, dan terima kasihlah kerana pada petang ini kami diberi peluang untuk memberi penjelasan.

Saya juga ingin memaklumkan sekarang kalau boleh, diizinkan mengenai penambahbaikan yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan II, di mana saya akan serahkan satu kenyataan yang bertulis, jadi tidak payah di inilah, saya akan serahkan, di mana kita telah memperketat *the whole value chain of process* dan prosedur Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di sekolah.

Mulai akhir tahun lepas, kita telah merancang dan pada tahun ini kita telah melaksanakan empat bengkel pentadbiran kontrak kepada pentadbir-pentadbir sekolah. Kita buat minimum empat kali setahun. Bengkel Siri Pertama telah diadakan pada 6 Mac 2014 di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan 205 orang pengetua dan guru besar dari dua buah pejabat pendidikan daerah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah *prepare* dalam *slide* tapi saya rasa tidak ada masa untuk *slide*, biar sahaja saya bacakan, di mana daripada kontrak yang berkuat kuasa mulai tahun 2014, kita ada 201 kontrak yang telah kita keluarkan Surat Setuju Terima pada bulan Januari 2014. Daripada 201 buah kontrak ini, 58 syarikat kawalan keselamatan gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh 30 hari yang kita telah beri dalam SST. So apa yang berlaku, kementerian telah mengeluarkan dua kali Notis Tujuan Penamatan kepada 58 syarikat ini dan *alhamdulillah*, kesemuanya- kecuali tiga telah mengemukakan Bon Pelaksanaan. Bagi tiga yang tidak mengemukakan Notis Penamatan telah pun kita keluarkan pada 31 Mac 2014.

Satu lagi langkah penambahbaikan Yang Berhormat ialah kita tidak benarkan mana-mana syarikat yang tidak mengemukakan SST bersama dengan bon. Sekarang kita tidak terima SST sahaja, kita wajibkan SST dikemukakan bersama dengan Bon Pelaksanaan. Sekiranya mereka gagal berbuat demikian dalam tempoh 30 hari, mereka tidak dibenarkan untuk masuk ke kawasan sekolah. Sekolah dibenarkan untuk membuat Sebut Harga di kalangan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan KDN untuk mendapat perkhidmatan bagi tempoh interim. So memang mulai tahun 2014, tiada syarikat yang tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan ataupun SST, dan tidak menandatangani kontrak dibenarkan untuk memulakan perkhidmatan di sekolah tersebut.

Untuk tahun ini Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan, saya telah mewakilkan kuasa kepada pengarah-pengarah pendidikan negeri- *limit of the authority* sehingga RM5 juta bagi sesuatu tender perkhidmatan sama ada perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan kebersihan, perkhidmatan bekalan bahan masak. So saya sudah *increased* kepada *RM5 million* tetapi semua kontrak, klausa kontrak, obligasi kita detil dan kita perketatkan *to safeguard the government interest*.

Untuk daripada pengarah sehingga PPD, guru besar dan pengetua, pelaksanaan obligasi kontrak, pemantauan kontrak merupakan KPI masing-masing mulai tahun ini.

Kita sudah wujudkan *attendance rule* bagi setiap pengawal yang hadir bertugas untuk *sign* dan itu merupakan satu dokumen sokongan wajib sebelum pembayaran boleh dibuat oleh sekolah.

Pada tahun ini juga dan tahun lepas, kita telah potong sebanyak tidak kurang 20% daripada harga kontrak bagi *non compliances* oleh syarikat-syarikat, sama ada tidak cukup pengawal yang hadir atau pengawal-pengawal yang tidak pakai uniform atau rumput yang tidak dipotong atau bekalan makanan masak yang tidak mencukupi. *So we enforced strictly the contractual obligation.*

Dari segi yang lain seperti bilangan kunci- dulu memang dalam kontrak tidak *distipulate* atau *specify* bilangan kunci *watchman clock*. *So* rata-rata syarikat memberi hanya satu set *watchman clock* yang mengandungi empat kunci. Kalau sekolah yang besar kawasannya, memang tidak mencukupi. *Watchman clock* ini diletakkan dalam Bilik Pengawal, maka mereka kunci dekat situ *so* sekarang kita perketatkan, kalau sekolah yang besar seperti TKC, sekolah berasrama penuh, minimum empat *we specify, and it must be place where.*

CCTV di mana, di penjuru mana? Dulu CCTV bagi dia pasang, lepas itu dihala ke *toilet* wanita. *This has happen.* Atau di hala ke bilik guru besar, *staff room*. *Why are we-* kalau hendak pantau guru, cara lainlah, bukan menggunakan- CCTV yang untuk maksud lainlah.

#### ■ 1600

*So*, kita *identified the location of where this should be place and we also ensure that they religiously clock because we check the records.* Bagi pakaian seragam pun kita sekarang telah *stipulate*. Dulu mereka pakai biru, hijau, merah. Sekarang kita kata warna putih, seluar berwarna biru gelap di lengkapi dengan lencana, lambang syarikat, topi, kasut, cota, lampu suluh dan wisel. Dulu tidak, asalkan pakaian seragam.

*So, they can wear anything they interpreted as being* pakaian seragam. Rakaman CCTV Yang Berhormat, sekarang boleh merekodkan dan menyimpan maklumat minimum 72 jam, minimum. Bilangan minimum CCTV, minimum empat lokasi iaitu pintu pagar utama, blok pentadbiran, bilik yang menyimpan aset yang berharga, manakala monitor di pasang di pondok pengawal. Dulu monitor di pasang di bilik pengetua, pengetua tidak ada waktu malam. Pengetua *is not there at night*, pengetua tidak ada siang sebab pergi mesyuarat. *So, now* CCTV mesti, monitor di pasang di bilik pengawal.

Kontraktor dikehendaki membekalkan maklumat pengawal dalam tempoh 14 hari bekerja selepas memulakan perkhidmatan dan tujuh hari bekerja bagi penggantian pengawal sedia ada kepada kerajaan. Dulu bila mereka tidak cukup pengawal, dia ambil *housewife*, dia ambil budak yang tunggu hendak masuk universiti daripada komuniti setempat. *We don't allow that anymore.* Maklumat yang mereka perlu bekalkan hendaklah disertakan dengan nama, gambar, nombor telefon pengawal, salinan kad pengenalan, kelayakan dan latar belakang pengawal dan jadual bertugas pengawal.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga telah berusaha untuk mendapat kerjasama Kementerian Dalam Negeri untuk mendapat perkhidmatan ahli-ahli RELA. Kita telah adakan beberapa mesyuarat dengan KDN. Akan tetapi KDN memaklumkan bahawa mereka tidak berkemampuan untuk membekalkan anggota RELA untuk membantu kita. Jadi, apa yang telah kita perersetujui, kita buat secara pilot dulu dengan KDN, 30 buah sekolah mulai bulan depan *insya-Allah* di kawasan *Klang Valley* untuk anggota RELA membantu memantau bukan mengawal, kita sudah ada syarikat. Akan tetapi *they will help us to go and check to ensure* syarikat memenuhi obligasi kontrak. *So we are doing a pilot first in* Wilayah Persekutuan. Saya sudah utuskan surat dan kami tengah tunggu respons *from* KDN.

Kedua, KDN di bawah *National Blue Ocean Strategy* telah mengusulkan apa yang dipanggil sebagai *certified security officers*. Itu maknanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan KDN ini, mereka perlu menghantar pengawal-pengawal keselamatan mereka untuk menjalani kursus di bawah pengawasan KDN *to become certified security officers*. *So, that will give us a level of comfort* yang tinggi dan kita telah berbincang perkara ini baru dimulakan, belum dilaksanakan oleh KDN *but we will ensure that* syarikat-syarikat yang telah dapat tender kementerian juga menghantar pengawal-pengawal mereka untuk menghadiri kursus tersebut.

Bagi kontrak Yang Berhormat, yang kita kata kita perketatkan spesifikasi kontrak yang melibatkan pegawai di peringkat negeri, kita telah buat beberapa bengkel pada tahun Disember 2013, *5th December* yang melibatkan Kementerian Kewangan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, MOF, Kementerian Audit Dalaman, Jabatan Pendidikan Negeri untuk melihat pada spesifikasi kontrak dan bengkel berskala besar akan diadakan pada 14 hingga 18 April tahun ini bagi mengkaji spesifikasi dan norma penetapan bilangan pengawal dalam kontrak dan juga klausa-klausa kontrak yang lain, yang perlu diperketatkan.

Dari segi pemantauan pelaksanaan kontrak, Audit Dalam Kementerian telah pun mewujudkan satu sistem *online*, ICT yang dinamakan *virtual environment management* atau VIM. Melalui *dashboard* ini saya sendiri sebagai KSU dan *top management* termasuk Yang Berhormat Menteri boleh memantau setiap negeri, setiap daerah, mana *non-compliances* di sekolah-sekolah. Dari situlah kita akan pantau *how much of the finding have been imposed for how many days of non-attendance* dan pelbagai kesalahan yang dilakukan.

Tadi, *just to add further*, mesyuarat dengan KDN dan RELA pada 17 Februari 2014, kita telah setuju untuk mengadakan pilot 30 buah sekolah yang berisiko tinggi di Lembah Klang iaitu di zon Keramat enam, Sentul satu, dan Bangsar tiga, yang akan berada dalam pemantauan pasukan RELA. Pemantauan ini akan dibuat secara mengejut di sekolah-sekolah bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Satu lagi perkara sebelum saya *end* Yang Berhormat ialah mungkin Persatuan Kawalan Keselamatan tadi telah bangkitkan, mungkin Yang Berhormat tidak bangkitkan dengan saya ialah mengenai pembayaran harga-harga kontrak untuk perkhidmatan. Kita menghadapi kekangan Yang Berhormat kerana daripada peruntukan yang kita mohon untuk bajet mengurus 2014, kita telah mengalami *shortfall* RM1.2 bilion *for the* belanja mengurus Kementerian. Ini termasuklah untuk membayar gaji minimum kepada kontrak-kontrak kita. Kawalan keselamatan, pembersihan kawasan dan juga bekalan makanan memasak.

Dalam kontrak itu, *we are obligated to pay according to minimum wage but we have a shortfall of RM1.2 bilion from* apa yang kita pohon untuk tahun 2014. *It's a big issue for us. Because we have to honors the payment and we have to produce savings from within the Ministry to owner this payment.* Saya sedang merayu kepada Kementerian Kewangan untuk satu, *to give us this contractor obligation* punya *funding*.

Kedua, semua Kementerian baru-baru ini telah dimaklumkan mengenai hasrat MoF untuk memotong *5% of our OS20000. Now 5% to* Kementerian Pendidikan Malaysia *amount to RM290 million.* Di sinilah yang kita kena bayar *all our contractual obligations services*, dan di sinilah kita perlukan peruntukan untuk menyelamatkan sekolah-sekolah yang mana menghadapi pemotongan elektrik dan air kerana tidak bayar bil enam bulan. Saya telah menghantar surat rayuan begitu juga Yang Berhormat Menteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada KSB, untuk memberi pelonggaran pada Kementerian Pendidikan Malaysia tidak memotong *5% from us. Because we are ready for a shortfall RM1.2 bilion.* Itu saja Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Satu penjelasan yang saya anggap sebagai *very honours and trustfullah.* Ini kerana tidak mudah untuk Pegawai Pengawal untuk hendak mengaku kesalahan dan tadi Yang Berhormat telah terangkan yang saya fikir menyeluruh jugalah.

■ 1610

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat *sorry, we have* Ketua Unit Integriti *in our office.* Saya sudah beritahu Tan Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM, *my door is always open, you do not have to tell me if* SPRM hendak masuk Kementerian, kalau SPRM hendak masuk negeri, SPRM hendak masuk sekolah, masuk sahaja *without permission, it is an open door. I told him personally and I told my* Ketua Unit Integriti, *you don't have to ask me permission, you get report, aduan. You* hendak *investigate? Don't ask me, just do it. Whether it is* TKSU, TSU atau sesiapa pun *you just investigate because that is an opportunity for us to clear our name. I look at it that way. Sorry, I have to add that, I forgot.*

**Tuan Pengerusi:** Betullah, selepas ini pun saya rasa SPRM pun akan mengambil kira pasal apabila perkara ini akan dipublickan, dibuat *public*. Jadi saya rasa SPRM pun akan mengambil kira juga mengenai hal ini. Akan tetapi saya rasa begitu berterima kasih di atas ketelusan yang diberikan oleh Datuk tadi. Jadi, ada soalan lain daripada Ahli Jawatankuasa?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Salah satu keluhan daripada persatuan tadi ialah kita bagi kontrak minggu ini, minggu depan kita minta dia memulakan perkhidmatan dia ataupun dua hari, itu satu.

Kedua- dia kenal pasti lebih kurang 5% daripada ahli-ahli persatuan yang dirasakan tidak berkhidmat dengan baik, *then* dia maklumkan kepada kementerian tetapi akhirnya yang 5% ini dapat kontrak manakala yang 95% akur kepada harga minimum, perkhidmatan-perkhidmatan ini tidak dapat.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Mohon majukan maklumat kepada saya dan saya pastikan itu tidak akan berulang. Datuk Abd. Shukur, *it is your* Lembaga, *make sure* tidak berulang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebelum saya mula dengan penjelasan yang saya minta daripada penjelasan yang telah pun dibuat tadi, saya ingin maklumkan bahawa saya rasa amat menggalakkan, *I am very encourage by what was stated just now*, banyak langkah telah pun sekurang-kurangnya bermula. Saya rasa tarikh yang telah pun diberikan adalah *the last three months*. Saya rasa kalau Audit boleh balik buat semakan hujung tahun ini, dan mendapati bahawa ada penambahbaikan yang cukup jelas, perkara ini perlu dihighlightkan. Menjadi contoh kepada kementerian yang lain bahawa walaupun ada audit negatif pada satu tahun, jika tindakan yang telah pun dibuat dan penambahbaikan dibuat, kalau adanya penambahbaikan yang jelas, ia perlu ditonjolkan supaya menjadi contoh kepada semua kementerian yang lain. Saya rasa amat menggalakkan sekurang-kurangnya dari respons yang telah pun diberikan oleh KSU tadi.

Saya ada beberapa soalan kecil yang hendak tahu *detail* sedikit. Pertama, tadi Datuk KSU ada mengatakan kelonggaran syarat telah pun diberikan oleh MoF kepada syarikat-syarikat yang dikatakan ada masalah *cash flow*. So, adakah kelonggaran sebegini akan terus diberikan kepada syarikat-syarikat ini? Itu yang pertama.

Kedua- kami telah pun diberitahu bahawa surat *show-cause*, teguran telah pun diberikan kepada 22 orang pegawai. Saya hanya hendak tahu, apakah penalti ataupun hukuman yang akan dikenakan kepada pihak yang didapati bersalah?

Ketiga- syarikat-syarikat yang telah pun diketahui, dikenali dalam Audit sebagai syarikat yang tidak *perform*, adakah kementerian akan menyediakan *blacklist* sendiri? Buat masa ini yang kita tahu kita *rely* kepada KDN, dan juga *the association*, persatuan sendiri untuk membuat *blacklist*.

Akan tetapi dengan pengalaman yang kita ada dalam kementerian, adakah kita akan menjalankan *blacklisting* sendiri supaya walaupun mereka layak dari segi KDN, layak dari segi anggota persatuan tetapi kita akan menggunakan *standard* sendiri untuk menawarkan kontrak ini.

Keempat- antara satu aduan yang telah pun dibuat oleh persatuan tadi adalah *penalty* 20% ke atas pelanggaran syarat yang dikatakan kecil, adalah amat berat. *So, I am not sure whether they are right in saying that, I just want hear the ministry feedback.* Dia kata kalau tidak pakai seragam, ngam-ngam tidak pakai seragam, kena 20% macam berat sangatlah tetapi kalau katakan tidak hadir kena 20% memang patut tetapi tidak pakai seragam, kena 20% seperti berat sedikit. Saya pun rasa macam berat sedikit walaupun saya hendak kenakan penalti kepada mereka tetapi dengar 20% nampak berat sedikit... *[Disampuk] [Ketawa]* Mungkin *the four questions first, then last question I ask afterward.*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk kelonggaran syarat, *yes* berterusan 30 hari, kita boleh *for 40 days now.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So, it just 30 days?*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** *Yes, 30 days.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No extension after that?*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** *No, 30 days-* izinkan saya untuk memberikan sedikit penjelasan. Kita mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST), kita bagi tempoh 30 hari untuk menjawab Surat Setuju Terima bersama dengan bon pelaksanaan.

Hari ke-31, kita mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan yang pertama, kita bagi 14 hari.

Hari ke-15, kita mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan kedua, kita bagi tujuh hari dan hari ke lapan kita mengeluarkan Notis Penamatan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Macam dahulu ada surat kepada MoF untuk minta...

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Tidak ada, tidak ada. Kita sudah mendapat kelulusan, kita pegang kepada 30 hari. *No more extension.* Kita mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan yang pertama *on the 31 days*, kita bagi 14 hari. Kalau tidak bagi juga Surat Setuju Terima dengan Bon Pelaksanaan dalam hari ke-15, kita mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan kedua, kita bagi tempoh tujuh hari.

Hari kelapan, kita mengeluarkan Notis Penamatan dan kita akan bagi *the next best on the list.* *Show-cause*, penaltinya banyak di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam dan yang paling ringan ialah amaran yang akan direkodkan dalam Buku Perkhidmatan. *Depending on the severity of the case* dan juga jawapan *mitigation*, kita lihat kalau ada *mitigating factors, it can range from* amaran to penangguhan pergerakan gaji kepada penurunan gaji atau pangkat, *so depend on the severity, so case-by-case.*

Ketiga- syarikat yang tidak *perform*, kita *not only inform KDN so it is up to KDN whether deregister but for us, they cannot at all be considered. We will give this list to all state as well.* Kita tidak akan sentuh *with the-*. minta maaf, syarikat-syarikat begini. Akan tetapi mungkin kita akan ada satu *period*, edah misal kata, sekiranya mereka boleh membuktikan. Saya tidak tahu apa cara, *we have to speak to KDN* yang mereka telah memperbaiki semua kelemahan ini. *So, they can be put back on the list but it depends on all the* peraturan dan prosedur.

Kelima- kalau kami tidak keras, Audit keras dengan kami dan PAC akan memanggil kami, *so I would not compromise. If you do not follow any of the contractual obligations, we will impose the penalty. Thank you.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Last question, slightly separate*, saya rasa sedikit bimbang tentang perkara terakhir yang telah dibangkitkan tadi iaitu kekurangan peruntukan untuk perbelanjaan mengurus. Saya merupakan antara pengkritik yang selalu meminta pihak MoF mengurangkan perbelanjaan mengurus. Akan tetapi bagi obligasi-obligasi yang telah pun dikatakan dimuktamadkan tetapi kerajaan masih tidak memberikan peruntukan yang mencukupi, apakah alasan yang telah pun diberikan oleh pihak MoF untuk mengurangkan perbelanjaan ini walaupun komitmen telah pun ditandatangani oleh pihak MoE? So...

■ 1620

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, *to be fair to MoF*, dia memberi setiap kementerian apa yang dipanggil batas perbelanjaan *every year*. Kita tidak boleh *cross that threshold*. Akan tetapi untuk kementerian yang sebesar ini, dengan 10,000 lebih sekolah dan 600,000 lebih anggota, tentu OE kita tinggi. Akan tetapi Kementerian Kewangan, apabila kita berbincang dalam *budget submission and review*, berpandangan bahawa *this amount* mencukupi. Apa yang mereka hendak lihat ialah untuk kementerian membuat *internal savings*, perbelanjaan berhemah.

So, apa yang saya sedang buat Yang Berhormat, bukan bermakna bila kita kekurangan ini kita tidak memenuhi obligasi kita. Saya sedang lihat di mana yang kita boleh *rescope, realign, reprioritize* dan untuk mendapatkan *value for money* bagi setiap aktiviti yang kita buat, dan kita akan *honour contractual obligation*. Hanya kita merayu dan MoF kata, "*Tunggu selepas bulan Jun, kalau ada lebihan, kita boleh beri*". *So we are happy with that answer and we understand* kekangan di peringkat MoF untuk memberi peruntukan yang mencukupi *across all 24 ministries*. *So, I hope I did not give you the impression* yang *because* kita ada *short fall*, kita tidak *honour our obligation, no*. Saya sedang *reprioritize, realign, rescope* supaya kita dapat *more value for money within amount* yang kita terima. Terima kasih.



**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Datuk KSU, *just that* yang diterangkan tadi adalah penambahbaikan. *Just that* tadi apa yang telah pun dibangkitkan oleh Audit itu yang sebelum inilah, kontrak, *that's how we come about all these inquiries. How did the school or kementerian come out with the contract pricing?* Sebab tadi Persatuan kata, *the prior pricing is not correct. That is why they suffer* so ini juga salah satu penyebab mereka. *Among them* pun ada *undercutting and then-* itu satu. *How do they come out with the pricing?*

Selepas itu yang keduanya ialah ada tadi dalam penambahbaikan yang Datuk bangkit iaitu tentang sebelum ini, siapa yang *certified work done* di sekolah-sekolah? *You know what I means* lah ya. *It is the guru besar* ataupun PPD, JPN? Itu satu. *Then* dalam penambahbaikan, cadangan ialah *I think you want the guru besar, but you want RELA to pantau.* Ini *pilot project* youlah. Jadi kalau RELA memantau guru besar, *guru besar is to certified, now who is going to certify?* Ingin hendak tanya sahajalah. Sebab RELA pantau guru besar yang *certified* jadi yang mana satu yang hendak dipakai? RELA punya inikah *or otherwise there will be some- just want to know a little bit* dalam penambahbaikan.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, saya bermula dari bawah. Guru besar dan pengetua dia punya *obligation to certified is not wavered by RELA.* RELA bantu sahaja untuk buat *spot check* dan sebagainya, *but it is incumbent upon the guru besar dan pengetua to sign of dokumen sokongan before the payment is made. So, it is still the guru besar, it is still the pengetua to certify the work done.*

*In terms of the contract pricing, since I have spoken for the last one hour, I am going to invite my officer, the SUB or TKSU because I do not think we do pricing and pluck from thin air. There is a method to it and there is a list to which we refer. Please explain Datuk Abd. Shukor or Encik Shahid-din.*

**Encik Shahid-din bin Mohd. Khatib [Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Pengurusan Aset) Kementerian Pendidikan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga KSU dan Yang Berhormat Menteri.

Berkenaan dengan *pricing* ini, memang kementerian apabila kita menganggarkan harga jabatan, kita *make a survey.* Kita *survey* tentang harga di kawasan-kawasan, macam Sabah dan Sarawak itu lain, di Semenanjung ini lain, zon Timur dan ikut zonlah, dan kita *come out with our price,* harga jabatan. Ini memang kita tidak *disclose because ini is our secret* bila kita buat *decision.*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi lebih baik *transparent,* pasal untuk saya, kontrak ini, timbul isunya begini. Persatuan tadi kata, kontrak ini macam kontrak beli barang. Ia punya *per spec* dia buat macam kontrak beli barang. Maknanya, *“Engkau hendak supply air, sudah deliver air itu sudah tidak payah pantau lagi...”* dan sebagainya, anggap *service delivered.*

Akan tetapi sepatutnya kontrak ini *is supposed to be treated as a service contract*. *Service contract* ini maknanya lebih baik dilakukan secara *prequalification, only those yang have the capability are invited to tender*. Akan tetapi sekarang ini dibuka *open tender* tanpa memikirkan mengenai spesifikasi. Sebagai contohlah, keluasan sekolah, kejauhan sekolah dari bandar... [Disampuk] *Number of students, the company has a local presence*kah tidak. Kadang-kadang ini *company* dari zon lain, dari negeri lain diberikan kontrak di kawasan setempat.

Maknanya, daripada segi *due diligence* pun kementerian sepatutnya kena buat. Pasal apa? Kena tengok sendiri *your own asset and then you figure out what is the actual requirement for that asset yang you hendak protect. Not just a general figure* sahaja. Satu anggaran yang diambil daripada *examples* dalam kawasan yang dizonkan itu. Itu juga perlu diketatkan pada masa-masa akan datang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa apa yang dimaksudkan oleh pihak Persatuan tadi bukan kata kena *prequalify before tender*. Dia kata semasa tender, yang penender kena *check* dia punya *background*. Kalau projek itu di Kelantan, syarikat di Kuala Lumpur, tidak ada *office* di Kelantan, mungkin mereka akan ada kesukaran untuk buat perkhidmatan di Kelantan. *So* kena buat *due diligence on the tendered* walaupun harganya mungkin paling murah. *I think that is...*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, terima kasih di atas cadangan ini. Sekiranya kita tidak buat, kita akan- *we will do that*.

**Dato' Seri Idris bin Jusoh:** Kita terima cadangan yang telah dikemukakan itu.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Saya berterima kasih kerana memang itu yang saya arahkan kepada para pegawai. Masalahnya, *of course despite* penambahbaikan yang kita usahakan-minta maaf saya cakap. TKPP, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia ada bersama kami iaitu Dato' Sufa'at, KPPM berada di Sarawak. Saya dalam kementerian, saya beri arahan yang cukup jelas bagaimana untuk melaksanakan proses dan prosedur kontrak. Saya tidak teragak-agak, saya telah mengeluarkan satu pertiga daripada pegawai di kementerian di bahagian BPPA yang menguruskan kontrak ini, satu pertiga saya telah *remove* dengan bantuan JPA dan saya telah tempatkan SUB yang baru, TSUB yang baru supaya saya hendak kita betul-betul serius untuk melaksanakan perkara yang betul.

Sekiranya cadangan ini tidak diambil kira nanti, kita sudah dapat cadangan yang baik walaupun saya telah maklum buat *pre-qualification* kalau *company* di sini tidak ada *presence* di sana, jangan guna *the same because you have to take into account the distance*. Kalau boleh sebaiknya ada *presence* di sana. Itu semua kita ambil kira. Saya tidak teragak-agak juga untuk mengeluarkan orang. *We take that on board. Thank you.*

**Encik Shahid-din bin Mohd. Khatib:** Yang Berhormat, boleh saya minta berikan penjelasan? Berkenaan dengan harga jabatan yang kita tidak *disclose* itu, ini merupakan syarat dalam peraturan tender yang ditetapkan oleh *Treasury*. Lagi satu kerana kita *open tender*. Kalau *open* ini kita...

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Rapat sedikit mikrofon.

**Encik Shahid-din bin Mohd. Khatib:** Minta maaf ya. Pertama tadi ialah dari segi maklumat yang kita sebut yang kita tidak beritahu tentang harga jabatan ini, dari segi peraturan tender, kami memang tidak dibenarkan kerana ini merupakan rahsia kerajaan. Kedua, kita...

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Soalannya bukan itu.

■ 1630

**Tuan Pengerusi:** Saya kata elemen dalam tender itu perlu diambil kira semua faktor yang berkenaan. Bukannya saya kata hendak suruh cakap harga itu berapa, tidak. Saya pernah jadi Pengarah Telekom, duduk di Lembaga Tender, buat sekuriti untuk Telekom sebab itu saya tahu mengenai hal ini macam mana tender dibuat untuk hendak menentukan kawalan sekuriti Telekom. Untuk saya itu alasan tidak boleh terima.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, minta maaf. Kita akan ambil tindakan *based on your...*

**Tuan Pengerusi:** Cuma itu tadi kita betulkan juga Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan. *Somehow* dia punya *intelligent* ini dia dapat tahu harga bajet. Akan tetapi...

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya, tidak mustahil.

**Tuan Pengerusi:** ...Kenapa dia kena ikut harga bajet kalau dia tidak mampu?

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Sebab ini open tender.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** *Right.*

**Tuan Pengerusi:** Jadi, akhirnya Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan juga kena memastikan bahawa anak-anak buahnya ini boleh membuat kerja itu dan masuk tender yang sepatutnyalah. Jadi sebab itu kita beritahu dekat persatuan, walaupun ini bajet, kenapa dia mesti ikut bajet yang konon-kononnya dapat...

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, anggaran jabatan hanya satu anggaran sebagai panduan tetapi kita kena *match* dengan realiti *on the ground*. So saya bersetuju *that* kita- *because this tender is not- I do not chair the Tender Board* tetapi Datuk Shukor *you listening, please make sure, and* urus setia *please make sure. The issue here is that while we safeguard the government interest, we must not under cut the company* sehingga menjadi masalah, dan akhirnya menjadi masalah kepada kita...

**Tuan Pengerusi:** *Your internal KPI to save cost is achieving....*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *But the effectiveness of the actual contract is not achieved...*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** *Exactly*, ya tetapi itu yang saya selalu ingatkan pegawai, dan *we will follow*.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Ya, *which mean not necessary the low price maybe accepted*, kan. So kementerian semestinya ada *ceiling price, or rather minimum price to expect satisfactoriness service*, ya. Itu yang pertama.

Keduanya saya lihat ada *supply* termasuk dalam kontrak ini iaitu *supply of CCTV, supply of watchman clock*, dan sebagainya ini. Kebanyakan syarikat sekuriti ini dia tidak ada kepakaran dalam hal ini. *The supply of security equipment is normally done by specialist in that field*. Jadi kalau ini disatukan, saya harap syarikat perkhidmatan keselamatan ini mengambil tanggungjawab. Dia pun mungkin ambil pada tempat orang lain, bertanggungjawab untuk mengendalikan alat ini. Saya ingat ini menimbulkan masalah. Ini disebabkan seperti mana yang dilaporkan oleh Ketua Audit, justifikasi lokasi pemasangan dan sebagainya. Ini tidak menjadi atau perkara yang penting. Ini dia tidak tahu. Soalnya, kemungkinan lebih baik kalau ini diasingkan, *supply of the capital expenditure* dan syarikat perkhidmatan ini hanya khusus untuk *supply tenaga*. *That's mean the equipment ini supply but others especially CCTV ini is very technical*. Pengalaman saya, tidak ada syarikat keselamatan yang tahu hal CCTV ini melainkan yang besar-besarnya. Itu pun tidak begitu banyak.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Terima kasih, *we will take this on board. We will also discuss with MOF because* bila kita buat *procurement* dan juga kontrak begini, kadang-kadang ia mengehendaki supaya *it is together. So we will discuss with* Bahagian Perolehan Kerajaan ini. *If we can separate that, that will be easier. So that* syarikat-syarikat ini juga tidak dibebankan dengan ini. Kalau rosak CCTV pun mereka juga yang kena perbetulkan dan *that will add cost to them* dan sebagainya. *Thank you*.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Ya, maaf saya. Satu lagi, berkenaan dengan tenaga warga asing. Ia ada dua warga asing. Satu yang sah yang diluluskan oleh KDN dan yang kedua ini memang haramlah. Apakah tindakan kementerian?

**Tuan Pengerusi:** Kalau ikut tadi Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan kata, KDN luluskan hanya warga Malaysia.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Teluk Kemang]:** Ya, tetapi ini dilakukan oleh syarikat-syarikat ini di sekolah-sekolah. Akan tetapi itu menjadi masalahnya sekarang ini, bukan? Ini kerana di situ perkhidmatannya...

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak ada ambil *foreigner* jadi *guard*?

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Antara berumur 55 tahun ke bawah yang *certified fits* untuk melaksanakan tugas.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *That is your specification...*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yes.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Akan tetapi di peringkat bawah perlaksanaannya, ada syarikat...

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** *That is why pemantauan is very strict.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Satu sahaja. Kalau Datuk boleh buat dlm masa yg cepat ini, salah satu Laporan Audit, 7% lebih kurang yang *guard* ini umurnya hampir ada yang umurnya ke 70 tahun. Kalau kita boleh buat spesifik pemantauan secepat mungkin supaya *public* tahu bahawa hari ini yang ada, Laporan Audit itu telah pun dibaikpulih secepat mungkin kalau itu boleh di...

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Mengikut laporan yang saya terima daripada pegawai saya, tiada lagi pengawal-pengawal keselamatan yang melebihi 55 tahun kecuali dengan kelulusan khas. Memang telah kita buat. Terima kasih.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Okey Datuk, hendak tanya soalan. Memang ada sesetengah *guard* ini yang kita lihat yang mana *background history* dia tidak disemak pun dan dia diambil. Contohnya dia seorang bekas banduan. Memangnya kita tidak ada *bias on that*, cuma adakah ia diambil kira untuk sekolah-sekolah, ataupun bagaimana pemantauan yang di buat secara berkala dan sebagainya?

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Sebagai penambahbaikan, apa yang kita akan lakukan ialah bukan sahaja di peringkat tertinggi kita hendak *check database*, kita hendak *check* di OCPD, di tempat yang balai- *it is because they take sometimes from the communities. So the first place we want to look at is from the OCPD* punya- *from police* punya *database* dahulu sama ada dia ada *ex-convict*. Akan tetapi kalau ada pun, kalau mereka sudah *served* dia punya *prison sentence*, *I think we need to give much chances also, I mean* pandangan saya. Akan tetapi kalau itu menjadi satu perkara yang tidak boleh, *then we... [Ketawa] We have to be very careful.*

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** Akan tetapi *I agree with you* Datuk sebab ada *ex-convict* pun memang dia akan *capable on doing things*, bukan?

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** So maknanya, mungkin itu boleh diambil kira. Tengok maksudnya kalau pihak kementerian pun boleh- maksudnya *suggest the same thing to the KDN* dan sebagainya.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** *It will be a great thing.*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memang saya bersimpatilah dengan kekurangan *shortfall*. Kita akan tolong jugalah kalau boleh untuk mendesak Menteri itu.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Mohon maaf Yang Berhormat. Saya mohonlah, janganlah mendesak melalui itu. Kita ada cara kita sendiri di peringkat pegawai dan MoF sentiasa terbuka. MoF telah banyak membantu kementerian. Mohon sangatlah Yang Berhormat, janganlah di...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mungkin saya akan bangkitkan juga.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Jangan Yang Berhormat kerana...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Dia tengok orang bangkit.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Saya membangkitkan sebagai satu perkongsian fakta. Mana-mana kementerian pun dalam memohon bajet dari *Treasury* akan memohon mengikut keperluan. Akan tetapi *Treasury* tidak boleh memberi sepenuhnya apa yang kementerian mahu. *That is a normal thing. So it is up to the* kebijaksanaan Pegawai Pengawal *to make the best of what we have and that value for money.* Ini yang saya sedang laksanakan sekarang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Saya telah memaklumkan, kami akan memenuhi obligasi untuk pembayaran. *So please do not raise this. Otherwise I will not be the KSU after that...*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Semalam saya tengok CEO *General Motors* di depan kongres itu. Hari ini, CEO jugalah, Kementerian Pendidikan di depan PAC. Saya berharap birokrasi itu mesti dikurangkan yang saya sentiasa mengambil berat mengenai kualiti pengawal. Ini kerana daripada 721 buah syarikat ini, dia membekalkan lebih 300,000 orang pengawal ini dan kebanyakannya tidak terlatih. Jadi untuk 10,011 sekolah di Malaysia ini saya tidak tahulah macam mana dapat pengawal yang terlatih dan berkelayakan? Itulah kebimbangan saya.

■ 1640

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yang Berhormat, seperti saya maklumkan tadi di bawah *National Blue Ocean Strategy*, KDN sedang mengusahakan kursus-kursus *certified security officers but it will take a long time to train all these people. I acknowledge that and school must be given top priority* kerana ini adalah anak-anak kita, keselamatan mereka lebih penting daripada keselamatan bangunan, pejabat dan sebagainya. *Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Soalan lain?... Puas hati? Puas ya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Satu saja saya hendak tambah.

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Tidak Datuk, walaupun *security guard* ini nampak dia paling bawah sekali tetapi dia yang paling penting, kerana dia bukan sahaja mengawal anak-anak kita, dia mengawal harta benda. Jadi, saya harap dalam kementerian *negotiate* dengan Kementerian Kewangan, dalam kementerian cuba hendak turunkan *cost of* pengurusan, jangan korbankan perkhidmatan inilah. Oleh sebab *the quality, the quality of* perkhidmatan ini. Terima kasih Datuk.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh bantu bila bercakap dengan persatuan tadi. *You have to do and honor your obligation, and then we will honor our- how can you* kata...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *We did.*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** *You did ya. Okay, thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Ada soalan lain?

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Tidak, isu ini sebenarnya Yang Berhormat Menteri dan Datuk KSU, tahun lepas kan diperbesar-besarkan dalam surat khabar seolah-olah macam perkara ini ialah pembaziran dan sebagainya. Sebenarnya apa yang kita hendak adalah kalau ada masalah betulkan. Itu sahaja yang kita hendak. Jadi, selepas ini saya anggap isu ini sudah tidak timbul lagi dalam media. Boleh dianggap sebagai selesailah. Jadi, pada hari ini pun kami sebenarnya berpuas hatilah. Boleh saya cakap berpuas hati?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini ada satu Tuan Pengerusi, sebelum we berpuas hati.

**Tuan Pengerusi:** Boleh?... *[Ketawa]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Berpuas hati. Jadi, bukan apalah. Kita- sayalah secara peribadi memang mendengar segala penambahbaikan yang akan dibuat ini tetapi ialah kita punya Ahli PAC ini *we come from different background-* teknikal, akauntan dan jurutera. Tempat pun...

**Seorang Ahli:** Jauh-jauh

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Jauh-jauh juga. Saya dari Limbang Sarawak. Ada yang sekolah itu kena 'naik' sungai, langsung tidak ada jalan. Saya pernah- ini *just to share with you*. Bila Audit *bring up this matter* saya lawat sebuah sekolah, di mana tidak ada jalan raya *you* mesti kena naik bot punya, *one hour*.

Bila sampai sana, mula-mula tidak terkenang juga fasal *security* ini. Akan tetapi *just that I ask this one of the fellow*. Oleh sebab Limbang kecil, walaupun kita *big area* tetapi bertabur penduduknya. Jadi, *what is this thing-* adalah alat buat daripada plastik, rupanya inilah dia punya *watchman clock* dengan ada satu *button* kecil. *Button* kecil itu, dia jumpa jalan dia 'pit, pit, pit, pit', begitu sahaja. Eh! Ini benda baru juga.

So, *the thing is*, bukan apalah, ini di luar bandar. Saya tanya *how do you-* saya haraplah Datuk KSU, apa yang saya bawa ini boleh barangkali dapat diambil kira *in your future contract*, dalam penambahbaikan.

Jadi, *how do you make all these report?* Terus teranglah Yang Berhormat, kita tidak- *all these report* fasal jaga atau pengawal ini kita tidak buat. Ini disebabkan ada satu orang yang kena, inilah yang cerita tadi tidak ada orang di kawasan. Di luar bandar ini kena naik bot. Dia datang tiap-tiap berapasinggu atau dua minggu sekali datang dari Miri, dia kata. "*Oh! Jadi macam mana you print out?*" *Because* kita ini pun biasa jaga ada *watchman* juga dulu. Jadi dia *print out. How do you print out?* "*Oh! Ini boleh buat dengan komputer sahaja, pandailah dia atur timing itu.*" I said "*Oh! Ya lah.*" Ini *real life* lah ya.

*Since this thing was happening, I tell you.* Oleh sebab dalam *Audit Report* di bandar raya, banyak juga di Lembah Klang ini- *what more to say back there* dalam hutan. *You* naik *boat, you know.* Jadi saya tengok dan saya sendiri cuba Datuk KSU, Yang Berhormat Menteri, saya sendiri cuba. Saya cuba sekejap?... 'Pit'... [*Menunjukkan gaya*] Oleh sebab belum pernah, kan. Jadi, *all these things. Now, that is what they do.* Jadi, rasanya dalam pemantauan ini, *how you want to ensure the work done?* Oleh sebab itu saya soal tadi fasal- *who is going to ensure the work done* ini? Siapa yang hendak buat pemeriksaan? *Because you* hendak *introduce RELA-* *you see*, daripada pengalaman yang saya *investigate myself on the ground- procurement, documentation in the end is fully responsible in the GB.*

Kalau RELA kata begini, GB kata begini, siapa hendak dibuat, walaupun seorang kata "*I am the one who sign it*", ya tidak? RELA *said like this. The people can argue you know.* So, itu pun kena lihat juga. Keduanya ialah tentang mungkin dalam *pricing of your future contract, all these thing.* Saya rasa dalam kontrak-kontrak lain, selalunya dalam pembinaan rumah dan sebagainya, kalau sudah melibatkan kawasan kena 'naik' sungai, kena naik ini rasa-rasanya *you have to make some variation there because it does.* Oleh sebab inilah kadang-kadang antaranya harga ini yang membuatkan *people service* jadi inilah- ini daripada pemantauan saya sendiri secara peribadi. Itu hanya sebuah sekolah sahaja. Saya sahaja hendak *check, after Audit bring up this matter.* Jadi, saya haraplah benda-benda begini diambil kira dalam penambahbaikan yang akan dibuat oleh kementerian. Terima kasih.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *Audit Report*, dia ambil 35 sahaja sampel sekolah. *Can you imagine out of- you do not know how many other schools are having this problem.* Kementerian tidak boleh nafikan *this is happening on the ground.*

Cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat, memang kita akan ambil *on board.* Hanya satu perkara sahaja.



Dengan perwakilan kuasa kepada pengarah-pengarah negeri *up to a limit of RM5 million*, perwakilan kuasa ini juga termasuk KPI mereka, tanggungjawab mereka untuk pergi ke setiap ceruk untuk memantau. *KSU cannot do it. Officers from the ministry that is not enough, that is why we empower.*

Dulu pengarah kata semua hendak- semasa itu *King control* sekarang *Queen control* Yang Berhormat... *[Ketawa]* Semua hendak *Queen control from* Putrajaya, biarlah dia, tengok dia boleh buat. *So now we trust and* kita wakikan. *So, they have to be the ones with the PPD who know every ceruk of the district, go down and check. KPPM was not here today. I have got his commitment. Every time meeting* dengan pengarah tiap-tiap negeri memang itulah yang ditekankan, *so they go down on the ground.* Yang Limbang ini, *I will make sure* pengarah, Dato' Sufa'at, pengarah ya...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Not just* Limbanglah.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Yalah, semua.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Saya beri contoh sahajalah.

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya, ya terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Hendak sebut fasal tempat orang lain tidak berani tetapi tempat sendiri sah *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** Ya, terima kasih.

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin:** Memang betul, tahniahlah ini *Queen control. We should have more Queen control.* Senang PAC *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Jadi, tidak ada soalan lain?... Kita puas hati?

**Beberapa Ahli:** Puas hati.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, boleh saya umumkan kita puas hati?

**Beberapa Ahli:** Ya, puas hati.

**Tuan Pengerusi:** Tadi takut yang sebelah sana dia tidak setuju *[Ketawa]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *As I mention, I think the replies today has been very good. We are very encouraged by the steps that are being taken and we look forward to seeing the much improve result. Thank you.*

#### ■ 1650

**Tuan Pengerusi:** *Thank you.* Jadi saya ucapkan- Dato' Seri Zaini tidak ada masalah di universiti ya, soal *security* ini? *[Ketawa]* Belum audit lagi *[Ketawa]*

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia]:** Ada satu audit tentang...

**Tuan Pengerusi:** Isu Terengganu- *I think* sudah penat sudah. Kami semua sudah penat jugalah. Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun sudah penat *[Ketawa]* Mungkin kita tangguh pada...

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *I am okay, it's up to you... [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *But I think your staff sudah balik sudah.*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** *No, dia ada.*

**Tuan Pengerusi:** *Ya?*

**Datuk Dr. Madinah binti Mohamad:** *Dia ada.*

**Tuan Pengerusi:** *Audit?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** *Boleh.*

**Tuan Pengerusi:** *Sure?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *Terpulang kepada Tuan Pengerusilah. Kita sudah siapkan nota-nota.*

**Tuan Pengerusi:** *Sudah siapkan nota? Sudah distribute pada semua orang?*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *Tidak, they are all here. Ada daripada Terengganu datang, why not..*

**Tuan Pengerusi:** *Ya, terima kasih Yang Berhormat.*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *I am okay.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sudi, kita teruskan. Boleh ya? Okey baik.*

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *Saya cadangkan kita teruskan.*

**Tuan Pengerusi:** *Boleh. Kita teruskan dengan Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan dan Latihan RV Discovery oleh UMT. Dato' Seri Zaini, security university tidak ada masalah ya? [Ketawa] Belum di audit lagi [Ketawa]*

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang:** *I think di universiti kita ada pegawai dalaman, bukannya contract out. Pegawai universiti yang jaga universiti.*

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang:** *Tuan Pengerusi, ada bab yang penambahbaikan tadi itu oleh Datuk KSU, can we give it to you?*

**Tuan Pengerusi:** *We will record it as your response.*

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** *Dato', kita kena panggil balik pegawai Dato' pasal ada yang dah balik dah.*

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang:** *Ada. Sebab tadi urus setia minta dia orang balik tapi ten minutes ago, they were here. So, I think we can call them back.*

**Tuan Pengerusi:** *Sorry, just now I was thought we were running late, so I wanted to postpone the kapal punya ini. [Disampuk] Some are still here, ya. Sorry, my mistakes. I wanted to postpone it but now...*

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang:** Yang datang itu bukan- ada, *VC is here*, pegawai-pegawai, *TNC is here?*...

■ 1700

*[Saksi-saksi daripada Kementerian Pendidikan keluar meninggalkan Jawatankuasa]*

*[Saksi-saksi daripada Universiti Malaysia Terengganu mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

*[Mesyuarat diteruskan dengan prosiding Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan & Latihan RV Discovery oleh Universiti Malaysia Terengganu]*

**Tuan Pengerusi:** Jadi, kita ucapkan terima kasih kepada Dato' Seri kerana telah memberikan keprihatinan yang tinggi mengenai kedua-dua perkara yang telah dibincangkan pada hari ini. Kita terima saranan ataupun azam untuk nak membetulkan dan menambahbaikkan prosedur dan juga tatacara kerja di kementerian.

Kami juga ucapkan terima kasih kepada kedua-dua KSU, Datuk Dr. Madinah dan Dato' Seri Ir. Dr. Zaini yang telah sudi datang pada hari ini. Kita haraplah- *moving forward, government will be more humble* macam apa yang berlaku pada hari ini. Dato' dengan KSU-KSU telah- *you admit there is a mistake, there is weakness but the whole idea is to improve on what we have today*, demi kepentingan rakyat. Jadi ,saya ucapkan terima kasih Dato' ya.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** *Alright.*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.20 petang.]***

# DOKUMEN PEMBENTANGAN



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN  
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN SWASTA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**27 November 2013**

**Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset**

**Bilangan Kontrak/ Zon – 795**  
**Nilai Kontrak – RM1.53 Billion**  
**Jumlah Sekolah – 10,011 Sekolah**

**TAHUN 2010**  
318 Kontrak  
RM 670.59 Juta

**TAHUN 2011**  
198 Kontrak  
RM 236.46 Juta

**TAHUN 2012**  
279 Kontrak  
RM624.87 Juta

**BIL. SEKOLAH MENENGAH:**

Harian	1958
SMKA	56
Teknik	18
Vokasional	70
Model Khas	11
Sekolah Seni	2
Sekolah Sukan	4
Agama Bantuan Kerajaan	160

**JUMLAH** 2268

**BIL. SEKOLAH RENDAH:**

Harian	5858
Jenis Cina	1294
Jenis Tamil	523
Pend Khas	28
Sekolah K9	5
Agama Bantuan	35

**JUMLAH** 7743

## Latar Belakang Kontrak

1. Pemswaan Kawalan Keselamatan telah dimulakan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1993.
2. Pembahagian kontrak dibuat berdasarkan kepada zon dimana setiap zon mengandungi 8 – 12 sekolah bergantung kepada geografi dan nilai kontrak.
3. Tempoh setiap kontrak adalah selama 3 tahun.
4. Pengesahan kerja dilakukan di peringkat sekolah manakala pembayaran dilakukan di PPD.

## Pemantapan Pengurusan Kontrak

Kementerian memantapkan pengurusan kontrak dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. menubuhkan Jawatankuasa Perbelanjaan Berhijab sejak tahun 2010 untuk memantau perkhidmatan ini.
- ii. menyediakan Garis Panduan Pemantauan sejak tahun 2008.
- iii. mengadakan seminar dan latihan kepada pentadbir sekolah.
- iv. memberikan taklimat kepada kontraktor semasa majlis penyerahan Surat Setuju Terima.
- v. Pemantauan bersepadu di peringkat Kementerian ke seluruh negara.
- vi. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Aduan Kontrak Perkhidmatan sejak tahun 2009.
- vii. Mengadakan pemantauan secara online melalui sistem Virtual Management Environment (VAME).



# Ahli Jawatankuasa Perbelanjaan Berhemah KPM

## Senarai Ahli Jawatankuasa

1. Bahagian Audit Dalam
2. Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset
3. Bahagian Kewangan
4. Bahagian Audit Sekolah
5. Pejabat Penasihat Undang-Undang
6. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
7. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
8. Wakil Jabatan Pendidikan Negeri


## Kekerapan mesyuarat bersidang

2 bulan sekali




# LATAR BELAKANG PENGAUDITAN

35 SAMPEL SEKOLAH




Selangor

• 17 buah sekolah



Sabah

• 11 buah sekolah




Perlis

• 7 buah sekolah

PENGAUDITAN  
JUN - SEPTEMBER 2012

BAGI KONTRAK BERMULA TAHUN 2010 – 2012

**ISU-ISU PERKHIDMATAN  
KAWALAN KESELAMATAN  
YANG DIBANGKITKAN DALAM  
TEGURAN AUDIT 2012**



# PENGURUSAN KONTRAK TIDAK TERATUR

Bil.	Penemuan Audit	Tindakan Diambil	Cadangan Penambahbaikan
1.	Bon Pelaksanaan dikemukakan melebihi 14 hari dari tarikh penyerahan Surat Setuju Terima.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kementerian telah mengeluarkan surat-surat amaran kepada syarikat-syarikat yang lewat mengemukakan Bon Pelaksanaan melebihi 14 hari.</li> <li>ii. KPM telah mengedarkan Garis Panduan Pengurusan Bon Pelaksanaan kepada semua JPN untuk memastikan syarikat-syarikat mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan.</li> <li>iii. KPM telah mengeluarkan Notis Tujuan Penamatan kepada syarikat-syarikat yang gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan yang tempoh yang ditetapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. KPM telah mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan untuk melanjutkan tempoh penyerahan Bon Pelaksanaan daripada 14 hari ke 30 hari. Tempoh ini dianggap sesuai bagi syarikat untuk menyediakan Bon Pelaksanaan.</li> <li>ii. Sebagai langkah pentadbiran, KPM dan JPN turut mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat-syarikat untuk mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan.</li> </ul>

# PENGURUSAN KONTRAK TIDAK TERATUR

Bil.	Penemuan Audit	Tindakan Diambil	Cadangan Penambahbaikan
2.	Sebanyak 14 kontrak ditandatangani sebelum mengemukakan Bon Pelaksanaan.	<p><b><u>Punca</u></b></p> <p>i. Bon Pelaksanaan telah diterima, tetapi kontrak telah ditandatangani <i>back dated</i> mengikut tarikh kuatkuasa kontrak sepertimana Surat Setuju Terima.</p> <p>ii. Kontrak yang bernilai kurang daripada RM2.5 juta ditandatangani oleh pihak JPN manakala kontrak yang bernilai melebihi RM2.5 juta ditandatangani oleh KPM.</p> <p><b><u>Tindakan</u></b></p> <p>Surat ingatan telah dikeluarkan kepada JPN supaya perkara ini tidak berulang.</p>	<p>i. Modul Latihan Pentadbiran Kontrak telah memasukkan elemen tatacara untuk menandatangani kontrak.</p> <p>ii. KPM telah menyediakan senarai semak "<i>Do and Don't</i>" menandatangani kontrak.</p>

# TERMA DAN SYARAT KONTRAK TIDAK JELAS/ TIDAK LENGKAP

Bil.	Penemuan Audit	Tindakan Diambil	Cadangan Penambahbaikan
1.	Bilangan kunci <i>watchman clock</i> tidak dinyatakan di dalam kontrak.	Surat arahan secara pentadbiran telah dikeluarkan kepada pihak pentadbir kontrak untuk menetapkan sekurang-kurangnya 4 kunci <i>watchman clock</i> dan ditempatkan di lokasi yang sesuai.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Syarat/ terma dan spesifikasi kontrak telah ditambah baik dan akan digunakan bagi kontrak-kontrak baru yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.</li> <li>ii. Syarat/ terma ini akan menekankan pemotongan kepada syarikat yang gagal mematuhi terma/ syarat kontrak.</li> </ul>
2.	Spesifikasi CCTV, lokasi pemasangan, pemilikan & latihan.	Surat peringatan telah dikeluarkan kepada semua JPN dan sekolah untuk mengenakan denda/ potongan kepada syarikat yang gagal membekalkan alarm system dan CCTV	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Seperti di atas.</li> <li>ii. Spesifikasi kontrak telah ditambah baik dengan menetapkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. CCTV boleh merekod dan menyimpan maklumat minimum selama 72 jam.</li> <li>b. Bilangan minimum sebanyak 4 lokasi iaitu di pintu pagar utama, blok pentadbiran, bilik yang menyimpan aset berharga.</li> <li>c. Monitor dipasang di pondok pengawal.</li> </ul> </li> </ul>

## TERMA DAN SYARAT KONTRAK TIDAK JELAS/ TIDAK LENGKAP

Bil.	Penemuan Audit	Tindakan Diambil	Cadangan Penambahbaikan
3.	Maklumat pengawal dan dokumen pengenalan diri.	Surat arahan secara pentadbiran telah dikeluarkan kepada semua JPN untuk meminta setiap syarikat menyerahkan semua maklumat pengawal keselamatan kepada sekolah.	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Seperti di atas.</li><li>ii. Pindaan klausa kontrak telah <b>mewajibkan</b> agar setiap syarikat menyerahkan semua maklumat pengawal kepada pentadbir sekolah.</li></ul>



# KETIDAKPATUHAN SYARIKAT TERHADAP TERMA DAN SYARAT KONTRAK

Bil.	Penemuan Audit	Tindakan Diambil	Cadangan Penambahbaikan
1.	Umur pengawal keselamatan melebihi had, laporan kesihatan dan tapisan keselamatan tidak dikemukakan	<p>i. Surat arahan secara pentadbiran telah dikeluarkan kepada JPN/ sekolah agar mengambil tindakan pemotongan bayaran kepada syarikat yang gagal mematuhi klausa kontrak.</p> <p>ii. Syarikat-syarikat yang telah dikenakan pemotongan sebanyak 3 kali, maka tindakan penamatan akan diambil.</p>	Syarat/ terma dan spesifikasi kontrak telah ditambah baik dan akan digunakan bagi kontrak-kontrak baru yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.
2.	Rekod kehadiran pengawal	<p>i. Surat arahan secara pentadbiran telah dikeluarkan kepada JPN/ sekolah agar mengambil tindakan pemotongan bayaran kepada syarikat yang gagal mematuhi klausa kontrak.</p> <p>ii. Pihak syarikat dikehendaki mengemukakan borang kehadiran pengawal apabila mengemukakan tuntutan bayaran bulanan.</p> <p>iii. Pihak sekolah telah diminta untuk membuat <i>spot check</i> kehadiran pengawal.</p>	Kualiti dan keberkesanan pemantauan akan dijadikan KPI Pengarah JPN/ PPD/ Pengetua dan Guru Besar mulai 1 Januari 2014.

# KETIDAKPATUHAN SYARIKAT TERHADAP TERMA DAN SYARAT KONTRAK

Bil.	Penemuan Audit	Tindakan Diambil	Cadangan Penambahbaikan
3.	Etika berpakaian pengawal	i. Etika berpakaian tertakluk kepada ketetapan oleh Kementerian Dalam Negeri.  ii. Sekiranya perkara ini tidak dipatuhi, tindakan pemotongan bayaran akan dikenakan kepada syarikat.	Penambahbaikan dalam konteks etika berpakaian telah dilaksanakan dalam spesifikasi kontrak yang baru dengan menetapkan pakaian pengawal seragam berwarna putih yang mempunyai lencana dan lambang syarikat dan seluar berwarna biru gelap. Pakaian seragam ini juga dilengkapi topi, kasut, cota, lampu suluh dan wisel.
4.	Peralatan tidak digunakan / mencukupi / rosak	Sekiranya peralatan yang disyaratkan di dalam kontrak tidak dipatuhi, tindakan pemotongan bayaran akan dikenakan kepada syarikat.	Sama seperti di atas.


## PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN MEMUASKAN

Bil.	Penemuan Audit	Tindakan Diambil	Cadangan Penambahbaikan
1.	Kawalan keluar/ masuk kawasan sekolah	Surat arahan secara pentadbiran telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat untuk memastikan tindakan kawalan keluar masuk dan kawalan pintu pagar dilaksanakan sebagaimana ditetapkan dalam kontrak.	Kekerapan dan keberkesanan pemantauan terhadap prestasi syarikat akan dijadikan sebagai KPI Pengarah JPN mulai 1 Januari 2014.
2.	Rakaman <i>watchman clock</i> tidak teratur	Surat arahan secara pentadbiran telah dikeluarkan kepada JPN/ sekolah agar mengambil tindakan pemotongan bayaran kepada syarikat yang gagal mematuhi klausa kontrak.	Seperti di atas.
3.	Kehadiran pengawal bertugas	Surat arahan secara pentadbiran telah dikeluarkan kepada sekolah yang terlibat untuk memastikan rekod kehadiran sentiasa dipantau oleh pihak sekolah.	Seperti di atas.
4.	Denda tidak dikenakan terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan	KPM telah memberikan taklimat kepada semua JPN/ PPD dan sekolah dengan menekankan agar mengenakan denda kepada syarikat yang gagal mematuhi syarat di dalam dokumen kontrak.	Seperti di atas.

## ***Way Forward***

1. Terma-terma dan syarat kontrak telah diperkemaskan setelah mengambil kira teguran-teguran audit.
2. Pentadbir kontrak akan diberikan latihan secara berkala bagi mempertingkatkan kecekapan pentadbiran kontrak.
3. Tindakan tegas akan diambil ke atas kontraktor yang gagal mematuhi syarat/ terma kontrak melalui denda/ pemotongan/ penamatan kontrak.
4. Pengurusan kontrak bekalan dan perkhidmatan akan dijadikan sebagai salah satu KPI kepada Pengarah JPN/ PPD/ Guru Besar/ Pengetua.
5. KPM telah mewujudkan sistem pemantauan secara *on-line* yang dinamakan sistem *Virtual Management Environment* (VAME) yang boleh diakses dari mana-mana lokasi di seluruh Malaysia.

# **TERIMA KASIH**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN  
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN SWASTA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**2 April 2014**

**Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset**

# ISI KANDUNGAN

## 1. Latar Belakang


## 2. Penemuan Audit

- i. Pengurusan kontrak tidak teratur
- ii. Terma dan syarat kontrak tidak jelas dan lengkap
- iii. Ketidapatuhan syarikat terhadap terma dan syarat kontrak
- iv. Perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan memuaskan
- v. Tuntutan pembayaran tidak teratur

## 3. Iktibar (*Lesson Learnt*)

## 4. *Way Forward*


## Latar Belakang






# LATAR BELAKANG PENGAUDITAN

35 SAMPEL SEKOLAH




Selangor

- 17 buah sekolah



Sabah

- 11 buah sekolah



Perlis

- 7 buah sekolah

PENGAUDITAN  
JUN - SEPTEMBER 2012

BAGI KONTRAK BERMULA TAHUN 2010 – 2012

**ISU-ISU PERKHIDMATAN  
KAWALAN KESELAMATAN  
YANG DIBANGKITKAN DALAM  
TEGURAN AUDIT 2012**

## Penemuan Audit



1. Pengurusan kontrak tidak teratur



2. Terma dan syarat kontrak tidak jelas dan lengkap



3. Ketidakpatuhan syarikat terhadap terma dan syarat kontrak



4. Perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan memuaskan



5. Tuntutan pembayaran tidak teratur

1

## Pengurusan Kontrak Tidak Teratur


**Pengurusan  
Kontrak  
Tidak  
Teratur**

**Bon diterima > 14  
hari dari tarikh  
penyerahan SST**

**Kontrak  
ditandatangani  
awal sebelum  
bon dikemukakan**

2

## Terma & Syarat Kontrak Tidak Jelas/ Lengkap



Bilangan kunci  
*watchman clock*  
tidak dinyatakan



Spesifikasi CCTV,  
lokasi  
pemasangan,  
pemilikan &  
latihan tidak jelas



Maklumat dan  
dokumen  
pengenalan diri  
tidak dikemukakan

### 3

## Ketidakpatuhan Syarikat Terhadap Terma Dan Syarat Kontrak




1. Umur pengawal melebihi had, laporan kesihatan tiada



2. Rekod kehadiran pengawal tidak disimpan



3. Pengawal tidak memakai pakaian seragam



4. Peralatan tidak digunakan, tidak mencukupi, rosak

4


## Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan



Kawalan  
lemah di pintu  
masuk sekolah



Rakaman  
*watchman*  
*clock* tidak  
teratur




Tiada rekod  
kehadiran  
pengawal  
bertugas



Denda tidak  
dikenakan  
terhadap  
perkhidmatan  
yang tidak  
memuaskan

**5**

## Tuntutan Pembayaran Tidak Teratur





## Iktibar (Lesson Learnt)

Memastikan perkhidmatan yang diberikan setimpal dengan setiap sen wang rakyat yang dibelanjakan. Bagi memastikan ia akan direalisasikan:



Melaksanakan pemantauan dengan lebih tegas dan mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan peraturan-peraturan sedia ada sekiranya cuai dalam menjalankan tugas.



Sentiasa meneliti dan memperkemaskan terma-terma dan syarat kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan mengikut keperluan semasa setiap 2 tahun sekali.



Melaksanakan *Engagement* dan *Knowledge Sharing* dengan lebih kerap, sistematik dan efisien dengan agensi pengguna perkhidmatan.



Terma-terma dan syarat kontrak telah diperkemaskan setelah mengambil kira teguran-teguran audit.



## Way Forward



Memperluaskan penggunaan sistem *Virtual Management Environment* (VAME)



Melaksanakan Audit Pengurusan dengan kerjasama Jabatan Audit Negara



Cadangan menggantikan pengawal keselamatan swasta dengan *Contract For Service*



Bekerjasama dengan Jabatan Sukarelawan Malaysia untuk memantau pelaksanaan kawalan keselamatan di sekolah-sekolah berisiko tinggi di Kuala Lumpur



Bekerjasama dengan Unit Penguatkuasa KDN untuk membuat pemantauan berkala dan pemantauan mengejut di sekolah-sekolah

**TERIMA KASIH**

**Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset**